

97- 1174



Wajah PEMIMPIN



YUSOF HARUN

4 WAJAH PEMIMPIN

4 WAJAH PEMIMPIN

182103

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

09 OCT 1996

YUSOF HARUN

PENERBIT
KREATIF RAYA (M) SDN BHD
1993

Hakcipta © Yusof Harun

Tidak dibenarkan ulang cetak sama ada secara mekanikal elektronik atau penyalinan sebarang bahan dalam buku ini tanpa terlebih dulu mendapat kebenaran daripada pihak penerbit.

ISBN:

Penerbit

Kreatif Raya (M) Sdn. Bhd.
2756C, Jalan Changkat Permata
Taman Permata, Ulu Kelang
Selangor.

Pencetak:

Polygrafik (M) Sdn. Bhd.

Harga: RM 11.00

KANDUNGAN

PENGENALAN

DATO SERI NAJIB TUN RAZAK

TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHD TAIB

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN

TAN SRI ABD. RAHIM TAMBY CHIK

Pengenalan

KEMPEN bagi Perhimpunan Agung UMNO 1993 kini sedang hangat dengan tanda-tanda awal menunjukkan kumpulan yang dikatakan menyokong kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim akan meraih kemenangan besar sekiranya keputusan pencalonan peringkat bahagian yang baru saja selesai bersidang tidak berganjak daripada keputusan asalnya. Sementara itu kumpulan yang dikatakan menyokong kepimpinan Encik Ghafar Baba pula menampakkan tanda-tanda kekalahan dengan jumlah pencalonan yang jauh tertinggal dibandingkan dengan group Anwar Ibrahim.

Sekurang-kurangnya keputusan pencalonan yang tergambar kepada kita setakat ini menunjukkan bahawa para perwakilan UMNO di seluruh negara inginkan suatu perubahan kepada corak kepim-

pinan UMNO di peringkat pusat. Kenapa dan mengapa situasi ini berlaku menjelang perhimpinan Agung UMNO kali ini, adalah satu persoalan menarik yang mungkin ada hubungannya dengan corak kepimpinan yang telah dibawa oleh Dr. Mahathir selama lebih 12 tahun memimpin negara. Tentulah ada sesuatu yang istimewa dalam masa pemerintahan Dr. Mahathir, jika dibandingkan dengan kepimpinan UMNO dalam era sebelum beliau.

Yang pasti, Dr. Mahathir telah berjaya membuka mata majoriti ahli-ahli UMNO bahawa pemilihan sesaorang pemimpin yang berwibawa amat penting untuk melahirkan sebuah negara yang membangun dan maju. Sistem siapa lebih senior patut dilantik memegang jawatan Perdana Menteri kerana dengan demikian UMNO tidak akan berpecah atau bagi menjaga perasaan para pemimpin terdahulu sudah tidak lagi sesuai. Ahli-ahli UMNO kini mulai insaf bahawa pemilihan sesaorang pemimpin mesti dilakukan dengan penuh hati-hati.

Yang tua tidak semestilah pandai dan bijak dalam memimpin negara dan yang muda pula tidak semestinya mentah dan tidak tahu soal-soal kepimpinan. Falsafah siapa makan garam dulu, dia lebih tahu sudah tidak sesuai lagi dipraktikkan dalam keadaan hari ini di mana pemimpin sesebuah negara mestilah seorang yang serba tahu, serba cekap dan serba mahir dalam sepak teranjang politik dunia. Mereka bukan setakat pandai berpolitik ala kampung sahaja.

Para pemimpin UMNO hari ini mestilah ada wawasan dalam perjuangan mereka dan wawasan itu mestilah disusun dengan perancangan yang teliti serta perlaksanaan yang kemaskini. Wawasan bukan sekadar laungan dibibir atau bayang-bayang yang tidak berpijak di bumi nyata kerana rakyat kini sudah tidak boleh lagi digula-gulakan dengan seribu janji palsu atau angka-angka yang tidak memberi apa-apa makna kepada mereka.

Rakyat kini sudah pandai mengukur kebolehan dan kewibawaan sesaorang pemimpin. Dengan demikian sudah tentulah, mereka mahukan pemimpin yang mampu membawa perubahan serta yang telah membuktikan kebolehan dalam pimpinan. Mereka mahukan

pemimpin yang boleh menyambung perjuangan Dr. Mahathir khususnya memastikan Wawasan 2020 mencapai kejayaan.

Sesungguhnya faktor-faktor inilah yang saya yakini telah mempengaruhi seluruh ahli-ahli UMNO khususnya para perwakilan UMNO di kebanyakan Bahagian memilih pemimpin yang betul-betul mamt ap di segi kepimpinannya. Mereka telah menyenaraikan para pemimpin yang diyakini kemampuan mereka untuk menyambung perjuangan Dr. Mahathir pada masa hadapan. Dan keyakinan ini sudah tentu berasaskan suatu penelitian serta penapisan yang paling ketat.

Kita patut berbangga kerana tiga tokoh yang menduduki tangga teratas pencalonan untuk kerusi Naib Presiden UMNO bagi pemilihan kali ini adalah tokoh-tokoh berwibawa. Begitu juga dengan jawatan Ketua Pemuda UMNO di mana Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik mendapat pencalonan yang selesa setakat ini.

Dato' Seri Najib Tun Razak bukanlah calang-calang pemimpin. Sejak menceburi politik, beliau telah membuktikan kebolehannya sama ada ketika menjadi Menteri Besar Pahang , Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan atau Menteri Pertahanan. Begitu juga dengan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, tokoh utama yang memperjuangkan gagasan Melayu Baru dan telah melepasi banyak cabaran yang getir selama menjadi Menteri Besar Selangor.

Tan Seri Muhyiddin Yassin, anak Johor yang serius dalam tugas-tugasnya bukan sahaja mampu melenyapkan pengaruh Datuk Musa Hitam yang selalu mengoncangkan politik Johor tetapi telah menukar wajah pembangunan di Johor dengan begitu berjaya. Kejayaannya hampir menyamai seperti apa yang dilakukan oleh Tan Sri Rahim Tamby Chik yang boleh dianggap bapa pembangunan Melaka modern.

Wajah-wajah keempat-empat pemimpin ini melambangkan semangat kerjasama yang kukuh untuk membawa negara ke era yang lebih gemilang di masa depan. Mereka mungkin muda di segi usia tetapi itu bukan alasan kukuh untuk menolak kewibawaan mereka dalam p73 memimpin negara.

Buku ini amat berguna bagi memudahkan kita menyelami sejarah serta perjuangan tokoh-tokoh ini. Barangkali dengan memahami aspek-aspek utama kepemimpinan mereka kita dapat menjejaki corak kepemimpinan mereka di masa depan.

Datuk Seri Najib Tun Razak

Orang yang telah lama hidup tidak boleh mendakwa dirinya lebih banyak pengalaman berbanding dengan orang lebih muda daripadanya. Lama tidak menjamin banyak pengalaman dan baru pula bukanlah syarat untuk tidak membolehkan seseorang mendapat pengalaman. Sebenarnya tempoh masa dan pengalaman bukanlah suatu formula persamaan yang konstan. Keduanya tidak mempunyai angkubah yang relatif tetap.

“Pengalaman seseorang banyak bergantung kepada pendedahan yang diterima olehnya,” Demikianlah antara kata-kata yang diucapkan oleh Menteri Besar Pahang pada tahun 1982. Kata-kata tersebut diucapkan kepada wakil-wakil media massa yang menemu-ramah beliau selepas perlantikannya sebagai ketua kerajaan negeri itu. Frasa

tersebut yang masih segar dalam ingatan saya merupakan ulasan beliau kepada keraguan pelbagai pihak terhadap kewajaran perlantikan tersebut. Banyak pihak, secara terbuka atau tersembunyi meragui keupayaan beliau menjadi Menteri Besar dalam usia yang begitu muda. Mereka beranggapan anak Allahyarham Bapa Pembangunan Malaysia ini masih mentah dan amat kurang pengalaman untuk mengendalikan sebuah negeri yang sering mengalami kekusutan itu, khususnya hubungan dengan pihak istana.

Ketika dilantik menjadi Menteri Besar Pahang, beliau baru berusia 29 tahun. Beliau merupakan Menteri Besar termuda dalam era Malaysia merdeka. Penglibatan beliau dalam politik juga masih p73 dianggap baru pada masa itu. Lebih kurang tujuh tahun sahaja melibatkan diri dalam politik, terus dapat memegang jawatan yang begitu penting sekali. Tidak hairanlah jika perlantikan tersebut menimbulkan banyak kesangsian daripada pelbagai pihak.

Bagaimanapun semua kritikan tersebut tidak melemahkan semangatnya. Komen-komen yang mempersoalkan kebolehan beliau lenyap dengan segera setelah beliau berjaya memberi keyakinan bahawa umur dan pengalaman tidak boleh dijadikan akuan kepada kebolehan serta kewibawaan seseorang pemimpin. Semua pihak yang ragu-ragu selama ini nampaknya mulai kendur mendengar jawapan yang begitu bernas dan sinis tersebut.

Tambahan pula, beliau telah menunjukkan perasaan rendah diri dan penuh sedar semasa mula-mula menjawat jawatan Menteri Besar Pahang. Beliau tidak menampakkan lansung perasaan bangga atau besar diri atas perlintikannya itu. Hal ini terbukti apabila beliau tanpa segan silu meminta kerjasama semua pihak terutama wakil-wakil rakyat yang lebih 'senior' darinya membantu 'menunjuk ajar' beliau mentadbirkan negeri itu. Keadaan itu sudah jelas memperlihatkan kepada ramai bahawa beliau seorang 'junior' yang berfikiran matang.

Sifat beliau yang kelihatan 'slow and steady', tenang, matang dan berhati-hati itu rupa-rupanya banyak membantu menenangkan pergolakan antara UMNO dengan Istana Pahang. Sebelum beliau,

kerusi Menteri Besar Pahang selalu panas disebabkan campurtangan pihak istana dalam urusan pentadbiran negeri. Ketegangan di antara Menteri Besar dengan Sultan adalah perkara biasa di negeri itu. Gangguan dan campurtangan istana kerap kali menimbulkan kesulitan kepada Menteri Besar selaku ketua pentadbir negeri. Menteri-menteri Besar yang tidak sebulu dan sering menghalang kehendak 'berlebihan' oleh istana tidak dapat bertahan lama. Sebaliknya dengan Najib, keadaan seperti ini tidak berlaku.

Sebenarnya, krisis istana dengan Menteri Besar negeri itu lebih berkisar kepada soal-soal konsesi kawasan balak. Pahang sebagai negeri yang besar dan luas kawasan hutannya memang kaya dengan penghasilan kayu balak. Mendapat kawasan balak sudah tentu menjanjikan kemasukan wang yang lumayan kepada sesiapa sahaja. Apatah lagi jika kawasan yang diperolehi itu luas dan mengandungi jenis kayu bermutu tinggi. Tidak hairanlah jika 'politik balak' yang sering menghantui dan menggerhanakan ketenangan politik di negeri itu.

Krisis seperti di atas mencapai kemuncaknya semasa Datuk Abdul Rahim Bakar menjadi Menteri Besar. Sifat Datuk Abdul Rahim tidak suka menurut dan melayani kehendak istana yang berlebihan telah menimbulkan kemurkaan Sultan. Akhirnya Datuk Rahim Bakar terpaksa meletakkan jawatannya. Dengan demikian adalah menjadi tugas utama Datuk Najib yang menggantikan Datuk Rahim Bakar, untuk memulihkan kembali kekeruhan hubungan dengan istana. Tugas ini merupakan satu cabaran besar kepada orang semuda beliau. Harapan pucuk pimpinan menghantarnya menerajui Pahang tidak sia-sia. Kehadiran beliau nampaknya berjaya meredakan suasana.

Datuk Najib merupakan Menteri Besar Pahang yang pertama dapat mengelakkan sebarang krisis dengan istana selama tempoh beliau memegang jawatan itu. Kebolehan menenangkan keadaan ini bukanlah disebabkan beliau menurut sahaja kehendak Sultan. Sungguhpun kelihatan lemah lembut, beliau merupakan seorang yang tegas. Ketegasan beliau menyebabkan tidak semua permohonan daripada Sultan diluluskan olehnya. Dalam hal ini beliau pernah

menegaskan:

“ Saya tidak boleh terus memberinya (kawasan balak, lombong, tanah, biasiswa dan sebagainya), kerana kita mempunyai dasar-dasar tertentu dan dasar-dasar itu pula adalah untuk kebaikan umum “

Berdasarkan kenyataan tersebut bolehlah kita katakan bahawa ketiadaan krisis dengan istana bukanlah berasaskan faktor mengikut kehendak Sultan. Beliau dapat membuktikan, tanpa menurut semua kehendak Sultan pun, krisis tetap dapat dielak dan dibendung. Dengan demikian, dapatlah kita simpulkan bahawa kebijaksanaan dan kesabaran yang ada pada Datuk Najib menjadi faktor utama wujudnya ketenangan itu. Imej beliau sebagai pemimpin berwibawa mula terserlah dengan kebolehannya mengatasi dan menyelesaikan masalah yang rumit ini.

Faktor latar belakang juga memainkan peranan besar dalam menokok tambah lagi kewibawaan beliau sebagai pemimpin. Sungguhpun bukan dari keluarga bangsawan yang berdarah keturunan raja, namun keluarga beliau merupakan golongan orang atasan. Dalam istilah hari ini dikenali sebagai golongan ‘Elite Melayu’. Sejak datuk neneknya lagi keluarga mereka merupakan keluarga terhormat dan disegani di negeri Pahang. Kedudukan latar belakang begitu membuatkan keluarga ini mempunyai hubungan yang agak rapat dengan golongan istana. Kemasyhuran keluarga beliau semakin terkenal apabila Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri.

Meninjau kebelakang, kemasukan Datuk Najib ke dalam politik pada mulanya lebih merupakan sebagai tanda penghormatan kepada jasa-jasa Allahyarham bapanya. Kemasukan beliau dalam politik adalah sebagai pemimpin yang ‘ditunjuk’ bukannya pemimpin pilihan ramai. Kemasukan beliau juga terus di peringkat pertengahan tanpa melalui peringkat ‘grass-root’ terlebih dahulu. Sentimen orang Melayu, terutama di Pahang, khasnya Daerah Pekan yang begitu terharu, terkejut dan pilu dengan kematian Tun Razak membolehkan pemilihan Datuk Najib melalui jalan mudah tanpa sebarang bantahan daripada ahli-ahli dan pemimpin UMNO Pekan.

Kehadiran anak sulung bekas Perdana Menteri Malaysia Kedua

ini dalam politik UMNO pada peringkat awalnya kelihatan banyak bergantung kepada kepopularan dan penghormatan arwah bapanya. Ketika berumur 23 tahun beliau dicalonkan untuk kerusi Parlimen Pekan, menggantikan tempat Tun Razak. Beliau mendapat kemenangan besar pada pilihanraya kecil tahun 1976 itu. Pada tahun tersebutlah beliau mula memasuki politik dan meneruskan karier sebagai seorang ahli politik sehinggalah sekarang.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, dayausaha 'menunjukkan' Datuk Najib pada peringkat awalnya lebih bersifat sebagai membalas jasa Allahyarham Tun Razak. Terdapat juga bisikan liar mengatakan penonjolan beliau disebabkan amalan 'Nepotisme' yang menebal pada pucuk pimpinan ketika itu. Cakap-cakap belakang itu mempunyai asas kerana Tun Hussein Onn yang menggantikan Tun Razak merupakan birasnya. Kedua-dua mereka merupakan menantu ahli perniagaan dan hartawan Melayu terkenal, Tan Sri Noah Mohamad. Perlantikan Tun Hussein Onn sebagai pengganti Tun Razak memang agak memeranjatkan. Ini memandangkan Tun Hussein bukanlah mempunyai kedudukan yang kanan dalam parti UMNO ketika itu. Keadaan seperti ini, menurut sesetengah pendapat, menjadi punca perletakan jawatan Encik Ghafar Baba dari Kabinet.

Ertinya di sini, Datuk Najib dan Tun Hussein mempunyai pertalian keluarga yang dekat. Kedudukan sedemikian menimbulkan satu konflik pada beliau. Konflik tersebut merupakan cabaran besar kepada beliau sebagai seorang ahli politik.

Beliau perlu membuktikan dirinya betul-betul berkelayakan untuk menjadi seorang pemimpin. Di samping itu, sebagai anak muda yang bercita-cita tinggi beliau berhasrat membina imej dan ketokohan di atas kekuatan sendiri. Dirinya tidak mahu dibayangi oleh ketokohan arwah bapanya sebelum ini. Kepopularan dan ketokohan bapanya akan dijadikan sebagai peransang dan pendorong untuk beliau membina imej tersendiri.

Sungguhpun tidak dinafikan kedudukan arwah bapanya banyak membantu mempopularkan. Beliau, namun dirinya tidak boleh selamanya bergantung kepada bayangan arwah bapanya. Konflik-

konflik inilah yang menghantui dirinya. Permasalahan inilah yang perlu diberikan perhatian utama dan diselesaikan dengan bijak dan sempurna. Keazaman mengatasi atau menyelesaikan konflik ini memberikan inspirasi besar kepada beliau untuk terus berusaha. Berusaha memperbaiki sebarang kelemahan dan memperlengkapkan diri untuk menjadi pemimpin yang berwibawa.

Dengan bakat kepimpinan semulajadinya, tidaklah sukar bagi anak kelahiran Pekan ini, untuk menempatkan dirinya sebaris dengan pemimpin-pemimpin tertinggi yang lain. Malah, perjalanannya begitu cepat dan lancar mengejar dan kadang-kadang mengatasi tokoh-tokoh lain yang terdahulu. Hakikat dirinya dari golongan atasan tidak menghalang beliau untuk memahami dan mendampingi ahli-ahli parti pada peringkat bawahan. Kebolehan beliau menyesuaikan diri dengan semua keadaan yang kontras memang dikagumi. Beliau dihormati oleh kawan dan lawan. Hal ini tidaklah menghairankan kita kerana pengaruh keluarganya yang begitu dihormati. Sungguhpun begitu, sifatnya yang tidak membesarkan diri dapat dimengerti dari asuhan ibu bapanya sejak kecil lagi. Walaupun dilahirkan dalam keluarga termama dan berpangkat, beliau tidak berbangga dengan keturunan.

Dilahirkan pada tahun 1953, mendapat pendidikan menengah di St. John Institution, Kuala Lumpur. Selepas mendapat ijazah undang-undang dari Nottingham University, United Kingdom, beliau terus menjadi calon pilihanraya. Bermula sebagai ahli Parlimen Pekan pada tahun 1976, bintang beliau dalam politik semakin terang. Dua tahun kemudian, 1978, beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Tenaga dan Pos. Jawatan tersebut dipegangnya sehingga tahun 1980. Sungguhpun baru dua tahun menjadi anggota Parlimen serentak sebagai ahli politik, prestasi yang ditunjukkan tidaklah menghampankan. Selok belok politik dan pentadbiran dapat dipelajari serta difahaminya dengan begitu banyak sekali dalam tempoh sesingkat itu.

Selepas itu beliau diletak pula di Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kewangan dari tahun 1981 hingga tahun 1982. Jawatannya di kedua-dua kementerian ialah sebagai Timbalan Menteri juga. Pendedahan selama empat tahun di kementerian-kementerian

persekutuan memberikan banyak pengetahuan dan pengalaman kepada beliau. Prestasi yang ditunjukkannya selama tempoh itu meyakinkan pucuk pimpinan bahawa anak muda ini telah mempunyai persediaan yang cukup untuk diberikan tugas lebih besar dan mencabar. Kebetulan pada masa itu, terjadi kekecohan di antara Menteri Besar dengan Sultan di Pahang. Tokoh-tokoh yang ada di Pahang pada masa itu tiada yang berpotensi untuk menjadi tokoh pengimbang. Tokoh yang akan dihantar untuk menenangkan kembali suasana di Pahang mestilah seorang yang dihormati oleh istana dan disegani di kalangan pelbagai 'team' wakil-wakil rakyat.

Setelah beberapa analisa dibuat, nyatalah tiada tokoh lain yang boleh memenuhi syarat-syarat yang diperlukan. Sebagai jalan keluar untuk mengatasi kesukaran calon tersebut, Najib telah menjadi tumpuan. Semua pihak merasakan beliau sahaja yang layak berpeperanan sebagai tokoh pengimbang di negeri Pahang. Sungguhpun khidmatnya masih diperlukan di Pusat, namun untuk mengatasi keadaan yang lebih mendesak di Pahang, beliau terpaksa juga ke sana. Pilihanraya umum tahun 1982 beliau bertanding sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan dilantik sebagai Menteri Besar nanti.

Sepanjang tempoh menjawat jawatan tersebut selama lebih kurang empat tahun, hingga 1986, beliau telah berjaya meredakan ketegangan politik di negeri Pahang. Sebelum ini, suasana politik negeri itu selalu 'kepanasan'. Keruncingan politik negeri itu sebenarnya berlaku akibat campurtangan istana terhadap kuasa-kuasa eksekutif Menteri Besar. Kerenggan hubungan Menteri Besar dan Sultan diambil kesempatan oleh sesetengah wakil rakyat yang berkepentingan diri sendiri. Mereka ini sanggup menjadi 'musuh dalam selimut' dengan menjadi pengampu Sultan dan membelakangkan Menteri Besar. Harapan mereka, Menteri Besar akan terpecat atau dipecat dan peluang terbuka kepada mereka untuk mengisi kekosongan tersebut nanti.

Sepatutnya keadaan keruncingan hubungan kerajaan dengan istana itu tidak akan menjadi krisis politik seandainya tiada wakil

rakyat yang mengambil kesempatan darinya. Perbuatan mereka menjadi musuh dalam selimut dan menikam Menteri Besar dari belakang ini sudah tentu menyulitkan kedudukan Menteri Besar. Keadaan sebegini sudah tentu menyukarkan sebarang langkah penyelesaian. Menteri Besar tentulah tidak dapat menjalankan kuasanya dengan berkesan kerana tidak mendapat sokongan bulat dari orang-orangnya sendiri. Andai kata semua wakil rakyat bersama berdiri teguh di belakang Menteri Besar, sudah tentu kedudukan Menteri Besar cukup kuat untuk berhadapan dengan sebarang tindakan oleh istana. Istana sudah tentu tidak boleh memaksa kehendaknya dipenuhi tanpa mengikut prosedur dan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Kehadiran Najib sebagai Menteri Besar Pahang telah mengubah segala-galanya. Budaya ingin jatuh menjatuh sesama sendiri di kalangan wakil-wakil rakyat nampaknya terhenti. Tekanan istana nampaknya berkurangan, walaupun tidak semua tuntutan mereka dipenuhi oleh Menteri Besar ini. Cakap beliau nampaknya 'didengar' oleh semua pihak. Tanpa banyak 'politiking', kerajaan negeri dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada pembangunan negeri. Masa tidak terbuang begitu sahaja. Semua pihak nampaknya berjaya dikawal oleh beliau. Komplot-komplot belakang tabir nampaknya tidak ternampak bayang lagi. Pahang menjadi tenang, setenang wajah Datuk Najib sendiri.

Kestabilan Pahang hasil diplomasi Datuk Najib memberikan keyakinan kepada pucuk pimpinan untuk mengeluarkan beliau dari negeri itu. Pahang yang telah disembuhkan penyakitnya boleh diserahkan pula kepada orang lain. Bakat pada Datuk Najib yang berpotensi besar untuk diketengahkan tidak sepatutnya terus dipendap di peringkat negeri. Beliau akan ditarik pula ke Pusat. Dengan itu, pada pilihanraya umum tahun 1986, beliau sekali lagi bertanding di kawasan Parlimen. Dalam pembentukan kabinet selepas pilihanraya itu, beliau dilantik menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Kehadirannya di Kementerian tersebut telah memberikan satu kekuatan baru kepada dunia sukan tanah air. Dunia sukan yang selama ini kurang diberi perhatian telah bertukar. Sebelum ini, seolah-

olah tidak ada sebarang galakan memberansangkan untuk bidang ini, kecuali dalam beberapa permainan tertentu sahaja. Galakan seperti menyediakan insentif yang menarik kepada jaguh-jaguh sukan yang mencapai kejayaan cemerlang ditingkatkan. Kemudahan latihan dan kelengkapan dipertingkat dan diperluaskan. Usaha menambahkan minat orang ramai terhadap sukan diperhebatkan. Baik sebagai peserta atau sekadar peminat atau penonton.

Beberapa kejayaan Malaysia dalam bidang sukan peringkat antara bangsa semasa beliau menjadi Menteriya turut mengharumkan imej Malaysia di bidang ini. Negara kita mula menonjolkan diri sebagai sebuah kuasa sukan yang tidak boleh diperkecilkan di rantau sebelah sini. Ganjaran dan galakan yang diperkenalkan oleh kementerian beliau telah melahirkan bintang-bintang sukan terkemuka di Asia seperti Rosman Alwi dengan sukan lumba basikal, Nurul Huda Abdullah bagi renang dan Faiznur Miskin dalam acara gimnastik. Itu pun sekadar menyebut beberapa nama sahaja. Taraf sukan paling popular iaitu bolasepak juga dinaikkan pada zaman beliau. Pertandingan bolasepak secara semi-profesional mula diperkenalkan.

Nasib ahli-ahli sukan nampaknya mula mendapat pembelaan yang wajar. Masa depan mereka nampaknya lebih terjamin. Kalau selama ini nasib mereka kurang dipedulikan menyebabkan minat terhadap sukan menjadi tawar begitu sahaja. Kini, keadaannya telah berubah. Penglibatan mereka juga merupakan satu pengorbanan dan sewajarnya, mengikut Datuk Najib, mereka juga mendapat habuan yang setimpal. Dengan usaha dan inisiatif kementeriannya juga bidang sukan semakin berkembang sebagai suatu profesion bukan sahaja kepada pengamalannya tetapi juga sebagai bidang perniagaan yang begitu menguntungkan.

Penonjolannya yang begitu ketara dalam bidang kesukanan menenggelamkan bahagian-bahagian lain seperti belia dan kebudayaan di kementerian itu. Ini tidaklah bermakna beliau mengabaikan terus bahagian-bahagian tersebut. Cuma penekanan yang lebih sahaja diberikan kepada bidang sukan. Tidak hairanlah, sepanjang berkhidmat dcengan kementerian berkenaan sehingga tahun 1990, beliau lebih

dikenali sebagai Menteri Sukan. Orang seolah-olah lupa bahawa beliau juga adalah Menteri Belia dan Menteri Kebudayaan, yang dicantumkan di bawah satu kementerian sahaja.

Sebenarnya, jika kita tidak memerhatikan dengan teliti corak kerja dan penghasilan Datuk Najib, kita akan sukar menemui kejayaan-kejayaan yang dilakukannya. Keadaan demikian perlulah kita fahami, bahawa beliau bukanlah seorang yang suka menonjolkan dirinya. Sifatnya tidak suka masuk bakul, kemudian angkat sendiri. Beliau seorang yang kurang cakap, tapi banyak menumpukan kepada kerja. Sebab itulah, jika kita bukan seorang pemerhati yang peka, memang sukar untuk menyenaraikan satu persatu kejayaan hasil kerjanya.

Keberkesanan beliau menerajui kementerian tersebut sememangnya diakui oleh pucuk pimpinan. Buktinya, beliau dipindahkan pula ke Kementerian Pertahanan pada tahun 1990. Kementerian Pertahanan merupakan salah satu Kementerian yang terpenting. Kepentingan kementerian ini boleh dilihat daripada peranannya yang bersangkutan dengan soal-soal pertahanan negara. Secara tidak lansung juga kementerian ini mesti terlibat dalam hubungan dengan negara-negara luar. Kementerian ini mesti sensitif dengan segala perkembangan atau pergolakan yang berlaku di sekitar negara kita terutama negara-negara jiran. Suasana semasa di sekeliling kita sudah tentu memberikan kesan ke atas keselamatan negara ini. Musuh-musuh dari luar akan berfikir banyak kali untuk melancarkan sebarang provokasi seandainya kita mempunyai pasukan pertahanan yang kuat dan mantap.

Apabila menyebut pertahanan, kita semua tentulah terbayangkan askar-askar yang segak dengan senjata masing-masing. Tergambar kepada kita semangat, kekuatan, ketabahan, keberanian, ketegapan, keseriusan dan beberapa sifat waja yang lain, terpancar dari rupa diri para perajurit. Ciri-ciri tersebut merupakan sifat tradisi asas yang perlu dan sepatutnya ada pada seorang tentera. Sifat sedemikian lebih memberikan penekanan kepada kekuatan fizikal. Ciri-ciri konservatif tersebutlah yang menguasai benak fikiran kebanyakan kita apabila dikaitkan dengan pasukan tentera.

Wajah-wajah yang bengis, kasar, garang dan menggerunkan itu memang sesuai dengan peranan perajurit pada masa kebelakangan kerana kebanyakan mereka terpaksa berhadapan dengan musuh secara berdepan. Mereka terpaksa bertempur dengan musuh di medan peperangan terbuka. Kini masa telah berubah. Perubahan masa, dengan segala kemajuan teknologi turut mengubah teknik peperangan. Dewasa ini, peperangan secara konvensional itu telah digantikan dengan kecanggihan teknologi. Di samping kekuatan serta kecekapan fizikal dan ketahanan diri yang masih lagi dianggap penting, ciri-ciri mental atau fikiran juga telah diberi perhatian utama dalam memperkuat pasukan tentera dewasa ini. Gabungan kedua-duanya membolehkan terbinanya sebuah angkatan pertahanan yang kuat, mantap dan berwibawa.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa pemimpin-pemimpin yang segak dan tampan ditundukkan dengan mudah oleh wajah-wajah yang lembut dan ayu. Dipandang secara luaran pemimpin-pemimpin tersebut menggambarkan kekuatan dan keteguhan diri yang mustahil sekali untuk digoda. Fir'aun yang keras hati dan zalim itu dapat diperdaya oleh isterinya yang lemah lembut, sabar dan berakal itu supaya tidak membunuh Nabi Musa semasa masih bayi. Sedangkan, dalam firasatnya yang selama ini memang tepat dan diyakini telah menyatakan anak kecil itu (Nabi Musa) jika dibiarkan hidup pasti akan memusnahkan kekuasaannya suatu hari nanti. Hitler yang anti nazi dan Mussolini pembawa fahaman fascist, mengikut beberapa maklumat sulit, kejatuhan mereka berpunca dari diperdaya oleh kecekapan akal 'wanita simpanannya'. Ada sesetengah pendapat mengatakan wanita-wanita tersebut merupakan agen kepada pihak musuh. Kekalahan tentera Amerika di Vietnam Selatan juga berpunca dari kelemahan askar-askarnya melawan godaan 'umpan sex' dan dadah yang dirancang oleh Vietnam Utara dan Vietcong.

Gambaran secara panjang lebar tersebut bertujuan menjelaskan lagi kepada kita bahawa kekuatan sesebuah angkatan tentera tidak boleh bersandar semata-mata kepada kekuatan fizikal. Sebaliknya, walaupun tidak dinafikan kepentingan aspek tersebut, aspek kekuatan

mental perlu mengambil tempat pertama. Kekuatan mental yang dimaksudkan di sini termasuklah kecekapan berfikir, kestabilan fikiran, kebolehan dan kemampuan untuk merancang, menganalisa, mmenyusun strategi membuat keputusan dan bertindak secara berkesan berdasarkan rumusan-rumusan fikiran yang tertentu. Tidak terkecuali, ketahanan dalaman serta kebolehan mengikuti dan mengaplikasikan sebarang perubahan teknologi terkini.

Berbalik kepada Datuk Najib dengan kementerian Pertahanannya. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, kementerian inilah yang menentukan kuat atau lemahnya pertahanan negara kita. Peranannya yang begitu penting memerlukan ia dipimpin atau diketuai oleh seorang yang betul-betul layak dan berwibawa. Kekuatan sesebuah organisasi bergantung kepada kekuatan dan kewibawaan pemimpinnya. Kekuatan dan kewibawaan seseorang pemimpin boleh diukur dari kemampuannya memberikan kepimpinan yang berkesan. Kepimpinan yang berkesan pula ialah kepimpinan yang berjaya membawa organisasi dan anggotanya mengikuti arah atau haluan yang ingin dibawa dan yang telah ditetapkannya serta semuanya berusaha dan mencapai cita-cita tersebut.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini juga, ukuran fizikal bukan lagi mendapat tempat utama dalam menilai kekuatan atau kelemahan pertahanan sesebuah negara. Kekuatan mental telah mula menggantikan tempat tersebut. Dalam hubungan ini, menempatkan Datuk Najib di kementerian Pertahanan merupakan satu langkah yang sesuai dan bertepatan dengan perubahan dan kehendak semasa. Wajah nya yang agak lembut tidak pula membayangkan kelemahan. Fizikal tidak membayangkan mental, sebagaimana terbukti dari beberapa sejarah lepas yang telah dipaparkan tadi. Beliau mempunyai kekuatan mental yang terkemuka. Kekuatan mental yang bertentangan dengan sifat lahiriahnya terbukti semasa beliau menjadi Menteri Besar Pahang dan juga semasa menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sifatnya tegas tetapi tenang, berhati-hati, penuh dengan pertimbangan dan berhemah tinggi itu sudah tentu dipenuhi dengan

pemikiran strategik dan objektif. Penuh dengan ide bermas yang akan dilaksanakan satu persatu dengan berkesan. Kekuatan atau ketahanan dalamannya pula terserlah dari ketegasannya yang tidak akan tunduk dan goyah dengan segala tekanan. Keputusan yang dibuat hasil dari pemikiran beliau yang begitu teliti dan cermat akan menjadi keputusan yang tidak boleh diubah lagi, kecuali muncul faktor-faktor baru yang mewajarkan perubahan dibuat. Perubahan itupun hanya akan dilakukan seandainya tindakan tersebut boleh membawa kepada hasil yang lebih baik. Jika sebaliknya, atau tidak pasti samada berupaya menjadi semakin baik dan berkesan, keputusan asal tentu sahaja akan dikekalkan.

Kekuatan mentalnya jelas dari semangat dan azamnya yang sentiasa membara dalam memperjuangkan cita-cita murni UMNO dan bangsa Melayu. Ini tergambar dari ucapan-ucapannya yang begitu bersemangat dan memberansangkan, terutama ketika menerajui Pegerakan Pemuda. Beliau juga merupakan seorang pemedato yang baik dengan kebolehan menarik dan memukau pendengar. Nada suaranya yang menarik dan tegas membayangkan ciri-ciri kekuatan jiwanya.

Perlantikan beliau sebagai Menteri Pertahanan merupakan satu kejayaan kepada Pemuda UMNO, selain kepada dirinya sendiri. Perlantikan tersebut juga merupakan satu kepercayaan kepada beliau untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar. Menerajui sebuah kementerian yang begitu besar, penting dan berat tanggungjawab itu merupakan satu cabaran besar kepadanya. Kementerian yang sebegitu penting sudah semestinya sentiasa mendapat perhatian ramai. Segala langkah, dasar, tindakan dan sebagainya oleh kementerian itu mendapat perhatian besar dari masyarakat. Keadaan ini tidaklah menghairankan. Setiap warganegara yang mempunyai semangat kenegaraan yang tinggi begitu peka dengan kemampuan negaranya menghadapi ancaman luar. Ironinya, pihak musuh juga sentiasa mengkaji kelebihan dan kelemahan pertahanan kita untuk tujuan dan niat buruk mereka. Kesemua faktor tersebut menjadikan tokoh peneraju kementerian ini tidak terlepas dari tumpuan

masyarakat. Mereka tentu sekali ingin mengetahui sejauhmana kemampuan beliau memimpin kementerian ini. Sementelahan pula, dalam usianya yang masih lagi muda.

Menyedari akan peranan dan tanggungjawabnya serta hasrat masyarakat yang begitu besar, beliau telah memberikan penekanan utama kepada aspek perkembangan dan pemantapan angkatan tentera. Penekanan seperti ini penting, sejajar dengan perkembangan semasa dan suasana politik dunia. Perkembangan dan pemantapan angkatan tentera akan menjamin keunggulan kredibiliti, maruah dan kedaulatan negara.

Dalam program memperkembang dan memantapkan angkatan tentera ini, beliau memberikan perhatian utama terhadap soal Dasar Pertahanan Negara. Tujuh penekanan baru digariskan oleh beliau sebagai intipati dasar tersebut, iaitu:

- * Penyusunan semula Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam usaha menjadikan ATM menepati peranan baru yang diperlukan.
- * Penekanan proses 'rationalisation of man power' bagimembolehkan ATM mempunyai kemampuan dan keupayaan yang diperlukan.
- * Meningkatkan kuasa menembak dan pergerakan.
- * Memerlukan 'superior intelligence and effective communication' sepanjang masa.
- * Memastikan sesuatu keputusan dan tindakan yang strategik adalah berdasarkan kepada perkembangan semasa.
- * Mengambil berat soal-soal kebajikan termasuk skim perkhidmatan tentera dari masa ke semasa.

* Membangunkan industri pertahanan tempatan termasuk bidang penyelidikan dan pembangunan yang mantap serta berfaedah secara berterusan.

Beliau berpendapat, ketujuh-tujuh perkara tersebut amat penting dalam mencapai cita-cita negara untuk menjadikan ATM sebuah pasukan pertahanan yang kuat, berkesan dan dihormati. Bagi merealisasikan tujuh perkara tersebut, beliau telah memberikan penekanan kepada tindakan-tindakan, perkhidmatan, kerja-kerja serta kepimpinan dan pemikiran yang berasaskan kualiti. Malah, penekanan kepada kualiti ini menjadi budayanya, di mana sahaja beliau berada. Budaya kualiti itu dibawanya dari Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini. Beliau merupakan orang yang dipertanggungjawabkan sejak mula lagi untuk menerapkan budaya kualiti di kementerian berkenaan. Pada beliau, kualiti adalah satu pengalaman berterusan dan tiada penamatnya.

Hasrat untuk mencapai kualiti menurutnya boleh dicapai menerusi konsep profesionalisme dalam ATM. Di bawah beliaulah, konsep "Profesionalisme" dalam ATM diperkenalkan. Sehubungan dengan itu, memberikan penekanan kepada pendidikan secara serius adalah sangat perlu. Menurutny, pendidikan mempunyai prospek untuk peningkatan keilmuan dan pengetahuan yang menjadi teras bagi meningkatkan profesionalisme dalam angkatan tentera. Beliau percaya bahawa ATM merupakan salah satu elemen penting dalam pembinaan negara. Sebagai elemen penting, tentunya ATM tidak boleh diketepikan daripada proses nation building negara kita. Dengan yang demikian menurutny, peningkatan profesionalisme ini amat berguna diterapkan di dalam diri setiap anggota tentera.

Buah fikiran yang telah dirumuskan oleh beliau menampakkan hasilnya di Kementerian Pertahanan. Umum mengakui bahawa kualiti perkhidmatan ATM bertambah baik. Peralatan dan kelengkapan tentera bertambah dari segi kuantiti dan kualiti. Persenjataan ATM semakin canggih dengan penggunaan teknologi tinggi yang mutakhir. Perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh Kementerian

Pertahanan, khususnya ATM sehingga kini, sungguh membanggakan rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi Pemuda UMNO, di mana ketuanya ini telah berjaya menunaikan harapan rakyat dan negara dengan cemerlangnya.

Proses pemodenan angkatan tentera sedang berjalan dengan pesatnya. Kelengkapan pertahanan negara juga telah memasuki era teknologi 'super', terutama pasukan udara. Baru-baru ini Kementerian Pertahanan mengumumkan pembelian pesawat-pesawat pejuang 'supersonic' yang membolehkan tentera udara kita menjadi antara pasukan terancang di rantau sebelah sini. Angkatan tentera laut juga akan dilengkapi dengan kapal selam. Kelengkapan ini difahamkan, menjadikan kita negara pertama di rantau ini yang memiliki peralatan seperti itu.. Di samping itu, angkatan darat juga tidak ketinggalan. Semua perkembangan ini telah menaikkan imej ATM dan menjadikannya sebuah angkatan yang dihormati di sebelah sini.

Sehingga hari ini, baru tiga tahun beliau berada di kementerian itu. Sungguhpun baru, dan umurnya juga masih muda, beliau telah berjaya dengan cemerlangnya membentuk imej tinggi kepada ATM. Kementerian Pertahanan berjaya diterajuinya bergerak maju ke hadapan selari dengan perubahan dan perkembangan semasa yang pesat dalam bidang-bidang lainnya. Kementerian ini telah berjaya memenuhi tuntutan peranan semasa yang diharap-harapkan darinya. Sesuai dengan pegangannya bahawa kualiti ialah suatu proses yang berterusan, umum percaya bahawa ATM akan menjadi angkatan tentera terkuat di Asia Tenggara suatu masa nanti di bawah pimpinan beliau. Masa sahaja yang akan menentukannya. Kecemerlangan beliau menerajui Kementerian Pertahanan telah menghapuskan keraguan sesetengah pihak sebelum ini terhadap 'performance' beliau. Beliau telah membuktikan bahawa jika dirinya itu bunga, adalah bunga yang menghadap matahari. Seandainya dirinya itu batu pula, bukanlah batu sebarangan, tetapi merupakan batu permata.

Sehingga kini umur Datuk Najib baru 40 tahun. Dalam istilah ahli politik, umur demikian dikira masih muda. Sungguhpun begitu, beliau bukanlah orang baru dalam politik. Sudah 17 tahun beliau

terlibat dalam parti dan juga kerajaan. Pelbagai jawatan pada berbagai peringkat yang dipegangnya membolehkan beliau menimba berbagai pengalaman. Pengalaman yang diperolehinya berlipat ganda melebihi daripada apa yang diperolehi oleh sesetengah ahli politik yang setaraf dengannya. Tidak kira samada ahli politik itu lebih senior atau seangkatan dengannya. Ini disebabkan pendedahan yang diterima oleh beliau dengan berbagai jawatan kerajaan dan politik yang dipegangnya mengatasi mereka-mereka tersebut. Sebab itulah, semasa perlantikannya sebagai Menteri Besar Pahang dan menjadi Menteri Besar termuda, beliau dengan berani mengatakan bahawa pengalaman tidak bergantung kepada umur, tetapi kepada pendedahan.

Hujahnya itu memang betul. Menurutnya, sebelum dilantik menjadi Menteri Besar beliau telah didedahkan dengan tiga buah kementerian dalam masa enam tahun iaitu sebagai Timbalan Menteri. Sebaliknya menurut beliau ada orang yang lebih berumur darinya, dan lebih lama bergiat dalam politik tetapi tidak pernah memegang apa-apa jawatan penting dalam kerajaan tentulah pengalamannya untuk mentadbir tidak ada. Dibandingkan dengan dua keadaan tersebut, tentulah beliau lebih sesuai dan lebih berpengalaman, terutama dalam konteks untuk menerajui pentadbiran negeri. Pendapatnya itu memang logik dan tepat sekali. Sungguhpun masih muda, Datuk Najib telah mempamerkan sikap politik yang matang. Dalam sesetengah keadaan dan perkara, kematangan politik beliau mengatasi tokoh-tokoh yang lebih senior daripadanya.

Pengalamannya yang berbagai ditambah dengan kepintarannya menjadikan beliau seorang pemimpin muda yang berwibawa. Ketokohan beliau sebagai pemimpin yang berwibawa begitu terserlah sejak menerajui Pemuda UMNO lagi. Beliau telah berjaya membawa Pemuda UMNO daripada banyak bercakap kepada usaha memajukan ahli-ahlinya. Ketokohan serta kewibawaan beliau dalam Pemuda bermula sejak menjadi Timbalan Ketua Pemuda di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau dihormati semua orang. Ini terbukti apabila beliau menang tanpa bertanding untuk jawatan tersebut, walaupun pertama kali beliau mengambil bahagian.

Datuk Najib mula memangku jawatan Ketua Pemuda pada 23 April 1987. Ketua Pemuda masa itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim melepaskan jawatannya untuk menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden UMNO di Perhimpunan Agung tahun tersebut. Apabila UMNO didaftarkan semula selepas pendaftarannya dibatalkan ekoran pertandingan tahun 1987, beberapa fasal dalam perlembagaan UMNO dipinda. Pindaan-pindaan tersebut dibuat untuk menenangkan kembali pergolakan yang baru sahaja berlaku dalam UMNO sehingga mengakibatkan parti itu berpecah belah.

Antara fasal yang dipinda ialah mengenai Jawatan Ketua Pemuda. Jawatan tersebut tidak lagi dipilih dalam Perhimpunan Agung sebagaimana sebelumnya. Sebaliknya, Ketua Pemuda akan dilantik oleh Majlis Tertinggi. Majlis Tertinggi yang baru dipulihkan bersetuju melantik Datuk Najib memegang jawatan tersebut. Bagaimanapun, baru-baru ini perlembagaan telah dipinda untuk membolehkan jawatan Ketua Pemuda dipilih semula dalam Perhimpunan Agung UMNO. Namun begitu, rekodnya yang cemerlang memimpin Pemuda selama ini telah memberikan beliau kedudukan yang kukuh.

Jawatan beliau sebagai Ketua Pemuda yang dilantik kekal hingga ke tahun ini (1993). Pada tahun ini beliau mengambil keputusan melepaskan jawatan itu untuk bertanding jawatan Naib Presiden pula. Sekiranya beliau ingin mengekalkan jawatan sebagai Ketua Pemuda, umum mengatakan beliau akan mencapai kemenangan mudah. Malah majoriti berpendapat beliau akan mendapat kemenangan percuma. Ini disebabkan tidak ada calon yang dapat menyaingi pengaruh dan kepimpinan beliau dalam pergerakan pemuda. Semua EXCO Pemuda, termasuk timbalannya, Haji Mohd Nazri Tan Sri Aziz Yeop berikrar memberikan sokongan padu untuk beliau mempertahankan jawatan itu.

Mengikut Majalah Suara Pemuda, keluaran November 1991 yang dipetik di sini dilaporkan sebagai berkata (m.s 35 dan 38):

...Haji Mohd Nazri pernah menegaskan bahawa tidak ada sebab mengapa Datuk Najib harus dicabar kedudukannya

sebagai Ketua Pergerakan Pemuda. ...

“ Pendirian saya jelas dalam hal ini, sebagai Naib Ketua saya tetap akan mempertahankan Datuk Seri Najib sebagai Ketua Pemuda”.

Ketiadaan calon yang ingin mencabar kedudukan beliau sebagai Ketua Pemuda juga terbukti apabila tiada seorangpun tokoh yang menyatakan hasrat tersebut samada secara terang atau tersembunyi. Sehingga beliau membayangkan keinginannya untuk bertanding jawatan Naib Presiden, barulah ada tokoh yang berani menyatakan kesediaan untuk merebut jawatan itu. Itu pun masih bergantung kepada keputusan muktamad Datuk Najib terlebih dahulu. Andainya Datuk Najib tidak jadi meninggalkan pemuda, mereka juga bersedia menarik balik keputusan menawarkan diri tersebut. Dengan fakta-fakta yang dinyatakan tersebut, jelas terbukti bahawa semua pihak menghormati dan mengakui kewibawaan kepimpinan Datuk Najib.

Penghormatan besar kepada beliau sebagai Ketua oleh ahli-ahli pergerakan itu disebabkan hubungan eratnya dengan semua peringkat pemuda. Beliau berjaya menjalin hubungan mesra dan salitirrahim antaranya dengan ahli-ahli exco, pemimpin-pemimpin pemuda negeri, bahagian dan cawangan-cawangan. Sikap beliau yang tegas tetapi tidak besar diri itu amat menyenangkan semua peringkat ahli pemuda.

Pemuda UMNO di bawah pimpinannya memberikan keutamaan kepada amalan politik berakhlak dan beradab dalam tindakan-tindakannya. Amalan ini dapat digambarkan melalui ucapan beliau di Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO, pada 16 November, 1989, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Antara lain beliau mengucapkan:

“ ... Pergerakan Pemuda UMNO akan berjuang dengan gigih untuk memupuk rasa kasih sayang dan cinta mencintai sesama Islam. Kita akan menentang kegiatan mendedahkan keburukan dan kelemahan bangsa kita secara sewenang-wenang, sehingga berlaku seperti yang

dikatakan oleh Al-Marhum Umar Etelmasani, "jika budaya tuduh, londeh melondeh keburukan dan keaiban, fitnah memfitnah diamalkan oleh orang-orang Islam sesama mereka, akan berlaku sesuatu yang menggerunkan, iaitu tidak akan ada lagi seorangpun di kalangan kita yang boleh dipercayai kerana semuanya dianggap jahat belaka".

Kepimpinan Najib dalam Pemuda bukanlah untuk meneruskan ataupun menjadikan pergerakan itu sebagai kumpulan pendesak. Sebaliknya, aktiviti pergerakan itu lebih bercorak mengisi program yang dirangka oleh parti. Pendekatan kepimpinan beliau yang boleh disifatkan sebagai 'plain sailing' ini pada mulanya memang tidak disenangi oleh sesetengah pihak. Pihak-pihak berkenaan ingin Pemuda meneruskan peranan sebagai golongan pendesak kepada parti.

Namun begitu gaya kepimpinan dan pendekatan beliau akhirnya diakui berkesan. Banyak perkara yang dapat diselesaikan oleh Pemuda dalam memperjuangkan kepentingan bangsa secara beradab. Tindakan-tindakan Pemuda tidak melukakan atau menjatuhkan air muka parti induknya. Pemuda UMNO telah berjaya merapatkan hubungan dengan parti induknya. Hubungan pemimpin-pemimpin pemuda dengan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO sentiasa mesra. Beliau tidak mewujudkan masalah kepada pucuk pimpinan parti. Sebaliknya pergerakan pemuda telah memberikan kerjasama dan sumbangan dalam mencapai matlamat bersama parti.

Pemuda UMNO tidak lagi menjadi Parti di dalam Parti yang mendatangkan masalah dan kerumitan kepada pucuk pimpinan tertinggi. Kemesraan hubungan pemuda-induk UMNO ini tidak terhad kepada peringkat tertinggi sahaja, malah meliputi hingga ke tahap serendah-rendah cawangan. Suasana begini telah membolehkan UMNO berada dalam keadaan stabil dan menjadi sebuah pasukan yang begitu padu. Peranan yang dimainkan oleh Datuk Najib ini amat disenangi oleh pemimpin tertinggi parti, termasuk Presiden sendiri.

Keperihatinan beliau kepada kualiti begitu besar sekali. Di mana sahaja beliau berkhidmat, perkara kualiti ini sentiasa diberi perhatian

utama. Begitu juga dalam pergerakan pemuda. Beliau sentiasa menegaskan bahawa Pemuda wajib meningkatkan kualiti mereka. Peningkatan kualiti ini pula hendaklah meliputi skop yang luas, baik dari segi dedikasi dan komitmen terhadap perjuangan bangsa dan agama mahupun penghayatan ilmu dan penguasaan sains dan teknologi.

Bagi meningkatkan kualiti tersebutlah, maka Datuk Najib telah menjadikan ungkapan "Pemuda Berakar Teguh, Berakal Canggih"

sebagai tema perjuangan pergerakan itu. Menurut beliau, "Akar yang teguh" bermaksud mesti mempunyai semangat dan kesedaran keMelayuan yang kental dan mantap. Serentak dengan itu juga, mesti mempunyai penghayatan Islam yang mendalam dan ketakwaan yang tinggi terhadap Allah. Dengan itu, untuk menjadi akar yang teguh, orang Melayu mesti mempunyai dua asas utama iaitu adat dan agama. Akar teguh akan memperkuatkan perpaduan dalam parti. Seterusnya, akar teguh memperkuatkan kecintaan kepada bangsa. Akhir sekali, akar teguh juga akan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Sementara "Berakal canggih" bermaksud keupayaan berfikir secara rasional, keterbukaan fikiran sesuai dengan tuntutan zaman moden, kecintaan kepada ilmu pengetahuan dan penguasaan terhadap sains dan teknologi. Akal yang canggih amat diperlukan dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi dan membina satu negara yang maju seperti terkandung dalam Wawasan 2020. Semangat yang gigih sahaja tidak mencukupi tanpa gandingan ilmu pengetahuan. Tanpa berakal canggih, tanpa penguasaan ilmu pengetahuan, bangsa Melayu menurutnya akan terus ketinggalan. Beliau tidak rela orang Melayu hanya menjadi penonton sementara orang lain yang menikmati kemajuan dan kemakmuran tanahair sendiri.

Selaras dengan tema dan cita-cita tersebut, Pergerakan Pemuda hendaklah memainkan peranan yang tertentu. Schubungan dengan itu, beliau telah mengemukakan gagasan merangkumi tujuh peranan yang harus dibawa oleh Pemuda, iaitu:-

- i. Pelopor Tamadun Bangsa.

- ii. Pembela Agama, Bangsa dan Negara.
- iii. Penggerak Ke Arah Bangsa Progresif dan Dinamik.
- iv. Pelindung Budaya Bangsa.
- v. Pemikir Ke Arah Kecemerlangan Ilmu.
- vi. Pejuang Nilai-nilai Murni dan Luhur.
- vii. Pewaris Perjuangan UMNO.

Peranan pemuda yang digariskan oleh Datuk Najib ini memang sesuai dengan tuntutan semasa. Pemuda merupakan sayap kanan kepada UMNO. Pemuda juga adalah "tapak semeian" kemunculan pemimpin-pemimpin pelapis masa depan. Pemuda sebagai pewaris UMNO juga tidak sepatutnya menjadi jenerasi penerima semata-mata. Sebaliknya mereka juga hendaklah menjadi generasi penyumbang yang aktif. Akhirnya, pemuda juga memerlukan kepimpinan yang boleh terus memberikan sokongan kuat kepada UMNO. Kedua-duanya saling perlu memerlukan dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Konsep Melayu Baru yang menjadi salah satu agenda utama UMNO sekarang ini juga sebenarnya bermula dari Pemuda UMNO. Konsep tersebut merupakan rumusan terhadap rupabentuk orang Melayu yang dikhendaki oleh negara dan pucuk pimpinan. Bentuk di mana berlaku perubahan secara menyeluruh pada orang Melayu dari segi sikap, pemikiran dan sistem nilai. Perubahan seperti ini penting supaya orang Melayu mempunyai daya saing yang kuat dalam semua bidang. Kemampuan bersaing dengan orang lain pada hari ini dan masa akan datang akan menjamin kejayaan orang Melayu. Penekanan ialah kepada penguasaan bidang ekonomi yang menjadi kunci kepada kejayaan, tanpa meninggalkan kekuatan politik. Kesimpulan tersebut timbul dalam kursus Pemuda yang diadakan bersama dengan Dr. Mahathir pada tahun 1987.

Bersama Najib, semua pihak mengakui Pemuda mengalami banyak perubahan. Perubahan meliputi kaedah, pendekatan, hala cara dan tindakan. Kumpulan pendesak bukan lagi menjadi imej

Pemuda. Pergerakan ini telah berjaya meletakkan dirinya selari dengan pemikiran pucuk pimpinan pada peringkat kebangsaan. Dalam masa yang sama pergerakan ini tetap mengekalkan identitinya sebagai wadah suara dan semangat muda dalam parti UMNO sendiri.

Kejayaan membina imej Pemuda mengikut acuannya yang tersendiri memperlihatkan keunggulan beliau sebagai seorang pemimpin. Beliau berjaya membina dan menyediakan dirinya sebagai pemimpin berwibawa pada saat negara memerlukan kesinambungan pemimpin masa hadapan. Pemimpin-pemimpin seperti inilah yang perlu mengisi dan mengambil alih kepimpinan negara suatu masa nanti. Pemimpin yang boleh menjamin penerusan negara mencapai cita-cita sebagaimana dirancang. Dengan itu tidak akan wujud lompang kesinambungan yang akan membantut kelancaran hasrat berkenaan.

Melihat kejayaan dan kewibawaannya selama ini semua orang percaya kenaikan beliau dalam parti bukanlah kerana nasib semata-mata. Rekod cemerlang selama 17 tahun lepas menjadi ukuran pengiktirafan ramai terhadap kebolehan beliau. Selama tempoh tersebut, beliau telah terdedah dengan berbagai pengalaman pada pelbagai tahap beserta kelainan peranan dan tanggungjawab. Beliau menjadi salah seorang pemimpin yang menerima kadar kepadatan pengalaman tertinggi jika dinisbahkan dengan jarak waktu dilaluinya. Beliau lebih dikenali sebagai tokoh Pemuda disebabkan umur serta ketrampilannya begitu menonjol dalam pergerakan itu. Namun begitu, beliau juga merupakan seorang tokoh yang begitu matang dan berpengalaman.

Selama 17 tahun dalam politik UMNO, beliau telah meningkat dari satu anak tangga ke satu anak tangga. Menjadi ahli biasa, kemudian sebagai Ketua Bahagian, Ketua Perhubungan Negeri hinggalah kepada Ketua Pemuda UMNO yang secara automatik sebagai Naib Presiden, kerusi tertinggi parti selepas Presiden dan Timbalan Presiden. Sementara dalam kerajaan, bermula dari ahli Parlimen biasa kepada Timbalan Menteri di tiga kementerian, Menteri Besar selama sepenggal dan seterusnya Menteri penuh di dua kementerian.

Sebagai Ketua Pemuda dan Naib Presiden (jika terpilih dalam pemilihan nanti) sudah memberikan kedudukan yang agak mantap kepada Datuk Najib dalam tingkat susunlapis parti. Kedudukan seperti itu memberikannya tapak yang begitu utuh untuk terus melonjak peringkat lebih tinggi. Malah, jalannya ke puncak terbentang luas. Hanya masa yang akan menentukan.

Namun begitu, pemimpin berpengalaman seperti Najib dapat mengesan dengan cepat riak perubahan dalam parti. Beliau sangat peka dengan angin perubahan yang sedang bertiup begitu kencang pada masa ini. Angin perubahan yang berkehendakkan parti diterajui oleh pemimpin-pemimpin dinamik, berkaliber, berketrampilan dan berhemah. Barisan pemimpin yang mampu meletakkan Presiden dalam keadaan yang begitu kuat untuk mencapai aspirasi parti. Barisan pemimpin sehaluan dan dapat meneruskan cita-cita yang telah diasaskan oleh Presiden parti. Perubahan sebegini menjadi asas kepada perhitungan Datuk Najib tentang kedudukan dan masa depan beliau dalam parti. Angin perubahan yang melanda parti dewasa ini menjacud pendorong kepada Najib menawarkan dirinya untuk merebut salah satu jawatan Naib Presiden UMNO.

Malah ada pihak yang mengatakan, pengalaman serta ketajaman fikiran beliau membaca gerak geri dan riak politik semasa itulah yang menjadi penyelamat kedudukan beliau sehingga hari ini. Ketika berlakunya pertandingan jawatan Presiden antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh suatu ketika dahulu, banyak pihak menjaja nama beliau seolah-olah peyokong 'Team B'. Sikapnya yang berdiam diri untuk sekian lamanya menjadikan seolah-olah dakwaan tersebut memang betul. Tetapi akhirnya, beliau telah menyatakan sokongan bulatnya kepada 'Team A', di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Mungkin berdiam dirinya beliau selama ini kerana sedang mengkaji dan menganalisa kumpulan mana yang harus didokongi. Nampaknya beliau telah memilih landasan yang betul. Beliau tidak membakar jambatannya.

Berbalik kepada soal merebut jawatan Naib Presiden. Keputusan tersebut bukanlah suatu langkah yang diambil oleh Datuk Najib secara terburu-buru. Buktinya, selama ini pun beliau telah menapak dari

setingkat ke setingkat dengan kelajuan yang tidak terlalu memecut. Penawaran diri beliau berdasarkan kekosongan jawatan tersebut. Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan mempertahankan jawatan Naib Presiden, sebaliknya akan merebut jawatan Timbalan Presiden. Oleh itu berlaku kekosongan pada jawatan tersebut. Sudah tibalah masa untuknya mengisi kekosongan yang ditinggalkan itu. Sungguhpun Ketua Pemuda sudah bertaraf Naib Presiden, tetapi merupakan perlantikan secara otomatik, bukannya dari pemilihan majoriti perwakilan. Naib Presiden sebegini lebih dikenali dengan nama jawatan asalnya iaitu Ketua Pemuda. Selama inipun, beliau lebih dikenali sebagai Ketua Pemuda UMNO, bukan sebagai salah seorang Naib Presiden.

Selain daripada itu, beliau juga memang seorang yang layak untuk memegang jawatan tersebut. Pengalaman luas selama 17 tahun sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini menjadi bukti kelayakan beliau. Lagipun, pengalamannya sebagai Naib Presiden otomatik selama ini menjadikan beliau calon terhampir yang sepatutnya dipilih untuk jawatan tersebut. Kedua-dua jawatan ini walaupun mempunyai tanggungjawab yang sama berat, tetapi berbeza fungsinya. Menjadi Ketua Pemuda lebih kepada mengetuai sebuah pergerakan dengan identiti tersendiri. Sementara Naib Presiden pula menumpukan kepada bersama-sama membantu dan memberikan buah fikiran kepada Presiden menyelesaikan masalah parti dan merangka serta memutuskan dasar-dasar penting negara.

Melihatkan pencalonan yang diperolehi sehingga kini, tidaklah menjadi kesukaran kepada beliau untuk berjaya ke jawatan tersebut. Beliau mendapat jumlah pencalonan terbanyak mengatasi tokoh-tokoh lain yang juga menawarkan diri untuk merebut salah satu jawatan Naib Presiden itu. Jikalau jumlah pencalonan ini boleh dijadikan ukuran, kedudukan beliau di kerusi Naib Presiden sudah pasti. Seandainya ada juga perwakilan yang belot kepada keputusan bahagian, kebanyakan pemerhati berpendapat Datuk Najib tetap masih mampu meraih sejumlah besar undi. Perubahan semasa juga kuat meramalkan bahawa trend pengundian bagi pertandingan kali ini akan

selari dengan pencalonan bahagian.

Pengaruh Datuk Najib begitu kuat bukan sahaja dalam Pemuda tetapi semua peringkat. Seluruh EXCO Pemuda nampaknya tel berikrar dan bekerja kuat demi memastikan bekas Ketua mereka mendapat laluan selamat. Begitulah ketokohan dan kewibawaan Dat Najib, menjadikan dirinya sangat disayangi oleh anak buahnya. Mereka sanggup bekerja keras membantu Datuk Najib ke mana sahaja beli pergi.

Peribadi beliau yang bersih, bebas dari sebarang gossip at fitnah liar samada berbentuk 'scandalous' serta rasuah, menjadik dirinya dihormati oleh semua pihak. Sehingga kini beliau merupakan satu-satunya tokoh yang bebas daripada disinggahi perkara-perka seperti itu. Kelihatan seolah-olah tiada musuh secara ketara yang ing menyekat kemaraan beliau atau irihati dengan pencapaian dan "kenaikan" beliau selama ini. Beliau nampaknya begitu berjaya meletakkan diri seperti falsafah pegangannya selama ini. Pada beliau masyarakat mesti terdiri daripada individu yang sebaik mungkin sesuai dengan nilai-nilai Islam. Pemimpin masyarakat pula mesti terdiri daripada individu yang lebih baik supaya dapat menunjukkan tauladan yang baik kepada masyarakatnya.

Angin perubahan melanda UMNO dewasa ini nampaknya mu meresahkan beberapa pihak, terutama yang menganggap diri mereka sebagai veteran. Berdasarkan umur dan penglibatan mereka yang lebih lama, kumpulan ini (sesetengahnya) merasakan diri mereka lebih berpengalaman. Kumpulan ini nampaknya semacam curiga dengan kebangkitan golongan muda yang sedang mengembangkan pengaruh serta mempersiapkan diri untuk mewarisi kepimpinan parti dan negara. Golongan muda ini dikatakan masih belum cukup pengalaman dan akan merosakkan serta melemahkan kekuatan parti yang sedia ada jika kuasa dipindahkan kepada mereka.

Berhadapan dengan isu seperti ini, Datuk Najib merupakan antara pemimpin terawal yang meyanggah dakwaan sedemikian. Beliau amat pantang apabila kebolehan, pengalaman dan kewibawaan seseorang pemimpin dikaitkan dengan umur. Hal ini samalah seperti

apa yang pernah dialaminya ketika mula-mula menjawat Jawatan Menteri Besar Pahang sedikit masa dahulu. Beliau dengan tegas dan lantang mengatakan bahawa menilai keupayaan memimpin itu bukan dari segi umur sahaja. Beliau berpendapat angin perubahan yang dikehendaki UMNO sekarang menjurus kepada pemilihan pemimpin yang berasaskan gabungan kebolehan, pengalaman, cara berfikir, cara bertindak, perilaku atau peribadi dan lain-lain keistimewaan, tanpa mengira sempadan umur. Hanya secara kebetulan, sifat-sifat tersebut ada pada sebahagian pemimpin yang dikatakan terdiri dari golongan muda. Sebagai bukti menurut beliau, orang seperti Dr.-Mahathir masih diperlukan oleh negara walaupun beliau sudah agak berusia.

Kepimpinan Dr.Mahathir masih diperlukan kerana beliau masih mempunyai iltizam yang kuat, idea yang kreatif dan hebat serta mampu melaksanakannya. Beliau juga menurut Datuk Najib masih mampu memberikan kepimpinan yang dinamik, progresif dan berkesan. Jadi, dalam soal ini Datuk Najib berpendapat, tidak timbul soal tua atau muda. Menurut beliau, sebenarnya UMNO memerlukan gabungan pemimpin yang tua dan muda, dengan syarat kedua-dua pihak ini sama-sama mempunyai kriteria sebagaimana yang dinyatakan itu.

Pandangan dan ulasan Datuk Najib ini memang benar dan tepat. Pandangan tersebut membayangkan keluasan pemikirannya sebagai p73 seorang pemimpin yang berilmu. Seandainya kita memilih pemimpin berdasarkan umur tua dan muda maka kita sebenarnya memberatkan tentang ciri hayatnya. Kita membelakangkan ciri-ciri kepimpinan pemimpin itu. Sepatutnya soal kepimpinan tua atau muda sepatutnya tidak ditimbulkan terutama oleh pemimpin yang mendakwa dari kelompok yang berpengalaman dan berumur.

Mungkin seorang pemimpin muda berkebolehan dan pemimpin yang tua tidak berkebolehan. Mungkin juga berlaku sebaliknya kepada kedua-duanya. Pemimpin yang tua walaupun memang mempunyai pengalaman yang lebih tidak semestinya mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih tentang kepimpinan. Ramai pemimpin tua dalam politik

kekal sebagai ahli biasa walaupun lebih setengah abad berada dalam parti. Jasa mereka tidak dapat dinafikan. Tetapi lebih berat sebagai penyokong bukan sebagai pemimpin.

Orang yang lebih tua juga umumnya lebih tinggi keegoan emosinya berbanding dengan orang yang lebih muda. Mereka merasakan 'makan garam terlebih dahulu' itu sebagai penjamin mutlak status mereka yang tidak boleh diganggu gugat. Sedangkan, kita dapati orang lebih muda nampaknya lebih terbuka dan berhemah sifatnya. Mereka berpegang kepada hujah dan alasan yang kukuh untuk memutuskan sesuatu perkara tanpa merasakan hak emosi mereka dipermainkan. Mereka nampaknya sedia menerima yang terbaik tanpa merasakan diri mereka terhina. Di sinilah letaknya paman ilmu yang merupakan salah satu ciri utama perlu ada pada seorang pemimpin.

Seorang pemimpin yang berilmu dan berhikmah akan boleh berlaku adil dalam kepimpinanannya. Musuh kepada berilmu ialah kejahilan. Jahil menjadi musuh yang utama kepada manusia. Memilih p73 pemimpin yang tidak berilmu bermakna kita memberikan tempat kepada pemimpin yang jahil. Pemimpin yang jahil tentulah akan memusnahkan manusia yang dipimpinnnya sesuai dengan sifat jahil yang menjadi musuh manusia itu.

Pemimpin juga perlu dipilih dari orang yang amanah. Sifat amanah menjamin kesetiaan kepada perjuangan dan melaksanakan mandat yang didapati olehnya daripada ahli-ahli. Amanah juga adalah manifestasi dari ilmu yang ada pada seseorang pemimpin. Tanpa ilmu, sikap amanah sukar menjiwai seseorang. Dalam hubungan dengan negara, pemimpin yang amanah akan memastikan segala wawasan tercapai sepenuhnya. Pemimpin yang amanah juga seorang yang kental hatinya. Kuat iman dan tenang hatinya untuk menolak segala godaan yang memungkinkan beliau terpesong daripada tanggungjawabnya.

Menegakkan kebenaran dan memerangi kemungkaran merupakan tugas penting pemimpin. Ciri seperti ini memerlukan kemampuan dan keberanian untuk melaksanakannya. Pemimpin yang tidak mempunyai sifat sebegini akan memejamkan mata terhadap

segala kemunggaran demi undi yang diperlukan. Hanya pemimpin yang berilmu dan amanah dapat melaksanakan tugas yang begitu mencabar ini. Tanpa ilmu, tanpa amanah, seorang pemimpin sudah tentu begitu rapuh untuk berhadapan dengan keadaan tersebut.

Menjadi pemimpin bukannya susah. Apalagi pemimpin yang hanya mementingkan kedudukan atau jawatan semata-mata. Sebaliknya, begitu sukar untuk menjadi pemimpin yang berkesan. Pemimpin berkesan semestinya terdiri dari pemimpin yang berwibawa. Pemimpin yang berkesan mempunyai objektif yang jelas dan sentiasa berusaha untuk mencapai objektif tersebut. Pemimpin seperti ini juga sentiasa sedar dan insaf bahawa kenaikan dalam tingkat kepimpinan bukan bermakna bertambah kenikmatannya. Sebenarnya mobiliti ke atas dalam susunlapis kepimpinan bermakna pertambahan tanggungjawab.

Seterusnya, seseorang pemimpin juga perlu mempunyai ciri-ciri seperti berani, kasih sayang, adil, sabar dan sifat-sifat baik yang lain. Kesemua ciri yang disebutkan di atas nampaknya bertitik tolak daripada ilmu yang ada pada diri seseorang. Tanpa ilmu serta mengamalkan ilmu yang ada padanya, sukar bagi kita untuk melihat lahirnya ciri-ciri lain itu pada seseorang yang akan kita pilih untuk dijadikan pemimpin. Ilmu, dalam pengertiannya yang luas, merupakan kunci utama kepada kualiti kepimpinan seseorang pemimpin.

Sementara itu, umur dan pengalaman disamping tidak mempunyai nisbah keanjalan yang sama, secara berasingan juga bukanlah kayu pengukur utama untuk memilih pemimpin. Banyak atau luas pengalaman jikalau dipenuhi dengan perkara-perkara yang buruk atau tidak berkualiti tidak memberi sebarang makna kepada kepimpinan yang cemerlang. Dalam keadaan begini, pengalaman sedikit tetapi padat dengan pendedahan yang bermutu akan menjadi lebih bernilai dan berharga.

Mengaitkan ciri-ciri tersebut dengan Datuk Najib akan banyak membantu kita untuk membuat penilaian dan rumusan terhadap mutu kepimpinannya. Sebagaimana dinyatakan terdahulu daripada ini, Datuk Najib merupakan seorang pemimpin yang sememangnya

mementingkan ilmu. Penekanan beliau yang tidak putus-putus kepada kualiti, di mana sahaja beliau berkhidmat membuktikan hal ini. Keutamaan kepada ilmu juga merupakan punca kepada pemilihan "Pemuda Berakar Teguh, Berakal Canggih" sebagai tema perjuangan Pemuda UMNO di bawah pimpinannya.

Menjelaskan lagi keperihatinan tentang ilmu oleh Datuk Najib ini, marilah kita ikuti sedutan petikan ucapan beliau di Perhimpunan Agung Pemuda UMNO, pada 5hb. November 1992, bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, seperti berikut:

" ... kita sedang mara ke hadapan, menuju ke satu era yang saya simpulkan sebagai masa membina tamadun bangsa Malaysia. ... pembinaan tamadun bangsa menuntut komitmen yang tinggi di samping menyedari hakikat bahawa gelombang dan cabaran baru, dalam meletakkan bangsa kita menjadi maju setaraf dengan kaum yang lain, ia menuntut orientasi baru, sikap baru dan komitmen baru terhadap kepentingan ilmu. Tanpa komitmen ini orang Melayu akan ketinggalan dan tercicir manakala peradaban baru akan terus berlansung. "

Setelah mengenali dan mengesani jejak-jejak Datuk Najib dalam kepimpinan UMNO dan negara, bolehkah kita terus mengatakan beliau seorang pemimpin yang bernasib baik semata-mata? Memanglah beliau bernasib baik dilahirkan sebagai anak bekas pemimpin negara. Namun begitu, tidak semua anak pemimpin negara juga menjadi pemimpin. Sungguhpun ada, tetapi jarang sekali. Apatah lagi menjadi seorang pemimpin yang baik dan berwibawa, tidaklah semestinya lahir dari zuriat ketua negara juga.

Apapun faktor yang menonjolkan Datuk Najib, samada bernasib baik, usaha dan ketrampilan yang sedia ada, atau gabungan keduanya bukanlah persoalan utama. Perkara yang pasti, kewibawaan dan ketokohan beliau sebagai pemimpin sudah terbukti. Semua pihak mengakui hal ini. Mobiliti beliau ke puncak tingkat kepimpinan politik

dan negara sedang berlansung dengan rapi.

Mungkinkah terbukti juga akhirnya teori keramatnya nama RAHMAN, tidak siapa yang dapat menentukan. Lima Perdana Menteri Malaysia selepas Tengku Abdul Rahman dikatakan terdiri daripada mereka yang mempunyai nama yang bermula dengan abjad tersebut. Sehingga ini, sampai huruf M, teori tersebut telah didapati berkebetulan. "AN" yang masih tinggal itu adakah bermakna bahawa "A" untuk Anwar dan "N" untuk Najib, sama-samalah kita lihat nanti. Melihatkan kepada perkembangan dewasa ini, kecuali berlaku sesuatu insiden di luar dugaan, nampaknya "hipotesis RAHMAN" itu sekali lagi akan berkebetulan. Masa saja yang akan menentukan.

Tan Sri Muhammad Hj. Muhd. Taib

Bilangan tokoh politik Selangor yang boleh diketengahkan ke peringkat nasional hanyalah beberapa orang sahaja. Antara yang paling menonjol pada masa lepas ialah bekas Menteri Besarnya, Datuk Harun bin Haji Idris. Tanpa mengambil kira beberapa kelemahan dan keburukan beliau semasa menerajui kerajaan negeri, ketrampilan dan ketokohnya sebagai pemimpin parti politik, khususnya UMNO pada zamannya diakui oleh pihak kawan dan lawan.

Selepas beliau, Selangor ketandusan pemimpin yang betul-betul berwibawa untuk memandu negeri itu mengharungi arus perkembangan pembangunan yang begitu pesat dalam semua bidang. Terkedepannya negeri itu dalam beberapa aspek pembangunan adalah

disebabkan kedudukan geografinya yang berkembar dengan ibu kota.

Kadar perkembangan kemajuan tentu akan menjadi lebih pesat dan berlipatganda daripada apa yang telah dicapai seandainya Selangor mempunyai pemimpin yang komited, bermatlamat dan sentiasa mementingkan kecemerlangan dalam setiap kerja yang dilakukan. Selangor tidak mampu untuk menampung pemimpin yang hanya mementingkan populariti tanpa terdaya mengemukakan ide-ide yang baik serta menterjemahkan ide tersebut dalam bentuk pelaksanaan dengan berkesan.

'Kedahagaan' kepada kepimpinan yang berkesan itu rupanya tidaklah berpanjangan. Tuhan Maha Kaya dan Maha Adil, menganugerahkan negeri itu seorang insan yang dicari-cari dan dinantikan kemunculannya selama ini. Insan tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah yang bernama Muhammad bin Muhd.Taib, kini bergelar Tan Sri.

Tan Sri Muhammad bin Muhd Taib dilahirkan dari sebuah keluarga sederhana di Kampung Sungai Manggis, Kuala Kalumpang, Ulu Selangor, pada 29hb. Julai 1945. Kedua-dua orang tuanya bergiat aktif dalam UMNO Hulu Bernam. Jadi tidaklah menghairankan jika Muhammad melibatkan diri sepenuh masa dalam politik, kerana terdorong oleh persekitarannya sejak kecil lagi.

Pemilihan beliau untuk menduduki kerusi tertinggi dalam pentadbiran negeri Selangor memeranjatkan banyak pihak. Keadaan tersebut berlaku disebabkan semasa namanya diumumkan sebagai Menteri Besar, tidak ramai yang mengenali beliau. Beliau merupakan seorang ahli politik yang '*low profile*' dan tidak gemar kepada publisiti.

Sebagai ahli politik yang '*low profile*', nama Tan Sri Muhammad tidak dipandang sebagai calon yang berpotensi untuk menjadi Menteri Besar Selangor selepas Datuk Hj.Ahmad Razali bin Hj.Ali. Para spekulator yang membuat spekulasi tidak menyenaraikan beliau pada papan utama di bursa saham politik Selangor ketika itu.

Benarlah kata bidalan bahawa jauhari juga yang mengenal maknikam. Sungguhpun beliau tidak mendapat perhatian ramai, pucuk pimpinan parti berjaya mengesan bakat dan kebolehan istimewa

beliau yang tersembunyi. Pucuk pimpinan merasakan orang seperti Muhammad ini jika diberi peluang boleh melaksana dan merealisasikan segala wawasan untuk menjadikan Selangor terus terkemuka. Seterusnya secara tidak langsung juga akan menyumbang kepada kemajuan negara keseluruhannya.

Pemimpin yang baik dan berkualiti tidak semestinya terdiri dari pemimpin yang popular dan disukai ramai. Penilaian untuk memilih seseorang pemimpin adalah berbeza di antara kalangan pemimpin atasan dengan masyarakat pimpinannya. Pemimpin yang ditunjuk oleh kepimpinan atasan biasanya mempunyai kualiti dan ciri-ciri tertentu. Ciri-ciri yang diperlukan itu biasanya tidak boleh dilihat atau ditelaah oleh kebanyakan atau sebahagian besar para pengikut.

Pemimpin yang ditonjolkan oleh kepimpinan atasan itu tentulah dilihat sebagai berupaya membawa masyarakat untuk mencapai arah yang ingin dituju. Tujuannya supaya segala perancangan dan matlamat negara yang telah diatur selama ini tidak akan terputus atau terbengkalai di tengah jalan seandainya sesuatu hal berlaku ke atas barisan pucuk pimpinan. Kesinambungan visi ini sangat penting dalam memilih dan menentukan pemimpin pelapis.

Peranan dan tanggungjawab pemimpin adalah untuk memimpin dan menentukan arah haluan masyarakat pimpinannya mencapai tujuan dan matlamat yang telah ditetapkan. Pemimpin mesti boleh bertindak sebagai pembuat keputusan tanpa perlu merujuk kepada pengikutnya pada sebarang masa. Hanya dalam keadaan tertentu yang melibatkan dasar-dasar umum dan menyeluruh sahaja pandangan dan pendapat umum para pengikut diperlukan.

Pandangan umum tersebut boleh dijadikan panduan oleh pemimpin sebagai maklumat asas untuk merangka dan menentukan perkara-perkara khusus. Di sini penulis bukanlah bermaksud bahawa pemimpin boleh melakukan apa sahaja dan menggunakan mandat yang diperolehi sesukahatinya. Pemimpin berjiwa rakyat seperti Perdana Menteri kita bukanlah seorang yang tergolong sebagai pemimpin diktator.

Sebagaimana telah terbukti selama ini pun, setiap langkah atau

tindakan yang diambilnya adalah langkah baik dan terpuji dalam menjadikan negara kita sebuah negara maju dan terkemuka. Kita dapati banyak tindakan dan keputusan yang dibuat sebelum ini bukanlah tindakan yang popular. Tetapi lama-kelamaan orang akan nampak juga kebaikan dan mengaguminya secara diam-diam, kalau-pun tidak melahirkannya secara terang-terangan.

Projek kereta nasional umpamanya mendapat kritikan dan tentangan hebat bukan sahaja daripada pembangkang bahkan ahli akademik termasuk para akademik ekonomi. Malah bukan setakat itu sahaja, beberapa golongan dalam UMNO sendiri pun melahirkan kesangsian mereka secara tersembunyi.

Hari ini, suara-suara sumbang tersebut tidak lagi kedengaran. Projek tersebut telah mula menampakkan pulangan ekonomi yang memberangsangkan. Projek tersebut juga telah berjaya meransang pertumbuhan industri-industri komponen kereta dan kegiatan hiliran lainnya, menambahkan peluang pekerjaan, mendedahkan dan memberikan kemahiran serta pengetahuan teknologi tinggi kepada anak tempatan. Kesemua ini merupakan 'aset' yang sangat berguna dalam persediaan kita untuk menjadi sebuah negara industri yang disegani.

Kita sedia maklum bahawa dalam soal pemimpin dan kepeimpinan, Perdana Menteri kita selalu menegaskan, "seorang pemimpin perlu memimpin dan bukannya dipimpin. Jika seseorang pemimpin itu menurut kehendak pengikutnya bermakna tidak wujud perbezaan di antara kedua-duanya dan dia bukanlah seorang pemimpin lagi."

Berdasarkan pandangan tersebutlah tindakan pemimpin atasan kita dalam hal menentukan kepimpinan politik di sesebuah negeri adalah wajar sekali. Tindakan pucuk pimpinan 'menunjukkan' Muhammad sebagai Menteri Besar Selangor sekali lagi membuktikan penilaian rasional dan tepat hasil dari pertimbangan pemikiran yang matang oleh para pemimpin kita.

Tan Sri Muhammad dilantik menjadi Menteri Besar Selangor yang kelima, pada 14 Ogos 1986, selepas pilihan raya umum. Beliau

berjaya mendapat kepercayaan pucuk pimpinan UMNO walaupun baru sepeinggal menjadi wakil rakyat. Pemilihannya telah memintas tokoh-tokoh lain yang lebih senior dan lebih berpengalaman.

Sebenarnya beliau sendiri pun tidak pernah menyangka dan tidak pernah merancang untuk menduduki jawatan tersebut. Beliau bukanlah seorang pengejar jawatan. Politik beliau adalah politik kerja, politik kebajikan, bukan politik kedudukan.

Namun Tuhan maha berkuasa. Manusia hanya mentadbir tetapi tuhan yang mentakdir. Walaupun pucuk pimpinan pada mulanya mendapati sukar menetapkan calon Menteri Besar Selangor, tetapi Tan Sri Muhammad yang pastinya bukanlah pilihan pertama akhirnya terpilih juga.

Beliau pernah memberitahu, "*saya pasti saya bukan pilihan pertama sebagai MB. Ketika itu pucuk pimpinan menghadapi dilema. Pilihan-pilihan lain nampaknya ada masalah masing-masing. Akhirnya nampaklah saya yang mungkin tidak begitu bermasalah. Kata orang, tiada rotan akar pun berguna*".

Kemunculannya tidaklah berpaut pada pertalian kekeluargaan atau mempunyai hubungan yang rapat dengan tokoh-tokoh politik di peringkat nasional. Beliau merupakan pemimpin kecil yang tidak dikenali pucuk pimpinan. Lagi pun beliau hanya baru menjadi wakil rakyat dan tidak pernah menjadi EXCO. Apa lagi sebagai EXCO kanan.

Sungguhpun begitu kecemerlangan beliau dalam memaju dan membangunkan negeri Selangor telah mengatasi tokoh-tokoh peneraju negeri itu yang berkhidmat sebelum ini. Sememangnya beliau seorang tokoh yang muncul berdasarkan bakat semulajadi yang dianugerahkan Tuhan kepadanya.

Memanglah pada mulanya banyak pihak yang agak keberatan dan sangsi dengan kebolehan anak muda ini. Namun tidak berapa lama kemudian semua kesangsian tersebut hilang lenyap satu persatu.

Muhammad telah membuktikan bahawa pemilihan beliau untuk menerajui negeri Selangor merupakan pemilihan yang tepat. Beliau secara tidak langsung telah menaikkan saham pucuk pimpinan

kita pada kaca mata umum. Rakyat, khasnya orang Melayu telah mengakui dan akur bahawa Perdana Menteri kita yang disanjung, Y.A.B. Datuk Sri Dr. Mahathir ialah seorang yang amat berkebolehan dalam menempatkan *'the right person for the right job.'*

Menyorot kembali serba sedikit latar belakangnya dapatlah dikatakan bahawa tokoh ini mempunyai asas pendidikan yang baik dan tergolong dalam golongan pemimpin yang *'educated'*.

Selepas menjalani latihan perguruan di Maktab Perguruan Harian, Kuala Lumpur, beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru. Keazaman untuk meningkat maju dan mendapat ilmu yang lebih tinggi, menyebabkan beliau meneruskan pula pelajarannya di Universiti Malaya. Pada tahun 1979, beliau menamatkan pengajian di Universiti Malaya dengan mendapat ijazah kepujian kelas satu *'double major'* dalam pengajian Melayu dan Sejarah.

Semasa alam persekolahan, anak bekas seorang guru besar ini merupakan murid yang berdisiplin, tidak nakal, aktif dalam sukan dan pernah menjadi pengawas. Pada pilihanraya umum pertama tahun 1955, beliau sering dibawa oleh bapanya ketika berkempen untuk UMNO dan Perikatan di merata-rata tempat di seluruh Selangor.

Sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat universiti, beliau menyambung semula tugasnya sebagai guru dan kemudian dilantik pula sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Pelajaran, Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan) Malaysia. Pada tahun 1980, beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Ulu Selangor dan pada tahun yang sama juga dilantik sebagai Setiausaha kerja, Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Selangor.

Sebelum itu, beliau pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Cawangan Hulu Bernam ketika ayahnya menjadi Ketua Cawangan di situ. Pada tahun 1981, beliau dilantik menjadi Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Hj. Suhaimi Kamaruddin. Bermula dari sinilah beliau menjadi ahli politik sepenuh masa.

Pada tahun 1982, beliau menjadi Ketua Bahagian, UMNO Hulu Selangor. Tahun itulah beliau mula menjadi wakil rakyat apabila

memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Batang Kali dalam pilihan raya umum.

Berpegang teguh kepada prinsip "jawatan merupakan alat bukan matlamat", beliau tidak pernah berkecil hati malah tidak mengambil pusing walau pun tidak dilantik menjadi EXCO ketika itu. Sedangkan pada masa yang sama timbalan beliau, Dato' Ramli Abdul Rahman 'diangkat' menjadi EXCO. Suatu keadaan yang agak janggal.

Nasib bekas aktivis semasa di universiti suatu ketika dulu ini semakin baik dalam politik. Kewibawaan beliau semakin terserlah dan khidmatnya yang cemerlang sebagai wakil rakyat selama sepenggal yang lalu mendapat pujian masyarakat setempat. Beliau telah menambat hati para pengundi di kawasannya.

Hal tersebut terbukti apabila pada pilihan raya tahun 1986, beliau telah menang tanpa bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Batang Kali. Kekuatan pengaruhnya membuatkan parti-parti lawan keberatan meletakkan calon untuk bertanding dengan beliau di situ. Bermula dari situlah beliau melangkahhkan kaki ke jawatan yang menjadi idaman kebanyakan ahli politik di peringkat negeri, sehinggalah sekarang.

Beliau merupakan anak Hulu Selangor yang pertama berjaya mengetuai kerajaan negeri. Walaupun daerah tersebut merupakan daerah termundur dan terpencil di Selangor, namun ia boleh berbangga kerana dapat melahirkan seorang tokoh yang begitu berkaliber dan terkenal bukan sahaja di negeri itu malah ke seluruh negara.

Jelaslah beliau bukan seorang yang naik secara mendadak dalam politik. Politikinya bermula dari bawah, meningkat dari setangga ke setangga. Pada diri Tan Sri Muhammad, teradun kedua-dua corak kepimpinan dalam UMNO iaitu sebagai pemimpin '*grass root*' dan juga sebagai pemimpin '*pointed leader*'.

Kalaupun istilah 'mendadak' ingin dikaitkan dengan kemunculan beliau dalam arena politik, hanyalah sesuai digunakan dalam konteks "kepimpinan peringkat nasional" sahaja. Sebelum ini, beliau adalah seorang yang telah lama bergelumbang dalam dunia politik. Tetapi disebabkan politikinya bukan untuk mengejar nama dan jawatan,

beliau kurang dikenali.

Beliau memang tidak suka menonjolkan diri. Penonjolan yang disifatkan mendadak itu (kalau boleh dikatakan demikian), bukanlah disebabkan dirinya yang sengaja ingin menonjolkan diri. Sebaliknya, prestasi yang telah ditunjukkan beliau dalam masa yang singkat mengatasi dan menangani berbagai masalah itulah yang menarik perhatian ramai.

Sebaik sahaja memegang jawatan Menteri Besar, beliau telah melaksanakan beberapa langkah berani yang tidak pernah dilaksanakan oleh bekas rakan-rakan sejawatannya sebelum ini. Langkah pertama yang dilakukan ialah mengarahkan semua EXCO Selangor mengisytiharkan harta masing-masing, dalam usahanya untuk menghindarkan rasuah. Beliau juga tidak mahu EXCO melibatkan diri dalam perniagaan.

Semasa mula menerajui negeri Selangor, negeri itu sedang mengalami zaman kemelesetan yang pertama kalinya sejak merdeka. Untuk memulihkan semula ekonomi negeri, beliau telah menetapkan dua keutamaan dalam pentadbirannya iaitu keutamaan jangka pendek dan keutamaan jangka panjang.

Keutamaan jangka pendek ialah menghentikan projek-projek mewah. Tidak sampai setahun menjadi Menteri Besar, beliau telah memberhentikan projek-projek berkenaan yang tidak mendatangkan faedah kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Langkah tersebut telah mempercepatkan pulihnya kedudukan kewangan negeri yang agak genting ketika itu akibat beberapa kesilapan pentadbiran sebelum beliau. Tindakan beliau mendapat pujian daripada Timbalan Perdana Menteri yang melakukan lawatan rasmi ke Selangor waktu itu.

Keutamaan jangka panjang beliau pula ialah mengadakan program-program untuk menyiapkan Selangor menghadapi ekonomi selepas 1991. Pada tahun tersebut (1991), Selangor tidak lagi mendapat hasil dalam bentuk pampasan oleh kerajaan Persekutuan kerana 'pengambilan' Kuala Lumpur.

Tan Sri Muhammad seorang pemimpin yang peka dan begitu menghayati konsep kepimpinan melalui tauladan yang diilhamkan

oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Sri Dr. Mahathir bin Mohamad. Sebagai usaha melaksanakan kempen penjimatan tenaga, beliau telah menukarkan sistem pendingin udara di pejabatnya dari menggunakan letrik kepada penggunaan solar. Beliau juga telah mengambil langkah memadamkan letrik di pejabatnya pada waktu siang yang cerah cuacanya.

Sungguhpun perkara tersebut bukanlah sesuatu yang besar untuk p73 dibanggakan, tetapi setiap pekerjaan itu tidak akan terjadi jika tidak dimulakan walaupun secara kecil. Perkara yang kecil-kecil sebegini jika dikumpulkan akan menjadi besar dan akan terasa juga kesannya suatu masa nanti. Sebagai pemimpin beliau telah berusaha menunjukkan tauladan untuk 'meransang' masyarakat yang dipimpinnya mengambil tindakan yang serupa.

Beliau sentiasa berusaha memajukan ekonomi negeri Selangor dengan melakukan beberapa perubahan. Hasil pembaharuan yang dilakukannya tidaklah menghampakan.

Perubahan yang dilakukannya adalah sesuai dengan falsafah pentadbiran yang menjadi pegangannya. Pada beliau fesyen yang lama itu tidak sesuai lagi dipakai kerana telah ditelan arus, sebagaimana fesyen pakaian wanita juga. Adalah tidak kena memakai fesyen pakaian tahun 60'an pada hari ini.

Jikapun fesyen tersebut timbul kembali pada masa ini tidaklah secara totalnya sama. Terdapat beberapa perubahan atau pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan cita rasa semasa.

Beliau telah memperkenalkan konsep SSI (*State Secretary Incorporated*) yang telah berjaya menambahkan sumber kewangan kerajaan negeri. Salah satu contoh konsep SSI ialah dalam urusan pembelian bahan-bahan binaan oleh pemaju-pemaju rumah kos rendah di negeri itu. Setiap pemaju rumah kos rendah dimestikan mendapat bekalan dari kerajaan negeri.

Melalui cara ini berbagai kegiatan perniagaan terutama pembekalan bahan binaan yang dilakukan oleh PKNS atau anak-anak syarikatnya dapat bergerak dengan begitu baik dan aktif. Keuntungan PKNS (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor) bermakna

pendapatan kewangan kepada kerajaan negeri kerana badan tersebut merupakan 'alat' pelaburannya.

Sebagai pengerusi PKNS beliau juga telah berjaya melariskan jualan rumah-rumah yang dibina oleh PKNS yang tidak dapat dijual p73 sebelum ini. Skim sewa beli yang dilancarkan olehnya mendapat sambutan menggalakkan, menyebabkan rumah-rumah PKNS di Bangi dan Ampang Jaya yang menghadapi masalah mendapatkan pembeli banyak yang terjual.

Pada tahun 1986, beliau telah menubuhkan tabung warisan negeri. Satu peratus dari hasil tahunan kerajaan negeri akan disumbangkan ke dalam tabung ini. Tabung sebegini amat berguna untuk menampung perbellanjaan kerajaan negeri pada 'saat-saat genting' di masa hadapan.

Selain itu, beliau juga mewujudkan Tabung Amanah Belia untuk menampung program-program pembangunan belia terutamanya di luar bandar. Antaranya ialah melatih belia-belie dalam berbagai lapangan dan membantu mereka melaksanakan projek-projek yang berfaedah. Semuanya bertujuan mempersiapkan golongan ini untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang serta mendorong mereka turut serta menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara di masa hadapan.

Tabung Sukan juga ditubuhkan untuk membiayai aktiviti kesukanan dan riadah dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas. Pembentukan tabung-tabung seperti itu menjadikan kegiatan-kegiatan berkenaan di masa hadapan tidak lagi bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan negeri semata-mata.

Beliau juga menubuhkan konglomerat Selangor yang menyatukan kepakaran anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor(PKNS),Kumpulan Perangsang, Yayasan Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor(PKPS) dan sebagainya. Konglomerat ini akan mengambil bahagian dan menjalankan projek-rojek ekonomi di bidang perdagangan dan perindustrian hasil dari peluang-peluang yang ujud ketika pembangunan berkembang pesat.

Amanah Saham Negeri Selangor juga dilancarkan untuk menggalakkan orang-orang Melayu di negeri itu melabur. Dengan cara ini, pendapatan hasil dari perkembangan pesat ekonomi dapat diagihkan serta turut dinikmati oleh semua lapisan rakyat dalam bentuk keuntungan dividen dan bonus. Skim ini juga dapat menambahkan ekuiti pemilikan oleh kaum bumiputera di negeri itu supaya tidak ketinggalan dalam arus kepesatan dunia perdagangan dan perindustrian.

Langkah tersebut membuktikan pandangan jauh beliau sebagai seorang pemimpin yang berwawasan. Suatu langkah bijak yang tidak terfikirkan oleh orang-orang sebelumnya.

Tan Sri Muhammad seorang yang cukup mengambil berat tentang kemajuan dan kebajikan rakyat, terutama orang Melayu. Sifat ini tertanam dalam diri beliau sejak remaja lagi. Ketika itu beliau memang sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam persatuan-persatuan belia dan aktiviti-aktiviti kebajikan di kampungnya.

Atas kesedaran yang tinggi untuk memajukan anak bangsanya, beliau juga pernah mengadakan kelas-kelas tambahan percuma kepada anak-anak orang kampung suatu ketika dahulu. Usaha ini dilakukan bersama dua orang adiknya (sekarang seorang tokoh korporat dan seorang lagi doktor persendirian).

"Saya mahu mendekati dan merasai sendiri masalah rakyat," merupakan kata-kata hikmat yang sering diucapkan oleh Muhammad ketika baru-baru beliau dilantik menjadi Menteri Besar. Beliau juga telah berikrar untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang Melayu di Selangor.

Tan Sri Muhammad bukanlah orang yang hanya pandai bercakap sahaja tanpa sebarang tindakan. Ikrar yang dinyatakan beliau tidak hanya tinggal ikrar seperti sesetengah pemimpin. Setiap perkara yang dinyatakannya diikuti pula dengan tindakan.

Beliau telah mengadakan aktiviti 'Turun ke Padang', menubuhkan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan mengilhamkan serta merealisasikan konsep "penswastaaan dalam pembasmian kemiskinan".

Melalui aktiviti "Turun ke Padang" yang dilancarkan beberapa

tahun lalu, beliau membuat lawatan dan melihat sendiri kehidupan masyarakat kampung serta menilai prestasi projek-rojek kerajaan yang disalurkan. Beliau tidak hanya mendengar atau melihat laporan yang disediakan dan disampaikan oleh pegawai-pegawainya di pejabat sahaja.

Setiap kedaifan masyarakat kampung dan kepincangan dalam pelaksanaan projek-projek yang ditemuinya akan segera diambil tindakan. Beliau akan memastikan segala tindakan yang diambil benar-benar dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Beliau amat benci kepada kelengahan terutama dalam soal-soal menghapuskan kemiskinan.

Berbagai karenah birokrasi dan masalah '*red tape*' seperti mengisi berbagai borang dan melalui berbagai peringkat penapisan sedangkan bantuan untuk menghapuskan kemiskinan tidak juga sampai amat merimaskan beliau. Untuk mengatasi masalah yang membazirkan masa dan tenaga ini beliau telah menubuhkan satu badan yang boleh membantu orang-orang miskin dalam masa yang cepat.

Menurutnya, "kita jumpa saja sesuatu kes, dalam seminggu itu juga kita beri bantuan. Jangan melibatkan terlalu banyak peraturan hingga tidak berkesan." Berdasarkan pemikiran tersebut, beliau menubuhkan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) yang dilancarkan pada 21 April 1990.

Sebagai pengasas dan penaung YBK beliau telah mencetuskan ide yang bijak dengan menjadikan usaha membasmi kemiskinan sebagai usaha bukan kerajaan dan tidak dibiayai oleh kerajaan. Pada pendapatnya sudah tibalah masa bagi orang-orang atau pihak-pihak yang hidup mewah hasil pelbagai usaha pembangunan kerajaan, menyumbang pula kepada usaha membantu mereka yang kurang bernasib baik dan hidup dalam kemiskinan. Inilah yang dinamakan konsep penswastan dalam membasmi kemiskinan.

Kini YBK bergerak atas sumbangan masyarakat terutama masyarakat korporat. Sebagai '*a non-government organization*', YBK mendapat bantuan dan tajaan dari pihak swasta dalam mengendalikan program-program tajaannya. Selain memberikan bantuan terus

seperti membina rumah kepada keluarga termiskin, bantuan basikal kepada anak-anak mereka dan sebagainya, badan ini juga bertindak memberikan latihan kemahiran.

Anak-anak keluarga termiskin diberi latihan kemahiran yang membolehkan mereka memperolehi pendapatan yang baik, lantas membantu mengeluarkan keluarga dari belunggu kemiskinan. Langkah demikian nampaknya amat berjaya seperti projek yang ditaja oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB)-UMW (United Motor Works) - Kontena Nasional di Kuala Selangor.

Pendekatan beliau dalam membasmi kemiskinan ialah atas dasar bahawa mereka yang lapar tidak harus diberi ikan untuk makanan. Sebaliknya mereka perlu diajar bagaimana untuk menangkap ikan. Bukan setakat itu sahaja, malah beliau telah memperluaskan lagi dasar tersebut kepada bagaimana untuk mengeluarkan jaring, kail serta bagaimana pula untuk memasarkannya.

Dengan itu menjadikan program membasmi kemiskinannya merupakan program yang lengkap atau disebut juga '*acculturization*'. Pendekatan sedemikian menurut beliau akan menjamin orang miskin yang telah keluar dari kemiskinan tidak akan kembali miskin semula. Mereka yang tidak lagi miskin itu akan terhindar dari kemiskinan mutlak untuk selama-lamanya.

Untuk memastikan komitmen pihak swasta yang berterusan dalam program pembasmian kemiskinan ini, satu operasi yang dinamakan IMPEK dilaksanakan di bawah YBK. IMPEK (Ikhtiar Masyarakat Perdagangan Endah Kemiskinan) sentiasa berusaha menghimpunkan ahli-ahli korporat penyayang untuk terus menerus bersama YBK membantu program penghapusan kemiskinan.

Kejayaan dan keberkesanan proram-program ilham beliau yang diimplementasikan melalui YBK itu meyakinkan semua pihak bahawa matlamat beliau untuk menghapuskan terus kemiskinan mutlak di Selangor menjelang 1988 akan tercapai.

Pandangan beliau tentang kemiskinan tidaklah sempit dan berkisar sekitar perkara-perkara kebendaan sahaja. Kemiskinan pada beliau meliputi aspek yang luas seperti kemiskinan ilmu, sikap ,

kemahiran, psikologi dan juga tanggungjawab. Oleh itu beliau amat menekankan kepada pembangunan kemanusiaan.

'Fasa pertama' membasmi kemiskinan ekonomi perlu berjalan seiring dengan 'fasa kedua' kemiskinan iaitu kemiskinan pembangunan kemanusiaan, mengikut 'versi' Muhammad Taib. Melalui pembangunan kemanusiaan pada semua peringkat ini beliau berharap dapat melahirkan manu p73 sia yang terbaik untuk mengeluarkan barangan atau perkhidmatan yang berkualiti.

Untuk menjayakan pembangunan kemanusiaan tersebut, beliau telahpun menubuhkan Jawatankuasa Tetap mengenai Pembangunan Kemanusiaan di peringkat negeri. Jawatankuasa yang hanya satu-satunya ditubuhkan oleh kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia itu diketuai oleh seorang EXCO. Antara program pembangunan kemanusiaan ini termasuklah memberi ceramah, kursus motivasi, bina insan dan sebagainya untuk melahirkan manusia bertanggungjawab, mempunyai semangat juang serta daya tahan dalam menghadapi cabaran dan dugaan bagi mencapai kemajuan yang diidamkan.

Dengan aliran pelaburan sebanyak RM 5000 juta setahun, pertumbuhan tahunan sebanyak 10.5 peratus dijangka berterusan berserta dengan program pembangunan kemiskinan pelbagai sudut tersebut, tidak mustahil Selangor akan mencapai taraf negeri maju pada tahun 2005. Suatu matlamat yang 15 tahun mendahului matlamat wawasan 2020.

Apabila beliau menjadi MB Selangor, buat pertama kalinya negeri itu telah menetapkan 'dateline' untuk menjadi negeri maju pada tahun 2005. Memandangkan beberapa kelebihan yang sedia ada pada Selangor berbanding negeri-negeri lain, sewajarnya pencapaian negeri itu mendahului pencapaian Malaysia keseluruhannya. Pencapaiannya yang cepat juga akan menyumbangkan kepada pencapaian negara dalam mengejar cita-cita wawasan 2020.

Bagi mencapai 'dateline' yang telah ditetapkan itu, beliau telah mula menumpukan perhatian kepada menggalakkan industri berasaskan modal dan industri berteknologi tinggi. Industri-industri dalam kategori itu kini sudah bertapak dan mula berkembang dengan

pesat di negeri itu.

Sebagai seorang manusia yang seimbang pula, beliau sentiasa menekankan konsep keseimbangan pembangunan dalam setiap program pembangunan yang dilaksanakan. Pembangunan yang dilaksanakan oleh beliau adalah secara bersepadu. Beliau amat menekankan kepada pembangunan yang seimbang dari segenap segi iaitu pembangunan rohani dengan jasmani, bandar dengan luar bandar serta pembangunan industri dengan pembangunan pertanian.

Beliau begitu mengambil berat tentang kemajuan perkembangan Islam serta penghayatan ajarannya yang suci itu. Hal ini bukanlah menghairankan kerana beliau sendiri termasuk dalam golongan orang-orang yang kuat asas agamanya. Kalau tidak, mustahil beliau boleh dilantik menjadi bilal di Masjid Hulu Bernam pada tahun 1970-1973. Bapanya pula pernah menjadi imam di masjid yang sama.

Bagaimanapun Islam yang ditekankannya ialah Islam yang progresif. Beliau telah memulakan langkah mengubah khutbah Jumaat di semua masjid di negeri itu dari hanya membicarakan soal-soal kematian kepada seruan-seruan untuk menyertai dan berlumba-lumba mengejar kemajuan. Pada beliau, masjid hendaklah menjadi pusat penggerak ummah dalam semua bidang kehidupan.

Satu inovasi besar yang dilakukannya ialah memperkenalkan penggunaan komputer di mesjid-mesjid. Langkah tersebut bertujuan menjadikan mesjid sumber maklumat dan bank rujukan masyarakat setempat. Dengan ini fungsi mesjid akan menjadi bertambah besar yang akhirnya menjinakkan masyarakat Islam (sudah tentunya bangsa Melayu) dengan rumah Allah tersebut.

Walaupun kita belum nampak kejayaan pembaharuan tersebut disebabkan pemikiran yang agak terkedepan, namun tidak dapat disangkal suatu masa nanti perkara ini pasti akan mencapai matlamat yang diharapkan. Tidak ada perkara mustahil bagi orang seperti Tan Sri Muhammad ini, sekali bermula bermakna ianya tidak akan berundur sehinggalah tercapai hasil yang dirancang.

Keazaman dan usaha beliau untuk membentuk masyarakat berbudaya cemerlang sentiasa berterusan. Kecemerlangan yang

dikehendakinya tidak terhad kepada golongan atau sektor tertentu sahaja. Beliau yakin bahawa setiap golongan dan sektor merupakan penyumbang kepada pembentukan negeri Selangor yang maju dalam setiap bidang. Apabila setiap 'komponen' dalam negeri itu menunjukkan kecemerlangan masing-masing, sudah tentu Selangor akan muncul sebagai negeri yang paling cemerlang di Malaysia.

Kita telah menyaksikan begitu banyak kejayaan yang telah dicapai oleh Selangor hasil pimpinan beliau. Kadar kemajuannya berlipatganda melebihi kadar yang dicapai oleh negeri itu dalam tempoh yang sama di bawah pemimpin-pemimpin lain sebelum beliau. Beliau telah berupaya meletakkan pembangunan negeri Selangor selari dengan pembangunan nasional.

Visi pembangunan beliau tidak hanya tertumpu kepada Selangor semata-mata. Tan Sri Muhammad seorang pemimpin negeri, tetapi dalam masa yang sama berfikiran nasional. Beliau telah merancang memajukan kawasan-kawasan yang bersempadan dengan negeri-negeri lain. Contohnya seperti kawasan Hulu Bernam yang bersempadan dengan Tanjung Malim di negeri Perak. Kawasan yang bersempadan dengan negeri Sembilan dan Pahang juga akan dimajukan nanti.

Merancang dan membawa pembangunan dan kemajuan ke sempadan bermakna limpahan nikmat kemajuan di kawasan tersebut akan turut mengalir dan boleh dirasai oleh jiran-jirannya. Akhirnya negeri-negeri jiran juga akan bergerak dengan lebih laju mengejar arus kemajuan.

Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad ketika mengulas kemajuan Selangor di bawah pimpinan Tan Sri Muhammad pernah berkata, "Negeri Selangor merupakan negeri yang terulung, negeri yang termaju dan negeri yang paling hadapan dalam semua sektor khususnya perindustrian."

Kehebatan pembangunan Selangor di bawah pimpinan beliau juga mendapat pujian daripada pembangkang. Dr. Tan Seng Giaw, ketua pembangkang di Dewan Undangan Negeri Selangor pernah mengakui bahawa pembangunan Selangor berlipat kali ganda di

bawah pimpinan Tan Sri Muhammad. Suatu pengiktirafan yang amat jarang dilakukan oleh pembangkang.

Kepimpinannya yang cemerlang itu membolehkan beliau memimpin UMNO untuk mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihan raya umum tahun 1990. Di bawah pimpinannya, walaupun Parti Semangat 46 kelihatan begitu kuat ketika itu, namun hanya satu kerusi sahaja yang dimenangi 73 oleh parti itu, iaitu di Panglima Garang (En.Tarikh Mohamad Jonid). Selebihnya, semua calon UMNO telah berjaya menumpaskan calon-calon parti lawan.

Dari segi politik, misi utama beliau ialah untuk mewujudkan kestabilan yang maksima. Sebagai tokoh politik berwibawa beliau juga telah memainkan peranan utama dalam mewujudkan perpaduan orang Melayu di Selangor. Perpecahan UMNO yang membawa kepada tertubuhnya Parti Semangat 46 serba sedikit telah mengancam perpaduan orang Melayu. Tambahan pula antara pemimpin Parti Semangat 46 di Selangor ialah Dato' Haji Harun Idris, yang begitu dikagumi oleh ahli-ahli UMNO dan orang Melayu amnya pada satu ketika dulu.

Walaupun Parti Semangat 46 telah kalah teruk pada pilihanraya umum tahun 1990,namun kerana kepentingan bangsa mengatasi kepentingan peribadi, Tan Sri Muhammad telah mengambil inisiatif mengadakan perhimpunan perpaduan Melayu Selangor pada 30 November 1991 di Shah Alam. Perhimpunan tersebut telah berjaya menarik penyertaan tokoh-tokoh yang telah keluar dari UMNO ekoran pemilihan parti 1987, termasuk Dato' Harun sendiri, serta ribuan pengikut mereka.

Perhimpunan tersebut telah berjaya mengelakkan perpecahan yang lebih parah di kalangan orang Melayu Selangor. Perkara ini membuktikan bahawa Tan Sri Muhammad ialah seorang pemimpin yang berjiwa besar. Sebenarnya, dengan kedudukan yang sudah mantap ketika itu tidaklah perlu untuk beliau menganjurkan perhimpunan sedemikian rupa. Tanpa perhimpunan tersebut pun kedudukan beliau tetap kukuh dan tidak tergugat. Tetapi demi kepentingan bangsa, semua kepentingan peribadi ditolaknya ke tepi.

Peristiwa itu juga telah menarik lebih banyak simpati dan sokongan orang Melayu yang telah keluar dari UMNO untuk kembali semula ke pangkuan parti itu. Kedudukan UMNO di Selangor semakin kuat, begitu juga kedudukan beliau menjadi semakin teguh. Di bawah kepimpinannya UMNO Selangor berjaya mengumpulkan keahlian yang kedua paling ramai selepas Johor.

Berbagai isu dan peristiwa yang dihadapi oleh beliau sepanjang memimpin negeri Selangor dapat diselesaikan dan diatasi dengan jayanya. Kebolehannya menangani masalah-masalah yang rumit dan kadang-kadang sensitif pula membuktikan kepada kita bahawa Tan Sri Muhammad merupakan seorang pemimpin yang berkebolehan dan sudah teruji.

Tindakan-tindakan yang pernah diambilnya dalam mengatasi sesuatu isu telah menambahkan lagi populariti dan prestasi kepimpinan beliau pada kaca mata ahli-ahli UMNO. Beliau tidak peduli walaupun kadang-kadang langkah yang diambil itu boleh mengancam kedudukan beliau sendiri. Pada beliau yang lebih utama ialah kebenaran bukannya kedudukan, langkah yang tepat walaupun tidak selamat.

Beliau begitu berani dan tegas menentang campurtangan Sultan dalam pentadbiran negeri. Pada mulanya beliau juga mengambil pendekatan yang sama dengan Menteri-menteri Besar sebelum ini dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan raja. Kepincangan raja tidak di bawa kepengetahuan umum.

Tetapi memandangkan kepincangan dan campurtangan raja sudah agak melebihi had, beliau mula bertindak. Beliau menyedari jika kepincangan tersebut terus dibiarkan, sudah tentu akhirnya akan memusnah dan menghancurkan sistem dan institusi raja itu sendiri.

Perhimpunan UMNO 1991 merupakan gelanggang yang sebaik-baiknya bagi beliau untuk mendedahkan segala campurtangan Sultan dalam pentadbiran kerajaan negeri. Beliau dengan beraninya telah membongkar hubungan kapitan-kapitan Cina dengan Sultan. Kapitan-kapitan Cina telah memperalatkan Sultan untuk mendapat peluang-peluang perniagaan dan sebagainya.

Akibat hasutan berbagai pihak yang kepentingan mereka terje-

jas oleh ketegasan beliau, Sultan pernah melengah-lengahkan perkenan perlantikan beliau sebagai Menteri Besar selepas pilihanraya 1990. Tetapi UMNO tetap tidak bertolak ansur dan terus mahukan beliau memegang jawatan tersebut. UMNO merasakan 'asetnya' yang paling bernilai ini tidak sepatutnya dikorbankan untuk kepentingan beberapa pihak tertentu sahaja.

Kalau sebelum ini, krisis antara Menteri Besar dengan Sultan menyebabkan seseorang Menteri Besar itu tidak akan lama berada di kerusi tersebut, tetapi lain halnya dengan Tan Sri Muhammad. Beliau masih kekal di tempat tersebut kerana mendapat sokongan padu dari pucuk pimpinan dan ahli-ahli UMNO. Pendedahan beliau mengenai kepincangan yang berlaku di kalangan istana telah membuka mata semua pihak.

Dengan pendedahan yang meluas oleh perwakilan UMNO Negeri Selangor di bawah pimpinannya itu telah membuka jalan kepada negeri-negeri lain mendedahkan perkara yang sama tanpa perasaan bimbang lagi. Ekoran keadaan tersebut kerajaan telah membuat beberapa pindaan perlembagaan mengenai kuasa raja-raja. Pindaan-pindaan yang dibuat itu bukanlah untuk menghapuskan institusi raja-raja Melayu, sebaliknya untuk meletakkan sistem raja berperlembagaan itu di tempat yang lebih mulia tanpa dicemari.

Projek Kemensah bolehlah dikatakan kemuncak kepada krisis beliau dengan Sultan Selangor. Projek untuk memajukan kawasan sekitar Zoo Negara itu memang mendapat persetujuan daripada penduduk tempatan. Kerajaan negeri telah meluluskan cadangan projek tersebut.

Namun begitu, disebabkan bantahan oleh beberapa pihak yang berkepentingan, menggunakan pula sokongan daripada beberapa pertubuhan yang memperjuangkan nasib binatang dan haiwan dalam zoo tersebut, Sultan turut campur tangan. Baginda telah membatalkan projek tersebut tanpa merujuk terlebih dahulu kepada kerajaan negeri sedangkan kuasa tersebut terletak pada kerajaan negeri.

Tan Sri Muhammad sebaliknya mengumumkan kerajaan negeri tetap akan meneruskan projek tersebut. Hanya projek membina

padang golf sahaja, yang merupakan salah satu cadangan dalam Projek Kemensah itu dibatalkan. Kini Sultan tidak campurtangan lagi dalam pentadbiran kerajaan negeri dan sudah memperlihatkan hubungan yang baik dengan kerajaan negeri.

Mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa Melayu di negara ini adalah suatu perkara yang tidak ada kompromi bagi beliau. Beliau tidak rela melihat orang Melayu dipersenda dan diungkit-ungkit hak ketuanannya di bumi yang tercinta ini. Dengan sebab itu beliau telah dengan beraninya berucap menjawab hujah Lee Kim Sai yang menuduh orang Melayu bukanlah bumiputera, di perhimpunan Melayu anjuran Pergerakan Pemuda UMNO bertempat di Stadium Raja Muda, Kampung Baru, pada tahun 1987.

Gelaran 'Mike Tyson' yang diberikan kepada beliau mungkin merujuk kepada keberaniannya menghadapi berbagai isu. Setiap isu yang ditanganinya, kemenangan memihak kepada beliau. Boleh jadi juga gelaran itu di sebabkan stail potongan rambutnya yang suatu ketika dulu mirip kepada juara tinju tersebut. Tidak mustahil juga gabungan kedua-duanya sekali. Pun begitu, bentuk fisikalnya yang tegap dan gagah itu turut menyumbang kepada pembentukan wibawa kepimpinannya.

Dalam memperkatakan konsep pembentukan Melayu Baru yang disarankan oleh Perdana Menteri kita, beliau merupakan tokoh yang terkedepan dan sering membicarakan visi ini. Pada beliau, mewujudkan Melayu Baru, iaitu melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera hendaklah menjadi agenda penting kepada orang Melayu hari ini. UMNO pula menurutnya, mestilah menonjolkan soal-soal ini dalam perjuangannya.

Melayu Baru yang diperjuangkannya ialah melahirkan golongan perniagaan, profesional dan korporat Melayu yang sanggup bersaing bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Beliau berpendapat kita tidak seharusnya terus menerus menerima sahaja pelabur luar seperti Korea, Jepun, Taiwan dan sebagainya tanpa mampu bersaing dengan mereka. Jika ini berterusan, kita sudah tentu menjadi alat kepada mereka sahaja.

Untuk mencapai cita-cita tersebut, beliau sering menyeru orang Melayu untuk meningkatkan kecekapan dan kegigihan serta menanamkan nilai-nilai murni di dalam diri mereka. Oleh itu, UMNO mestilah ke depan memperjuangkan perkara ini. Mesti ada pengembelengan usaha, penyusunan program-program khusus dan pelaksanaan yang berkesan. Bantuan kepada golongan pengusaha dan perniagaan Melayu sangat perlu dipertingkatkan. Menurut beliau ahli-ahli perniagaan di Jepun dan Taiwan begitu berjaya disebabkan mereka mendapat bantuan dan sokongan penuh dari kerajaan mereka.

Begitu banyak sekali kejayaan yang telah dicapainya sejak memimpin Selangor memberikan kredit yang besar kepada beliau untuk diketengahkan sebagai pemimpin di peringkat nasional pula. Kebolehannya menterjemahkan visi Perdana Menteri kita selari dengan semangat yang tersurat dan tersirat di sebalik gagasan serta wawasan Dr. Mahathir itu mengukuhkan lagi imejnya sebagai pemimpin yang berwibawa dan serba boleh.

Kebolehan intelek beliau juga tidak boleh disangkal. Tan Sri Muhammad merupakan seorang pemimpin yang boleh diketengahkan dalam forum-forum bertaraf antarabangsa. Beliau pernah membentangkan kertas kerja yang baik dan bernas di Seminar Antarabangsa Tentang Kemiskinan anjuran Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) bersama Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) di Kuala Lumpur, pada 21-22 hb. November, 1992.

Kertas kerja tersebut telah mendapat pujian peserta-peserta seminar yang juga termasuk wakil-wakil dari negara luar. Ketua Pengarah ISIS, Dr. Nordin Sopiie dilaporkan berkata, "Tan Sri Muhammad telah membentangkan satu kertas kerja yang bemas dan pandangan-pandangan dikemukakan oleh beliau sepanjang perbincangan kertas kerja itu berlangsung membuktikan bahawa beliau seorang pemimpin berwawasan, berpandangan jauh dan mempunyai prospek untuk pergi lebih jauh lagi".

Sebenarnya pendapat seperti itu bukanlah pendapat yang asing pernah diberikan terhadap diri Tan Sri Muhammad. Dato' Sri Anwar Ibrahim juga pernah memberikan pandangan yang positif tentang 'Mike Tyson' ini. Sewaktu membantu kempen pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya pada

tahun 1989 beliau menyatakan, "sekiranya ada seorang pemimpin muda UMNO yang pergi jauh daripada kedudukannya sekarang, beliau ialah Tan Sri Muhammad."

Perwakilan UMNO sendiri pun telah awal-awal lagi mengiktiraf kewibawaan Tan Sri Muhammad sebagai pemimpin masa kini dan bakal berada bersama barisan pucuk pimpinan di masa hadapan. Kalau tidak, masakan beliau berjaya mendapat undi antara yang teratas dalam pemilihan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada tahun 1987 dan 1990. Pencapaian tersebut merupakan bukti kukuh pengiktirafan orang Melayu, khususnya ahli UMNO terhadap kebolehan beliau membawa bangsa Melayu menuju kecemerlangan.

Pemimpin-pemimpin seperti beliau inilah sepatutnya mendapat sokongan dan dokongan terus ahli-ahli UMNO untuk diketengahkan ke tangga yang lebih atas dalam hirarki kepimpinan. Ketokohan, kewibawaan dan ketrampilan beliau perlu diletakkan di tempat yang sewajarnya. Pemimpin seperti inilah sesuai menjadi pemimpin pelapis dan dapat meneruskan kecemerlangan yang telah diasaskan oleh pucuk pimpinan kita hari ini.

Kualiti pimpinan yang patut ada pada pemimpin pelapis menurut Dr.Mahathir antaranya ialah boleh meneruskan pelaksanaan wawasan, boleh diketengahkan dan aktif di peringkat antarabangsa, berfikiran besar, berakhlak mulia, berakal internasional di samping nasionalisme yang mantap serta berkeyakinan diri untuk membentuk bangsa yang maju. Kualiti sebegini memang terdapat pada diri Menteri Besar Selangor itu.

Dalam memilih pemimpin-pemimpin yang baik dan berkualiti, ada baiknya kita menilai pendapat pakar pengurusan, Warren Bennis mengenai ciri-ciri kepimpinan yang baik. Pendapatnya bolehlah dijadikan panduan supaya kita berjaya memperolehi pemimpin yang dinamik dan cemerlang.

Menurut Warren Bennis, terdapat tiga jenis pemimpin iaitu pemimpin proaktif, pemimpin status quo dan pemimpin reaktif. Pemimpin proaktif mempunyai ciri-ciri dinamik, innovator, terbuka, original bukan '*carbon copy*', berdaya maju tinggi, menjadi inspirasi kepada orang lain, mempunyai pendekatan, pandangan dan perspektif jarak jauh, melihat masalah dalam sudut yang luas, mencabar status quo, berani buat pembaharuan dan melawan kebiasaan. Organisasi yang mendapat pemimpin seperti ini akan maju dan

berkembang.

Pemimpin status quo pula sifatnya berlawanan dengan proaktif. Pemimpin jenis ini mengikut arus, mentadbir hanya apa yang sedia ada, pendekatan jangka pendek, berfikiran sempit, padan dengan apa yang ada. Pemimpin seperti ini akan menjadikan organisasinya statik dan tidak akan berkembang.

Jenis ketiga pula (reaktif), tiada inisiatif, bertindak balas hanya pada situasi, menyelesaikan masalah bila berhadapan sahaja. Pemimpin reaktif ini akan menjadikan pertubuhannya semakin merosot.

Dari penilaian pemimpin mengikut teori Warren Bennis ini bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa Tan Sri Muhammad tergolong dalam kategori pemimpin proaktif. Hanya satu yang mungkin kekurangan kepada tokoh ini iaitu sifatnya yang tidak suka mencari publisiti dan menonjolkan diri.

Tetapi relakah kita untuk membiarkan pemimpin yang sangat berkualiti ini tenggelam begitu sahaja. Semoga sikap yang tidak suka menonjolkan diri dan hanya mementingkan kerja itu tidak akan mencacatkan peluangnya. Peluang beliau yang belum pernah mencuba bertanding Naib Presiden sebelum ini terletak pada kebijaksanaan perwakilan UMNO semua untuk membuat penentuan.

Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin

Sudah banyak kejayaan yang dicapai sejak memimpin negeri Johor. Pelbagai isu yang berbangkit sama ada di bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya boleh diatasi dan diselesaikan dengan sempurna. Kebolehan tokoh ini sebagai *problem solver* memang dikagumi.

Hanya satu perkara sahaja tidak dapat diatasi oleh manusia yang bernama Muhyiddin ini, iaitu '*senyumnya*'. Puas sudah beliau mencuba, namun tetap tidak berjaya. Begitu sukar dan begitu mahal sekali untuk mendapatkan, apa lagi menikmati senyuman daripada beliau.

Masalah personaliti beliau yang bakhil senyuman itu merupakan

sifat semulajadinya. Sebahagian besar kaum keluarga beliau mempunyai perwatakan yang sama. Tidak terkecuali, bapanya juga. Kemungkinan sifat lahiriah tersebut adalah 'jelmaan' sikap Muhyiddin memandang tugas, malahan semua perkara secara serius.

Buktinya, teguran banyak pihak mengenai kesukaran beliau tersenyum itu pun turut diambil berat. Sebagai tindakbalas segera, beliau pernah belajar dan berlatih senyum di depan cermin ketika di rumah. Mungkin kerana mendapati senyuman yang sengaja dibuat-buat dan direka-reka itu lebih '*menggerunkan*' berbanding kebiasaan dirinya, dia rela kembali kepada keadaan asal.

Pada beliau, biarlah keaslian rupa diri tersebut terus kekal dan berlainan dengan orang lain. Kelainan itu membentuk identiti tersendiri yang mungkin merupakan satu *advantage* untuknya. Lantaran itu usaha merubah personaliti yang sebegitu sukar, mencabar kebolehan beliau dan terpaksa pula memakan masa yang lama maka lebih baik ditinggalkan. Jikalau diteruskan juga, penghasilan belum pasti lagi. Seandainya berjaya, mungkin juga tidak banyak membantu meningkatkan personaliti serta kualiti kepimpinan beliau.

Beliau yakin untuk menilai kualiti kepimpinan seseorang, wajah dan rupa bentuk zahir bukanlah menjadi perhatian utama. Orang akan lebih memandang kepada perwatakan, budaya kerja, prestasi kerja, dan cara berpolitik bagi seorang ahli politik seperti dirinya.

Sungguhpun kelihatan begitu serius sepanjang masa, pada hakikatnya beliau bukanlah sukar didekati. Berfikiran terbuka dengan sifat yang '*cool*' sepanjang masa, membuatkan beliau sentiasa bersedia mendengar pandangan serta pendapat orang lain. Semua kritikan, asalkan membina dan untuk kebaikan tetap diberi perhatian.

Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dilahirkan pada tahun 1947. Bapanya seorang guru agama yang dihormati dan disegani di Muar. Jadi, tidak hairanlah jika anak kepada Mohd Yassin ini menerima pendidikan agama secukupnya. Asas pendidikan agama itu telah membentuk jiwa beliau menjadi seorang yang tidak suka bermegah-megah, ikhlas dan sentiasa tenang.

Bekas graduan jurusan ekonomi Universiti Malaya ini pernah

bertugas sebagai Pegawai Perancang di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ). Ketika itu PKENJ diketuai oleh Tan Sri Haji Basir bin Ismail, seorang tokoh korporat terkenal yang pernah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputera suatu ketika dahulu. Muhyiddin telah menunjukkan kebolehan istimewa semasa berkhidmat di perbadanan itu.

Kehadiran beliau sebagai salah seorang pegawai di PKENJ amat dirasakan. Beliau telah berjaya membawa masuk pelabur-pelabur asing, khususnya dari Singapura ke Kawasan Perindustrian Pasir Gudang. Kemasukan pelabur ini sudah tentu memberikan keuntungan yang besar kepada perbadanan itu kerana PKENJ adalah pemilik tanah-tanah perindustrian di kawasan tersebut. Kemasukan pelabur tersebut juga telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada belia-belia.

Kecemerlangan beliau melaksanakan tugas yang diamanahkan mendapat perhatian pemimpin-pemimpin UMNO Johor pada masa itu. Anak muda istimewa itu perlu diasuh dan dipupuk bakatnya untuk menyediakan barisan pemimpin pelapis parti yang berketrampilan di masa akan datang. Orang seperti ini jika tidak diketengahkan sudah tentu parti akan diwarisi oleh kepimpinan yang lemah dan tidak berkesan dalam memperjuangkan nasib anak bangsa.

Kepimpinan beliau dalam politik UMNO bermula dari pergerakan pemuda lagi. Di peringkat bahagian, beliau pernah menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Pagoh. Peringkat negeri pula, beliau pernah menjadi Naib Ketua, Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Johor di bawah pimpinan Datuk Hj. Abdul Rahman Sabri. Selepas itu beliau menjawat pula jawatan Ketua Pemuda Johor.

Sementara itu di peringkat nasional, beliau pernah menjadi EXCO Pemuda semasa Datuk Sri Anwar Ibrahim memimpin pergerakan tersebut. Kemudiannya beliau menarik diri kerana ingin merebut jawatan ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT). Hari ini, selain menjadi Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin juga ialah Ketua UMNO Bahagian Pagoh, Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Ahli MKT.

Beliau mula menjadi wakil rakyat sebagai Ahli Parlimen Kawasan Pagoh menggantikan Tan Sri Syed Nasir Ismail. Beliau pernah ditarik berkhidmat di peringkat pusat sebelum dihantar balik ke negeri. Penghantaran semula ke negeri ialah untuk mengembalikan kegemilangan warisan kepimpinan Johor.

Tradisi kegemilangan dan kewibawaan Menteri-menteri Besar Johor selama ini memang terkenal ke seluruh negara. Namun begitu, tradisi tersebut telah di gerhanai oleh Tan Sri Osman Saat. Penggerhanaan tersebut berpanjangan pula ke zaman Datuk Abdul Ajib Ahmad. Menjadi tugas anak muda inilah pula untuk memulihkan kembali tradisi yang menjadi kebanggaan Johor selama ini.

Tan Sri Muhyiddin dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Johor pada tahun 1986, ketika berusia 39 tahun. Perlantikan itu menjadikan beliau salah seorang daripada hanya beberapa orang Menteri Besar termuda pernah dilantik di negara kita. Walaupun masih muda, beliau memang kaya dengan pengalaman hasil penglibatannya sebelum ini sama ada dalam politik mahupun kerajaan, di peringkat negeri dan juga persekutuan.

Sebelum dilantik menjadi Menteri Besar, beliau berkhidmat di Pusat, menjawat jawatan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Pada ketika itu kementerian tersebut dipegang oleh Yang Tengku Razaleigh Hamzah sebagai menterinya. Menjadi salah seorang termuda pernah memegang jawatan menteri kabinet, tentu sekali pemilihan beliau dibuat berdasarkan '*performance*' yang telah ditunjukkan sebelum ini.

Kementerian sepenting itu boleh mengasah dan menajamkan lagi kebolehan beliau dalam bidang ekonomi dan perdagangan yang telah dipupuk semasa di PKENJ dulu. Tambahan pula 'boss'nya di kementerian berkenaan merupakan orang yang boleh dikatakan arif di bidang tersebut. Jadilah ia seperti peribahasa, sudah terang lagi bersuluh.

Lantaran tugasnya sebumbung dengan Tengku Razaleigh, orang pernah melabel beliau sebagai penyokong di sebelah kem Datuk Musa, semasa berlaku pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden

UMNO ketika itu.

Tugas yang dilakukan di Kementerian tersebut banyak memberikan pengalaman dan menambahkan kematangan beliau. Kebolehan yang ditunjukkan sentiasa mendapat perhatian pucuk pimpinan. Tugasnya di Kementerian Perdagangan telah dilaksanakan dengan sempurna sekaligus menyalunkan Perdana Menteri untuk memilih beliau sebagai Menteri Besar Johor.

Ramai beranggapan bahawa anggota kabinet apabila dihantar balik ke negeri asal merupakan orang buangan yang tidak dikehendaki lagi oleh pucuk pimpinan. Anggapan sebegitu adalah tidak tepat. Sebagai contoh Datuk Najib dahulu pernah memulakan jawatannya di pusat, kemudian kembali kepada negeri dan akhirnya di tarik ke kabinet semula. Kini mengepalai kementerian yang agak kanan pula.

Sebenarnya jawatan Menteri Besar adalah lebih penting dalam beberapa keadaan tertentu. Orang yang mengepalai negeri hendaklah teruji sekepala dengan peneraju pusat. Jika tidak, misi yang dirancang dan diatur oleh pusat tentu sahaja terputus di tengah jalan. Sudah tentu tempat Muhyiddin akan kekal dan mungkin dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh kabinet jika ada calon lain yang lebih sesuai untuk mengepalai negeri Johor.

Ketika pucuk pimpinan masa itu sedang mencari-cari, Muhyiddin sahajalah nampaknya calon paling sesuai untuk memimpin negeri Johor. Bukan senang untuk mendapatkan calon yang betul-betul berkaliber. Sejarah kegemilangan kepimpinan di Johor perlu dipulihkan. Pada masa yang sama, kestabilan dan kemajuan Johor perlu diutamakan.

Johor merupakan 'jendela Malaysia' di Selatan. Cantik jendela ini, cantiklah pandangan orang luar terhadap negara kita. Johor yang 'kemas dan segar' menggambarkan keutuhan dan kestabilan malah kemakmuran Malaysia. Untuk mengubahsuai kembali jendela yang sudah 'terlusuh' itu memerlukan arkitek terkemuka. Mendapatkan arkitek terkemuka bukannya mudah.

Pemerhatian dan kajian ke atas 'pelan-pelan' yang telah dibangunkan, keupayaan mengemukakan konsep-konsep pembinaan

baharu serta relevan untuk masa kini dan juga masa depan terpaksa dilakukan. Banyak arkitek yang ada dan telah membuktikan kecemelangan, tetapi tidak mempunyai pandangan jauh ke hadapan. Arkitek seperti ini tidak menjadi pilihan kerana sudah tentu tidak berupaya menentukan arah haluan dan corak reka bentuk yang boleh dipertahankan.

Muhyiddinlah arkitek yang di kehendaki itu. Beliau dapat memenuhi kriteria- kriteria yang ditetapkan. Bukan calang-calang orang dapat mengendalikan negeri Johor dengan pelbagai ragam dan ciri tersendiri itu. Keunikannya sungguh berlainan daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Johor juga merupakan negeri yang mempunyai keistimewaan tersendiri dalam hubungannya dengan perkembangan, kemantapan dan kestabilan politik negara.

Di negeri itulah lahirnya UMNO, parti tulang belakang kepada Barisan Nasional yang memerintah negara. Kestabilan UMNO begitu signifikan kepada kestabilan negara. Oleh itu kestabilan politik UMNO Johor merupakan inti kepada kemantapan UMNO Malaysia. Di negeri itulah terkumpul kekuatan kubu UMNO. Kuat kubu ini, maka kuatlah UMNO di seluruh negara. Dengan itu, benteng kubu tersebut perlu diperkukuh dan dipertahankan setiap masa.

Penglibatan istana pula mempunyai sejarahnya yang tersendiri di negeri itu. Parti UMNO sedari mula lagi mendapat sokongan dan dokongan kuat dari pihak istana Johor. Sokongan dan dokongan yang membentuk hubungan erat dua hala ini perlu dipelihara. Mengendalikan hubungan sebegitu rumit dan sensitif ini memerlukan hemah serta bicara yang bukan biasa.

Kalau timbul masalah, biasanya bukan dimulakan oleh UMNO, mempertahankan serta memelihara kepentingan dan maruah parti juga 'kredibiliti' kerajaan perlu diutamakan. Serentak dengan itu, penghormatan serta maruah istana juga perlu dijaga, setakat mana lunas-lunas perlembagaan dan prinsip pengasingan kuasa dipatuhi dan dihormati. Perkara rumit sebegini memerlukan kebijaksanaan tetapi penuh dengan ketegasan, menggunakan budi bicara tetapi tidak menurut membabi buta.

Kita telah menyaksikan kegawatan hubungan antara kerajaan dan pihak istana baru-baru ini. Di Johorlah terletak Istana Bukit Serene yang pernah mendapat sepenuh perhatian seluruh rakyat Malaysia dan pemerhati luar negara. Sebabnya, di Istana tersebutlah berpusatnya krisis perlembagaan berhubung kekebalan raja-raja.

Kenyataan bahawa kedudukan negeri tersebut bersebelahan dengan salah sebuah negara naga Asia, menambahkan lagi faktor yang menjadikan negeri Johor begitu kompleks sifatnya. Kesemua perkara ini perlu diambil kira dalam menangani dan mengendalikan berbagai isu di Johor. Calang-calang orang sudah tentu akan kecundang untuk memimpin negeri itu menghadapi berbagai cabaran.

Jiran seberang, negara kota Singapura merupakan faktor yang mesti diambil kira ketika mengendalikan hal ehwal Johor. Negara yang taraf ekonomi berada pada tahap 'super' di Asia Tenggara itu begitu kuat pengaruhnya dalam menentukan sebarang isu di Johor, sama ada dalam bidang ekonomi, keselamatan, pentadbiran hatta politik sekali pun.

Setiap perkembangan di Johor akan diperhatikan dengan penuh minat di republik itu, begitu juga sebaliknya. Kedua-dua jiran sering bermain tarik tali dalam beberapa isu sensitif yang melibatkan kepentingan masing-masing. Contohnya, masalah pembekalan air dari Johor ke Singapura jika tidak dikendalikan dengan baik boleh mencetuskan ketegangan bukan sahaja dengan negeri itu, tetapi juga kepada negara Malaysia. Begitu juga dengan masalah keluar masuk rakyat antara kedua-dua negara.

Masalah ras pula boleh menjadi satu 'boomerang', meransang tindak balas spontan di pihak sebelah menyebelah. Semua perkara ini memerlukan pertimbangan teliti oleh peneraju kerajaan negeri supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang boleh menyekat kelancaran pertumbuhan ekonomi dan pembangunannya.

Johor mesti peka dengan segala perubahan dan perkembangan di pulau yang diberi nama Temasik oleh Sang Nila Utama, ketika membukanya dahulu. Kedudukan bertentangan muka antara kedua-duanya itu menyebabkan kesan setiap keputusan yang dibuat di

'seberang' amat mudah sekali terasa. Johor perlu membuat keputusan segera secara bersendirian, tanpa perlu merujuk kepada kerajaan pusat, setiap kali sesuatu langkah akan diambil.

Walaupun kepercayaan diberikan oleh pusat untuk membuat keputusan sendiri, namun keputusan yang diambil perlu selari dan senada dengan kepentingan negara. Johor tidak boleh memikirkan kepentingan sendiri sahaja. Di sinilah peranan pembuat keputusan segera tetapi tepat, amat diperlukan.

Selain bertindak sebagai '*decision-maker*', Menteri Besar Johor juga mesti mampu menjadi '*balancer*'. Mesti seimbang di antara mempertahankan kepentingan nasional dengan memenuhi tuntutan '*local*' yang dirangsang oleh hembusan angin dari seberang Selat Teberau. Keunikan Johor itulah menuntut calon-calon pemimpinnya perlu memiliki 'kelayakan' yang agak ketat, berbanding negeri-negeri lain.

Sebagai tokoh baru berbanding dengan veteran-veteran lainnya, segala permasalahan dan keunikan Johor yang tersendiri itu memberikan sumbangan pengalaman tidak ternilai kepada Tan Sri Muhyiddin. Hanya orang-orang berjiwa besar, berfikiran terbuka, berpandangan jauh, mempunyai ketahanan jiwa dan mental, berdaya intelektual yang tinggi serta berbagai sifat positif lagi sahaja dapat mengharungi dan mengatasi segala cabaran tersebut.

Sementara itu tidak dapat dinafikan, dengan asas pendidikan agama sejak kecil, telah membentuk peribadi beliau yang boleh dikatakan bersih daripada segala tuduhan penyelewengan dan skandal. Bapa beliau amat mengambil berat tentang pendidikan agama, sesuai dengan dirinya seorang tokoh agama tempatan yang dihormati. Penekanan sebegitu, berkesan sekali pada anak muda ini. Markah Bonus wajar sekali diberikan kepada bapanya.

Menyingkap kembali kejayaan beliau di tahap-tahap awal menjadi Menteri Besar, bolehlah dikatakan pemimpin ini telah menunjukkan kebolehan yang agak luar biasa. Keupayaannya memikul dan mememenuhi harapan pemimpin negara ketika memilih beliau mengambil alih teraju kepimpinan Johor telah meyakinkan pucuk pimpinan. Hingga tahun ini (1993) sudah tujuh tahun beliau menduduki

kerusi nombor satu, di negeri berbudaya 'kuda kepang' itu.

Semasa mengambilalih kepimpinan negeri Johor, kedudukan kewangan negeri itu berada dalam keadaan tenat. Hal itu berlaku disebabkan pengawalan kewangan yang amat lemah di bawah Menteri Besar Tan Sri Hj.Osman Saat. Ketenatan tersebut masih belum berjaya dipulihkan oleh penggantinya, Datuk Abdul Ajib Ahmad.

Kewangan Johor perlu dipulih dan dikemaskinikan. Pertumbuhan Ekonomi Johor yang lembab juga perlu dicergaskan. Kelembapan ekonomi kalau berpanjangan tentu membawa kesan buruk kepada kedudukan kewangan yang sedia meruncing. Kedua-dua bidang yang berkaitan rapat ini memerlukan reformasi segera.

Latar belakang ekonomi yang ada dan pengalaman dalam PKENJ serta didahului, banyak membantu beliau untuk mengambil langkah-langkah segera bagi mengatasi masaalah tersebut. Program serta strategi yang dirangka dan dilaksanakan mendatangkan kesan positif. Dalam tempoh setahun menjadi Menteri Besar, beliau telah berjaya memperbaiki ekonomi dan kedudukan kewangan negeri.

Selepas tiga tahun menerajui negeri itu, kedudukan kewangan Johor dapat dipulihkan sepenuhnya. Tan Sri Muhyiddin juga telah berjaya meransang perkembangan ekonomi negeri dalam tempoh yang singkat itu. Kejayaan menarik pelaburan berjumlah RM 5 bilion sepanjang tiga tahun tersebut merupakan satu rekod yang sukar ditandingi.

Pengaliran masuk pelaburan asing yang begitu besar terutama dari Taiwan dan Singapura, dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada 150,000 orang. Keadaan ini menyebabkan negeri tersebut mengalami kekurangan tenaga pekerja. Untuk menampung keperluan itu, tenaga kerja dari negeri-negeri lain di seluruh negara terpaksa diambil. Oleh itu kepesatan ekonomi Johor dapat pula mengurangkan masalah pengangguran di seluruh negara. Dengan lain perkataan, kemakmuran ekonomi Johor dapat juga dikecapi oleh negeri-negeri lain.

Pada tahun-tahun awal beliau menjadi Menteri Besar, politik Johor agak kucar kacir. Keadaan politik yang tidak menentu

menyebabkan pembangunan negeri itu terbantut. Suasana tersebut terjadi disebabkan terdapatnya tentangan terhadap pusat, ekoran isu perletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pengaruh Datuk Musa masih bertapak kuat di Johor, beserta dengan pengikut-pengikut setia beliau seperti Datuk Abdul Ajib Ahmad dan Datuk Shahril Abdul Samad. Tan Sri Muhyiddin bukan dari kumpulan Musa Hitam. Beliau terpaksa berdepan dengan kerenah kumpulan ini yang tidak mahu mengiktiraf kepimpinannya. Hanya kebijaksanaan sahaja yang dapat mengatasi segala kebuntuan dalam menangani suasana kelam kelibut itu.

Masalah Datuk Musa, tokoh politik berpengalaman bersama pengaruh yang besar itu tidak boleh dipandang ringan. Tersilap langkah sahaja boleh menjejaskan kewibawaan beliau, seterusnya melemahkan parti UMNO (Baru) ketika itu. Kemunculan beliau, dikira masih rebung berbanding Musa yang sudah buluh itu, kelihatan seperti tidak berupaya mengimbangi pengaruh tokoh dari 'Team B' tersebut. Ketohohan Tan Sri Muhyiddin kerap kali 'dibayangi' oleh Musa Hitam.

Namun begitu dengan ketenangan, ketabahan, kesabaran dan hemah yang tinggi kesemua cabaran itu dapat diatasi dengan jaya. Bagi beliau semua perkara tersebut merupakan dugaan yang harus ditempuhi. Ujian-ujian sedemikian dianggapnya sebagai proses biasa yang perlu dilalui untuk menguji setakat mana kemampuan seseorang pemimpin. Kebolehan seseorang pemimpin yang belum teruji sudah tentu tidak akan sampai ke mana.

Kegawatan politik akibat pertembungan pengaruh di antara 'Team B' dengan ahli-ahli UMNO (Baru - pada ketika itu perkataan ini masih digunakan selepas pendaftaran semula UMNO yang telah dibatalkan pendaftarannya) di Johor akhirnya dapat diredakan oleh beliau. Keresahan suasana dapat dikawal daripada menular.

Tan Sri Muhyiddin telah mengasaskan Perhimpunan Melayu Johor. Perhimpunan tersebut telah menjadi 'catalyst' meredakan kegelisahan politik yang mengancam perpaduan orang Melayu ketika itu. Perhimpunan tersebut juga menyebabkan lebih ramai bekas- p73

bekas ahli UMNO yang meninggalkan parti itu kembali menjadi ahli UMNO (Baru). Dengan ini bermakna mereka yang menentang penubuhan UMNO (Baru) sebelum itu telah mula mengiktirafnya semula.

Pengiktirafan terhadap UMNO (Baru) secara tidak langsung juga menunjukkan pengiktirafan kepada kepimpinan Tan Sri Muhyiddin di Johor. Semakin hari, kedudukan beliau semakin bertambah mantap. Sementara itu pengaruh penentangannya semakin berkurangan. Beliau telah berjaya mengembalikan semula kedudukan Johor sebagai 'Kubu Utama UMNO'. UMNO Johor di bawah pimpinan beliau berjaya mengumpul bilangan ahli yang paling ramai.

Sampai di sini kita baru sahaja menyentuh masalah-masalah yang menyelubungi, rintangan-rintangan yang dilalui dan beberapa kejayaan Tan Sri Muhyiddin mengatasi halangan-halangan tertentu, pada tahap-tahap awal beliau menjadi Menteri Besar. Ranjau dan onak yang ditempuhi menjadi sebahagian daripada proses mematang dan memantapkan daya kepininannya.

Apakah hasil seterusnya daripada proses melalui ranjau dan duri tersebut?. Sudah tentu kejayaan-kejayaan awal akan merintis jalan kepada kejayaan yang lebih besar selanjutnya. Prosesnya tidak akan terhenti begitu sahaja. Pemimpin berwibawa akan sentiasa mencipta kejayaan, sentiasa bergerak, tidak statik dan tidak berpuas hati dengan apa yang telah dicapai.

Untuk menilai ketokohan Tan Sri Muhyiddin, adalah tidak adil sekiranya kejayaan-kejayaan beliau yang lain sehingga kini, iaitu setelah tujuh tahun menjadi MB Johor tidak dipaparkan. Menyembunyikan kecemerlangan hasil kerja beliau sepanjang 'waktu pertengahan' dan 'penghujung' tempoh tersebut (tujuh tahun), bermakna kita menafikan hak tokoh ini untuk mendapat penilaian yang adil. Fakta, jika 'disorokkan' sudah tentu akan menghasilkan keputusan penilaian yang tidak tepat.

Krisis perlembagaan berhubung isu kekebalan raja-raja bukanlah krisis bertaraf negeri. Isu tersebut merupakan isu nasional. Tetapi bahangnya lebih kuat membara di Johor. Pindaan perlembagaan

berhubung kekebalan raja-raja mendapat tentangan paling kuat dari Istana Bukit Serene. Johor menjadi markas utama pihak raja-raja menentang cadangan pindaan tersebut. Keadaan ini mungkin disebabkan lagenda kehebatan dan 'gah' Istana itu, khasnya Sultan Iskandar sekarang dalam 'menundukkan' siapa sahaja yang tidak disenangi baginda.

Akhirnya, beliau berjaya juga mempengaruhi Sultan Johor yang 'digeruni' itu. Rancangan perhimpunan besar menentang pindaan perlembagaan tersebut dibatalkan. Sekiranya beliau tidak berjaya menghalang perhimpunan yang dirancangkan itu, kita percaya isu tersebut akan terus berpanjangan dan boleh merebak ke negeri-negeri lain. Akibatnya, boleh menggugat kestabilan negara.

Berikutan pembatalan perhimpunan tersebut, krisis perlembagaan yang berkaitan 'imuniti' raja-raja semakin reda. Penentangan, walaupun tidak terus terpadam, tetapi tidaklah sehebat sebelumnya. Keadaan menjadi lebih terkawal. Rentetan daripada isu berkenaan juga, beliau telah berjaya menamatkan permainan silap mata bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, yang menikam UMNO dan kerajaan dari belakang dengan didalangi oleh pihak istana.

Kejayaan-kejayaan beliau ini membolehkan kerajaan pusat malah rakyat seluruhnya menarik nafas lega. Implikasinya kepada Johor: negeri itu dapat menikmati suasana politik yang stabil. p73 Banyak tenaga dan usaha yang terbuang begitu sahaja selama ini, dapat ditumpukan pula kepada merencanakan semula pembangunan.

Perkembangan yang terbaru pula, kita telah dimaklumkan bahawa Tan Sri Muhyiddin juga telah berjaya dalam usahanya untuk membubarkan Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (TSN). TSN merupakan pasukan tentera khusus untuk berkhidmat kepada Sultan Johor, dan tidak terdapat di negeri-negeri lain. Pembubaran pasukan tersebut menjadikan hanya kementerian pertahanan sahaja yang mentadbirkan ehwal ketenteraan. Soal wujudnya 'tentera dalam tentera' tidak timbul lagi.

Dalam bidang ekonomi dan pembangunan Johor, sumbangan beliau amat ketara sekali. Semenjak menjadi pengerusi PKENJ,

perbadanan tersebut kini telah muncul sebagai sebuah perbadanan negeri yang termaju dan terkemuka di Malaysia. PKENJ mempunyai berbagai anak syarikat dan bergerak dalam berbagai bidang. Kegiatannya tidak terhad di negeri Johor sahaja, malah melangkaui ke lain-lain tempat di luar dari negeri itu.

Hospital Tawakkal di Kuala Lumpur umpamanya adalah anak syarikat perbadanan itu. Hospital pakar yang terkenal itu merupakan segelintir daripada beberapa kepelbagaian kegiatan yang diceburi. Kegiatan seperti ini menjadikan PKENJ satu-satunya perbadanan negeri yang pertama terlibat dalam perniagaan perubatan.

Terdapat cadangan supaya anak-anak syarikat PKENJ dijual kepada individu-individu Melayu dalam usaha untuk melahirkan masyarakat peniaga dan pengusaha bumiputera. Cara begini memang biasa dilakukan di neger-negeri lain. Tan Sri Muhyiddin tidak bersetuju dengan cara ini. Bukanlah beliau berhasrat untuk menghalang usaha-usaha memajukan bumiputera. Pada beliau itu bukan caranya. Beliau lebih suka memilih alternatif lain untuk tujuan tersebut.

Menurut fahaman beliau, jika pendekatan sedemikian dilaksanakan, hanya segelintir sahaja akan mendapat manfaat. Lantaran itu, beliau mengambil keputusan bijak menubuhkan Amanah Saham Johor (ASJ) di bawah kendalian Pelaburan Johor Berhad. Melalui cara ini, segala khazanah yang ada di bawah PKENJ akan menjadi milik pemegang-pemegang unit tabung amanah itu. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 130,000 pemegang unit ASJ, 95 peratus daripadanya adalah rakyat Johor.

Kesemua pemegang unit ASJ adalah orang Melayu. Melaluinya lebih ramai dan lebih menyeluruh orang Melayu mendapat faedah dari kegiatan-kegiatan PKENJ. Malah, boleh dikatakan sebahagian besar orang Melayu memang mengetahui kewujudan dan kemajuan ASJ. Saham tabung amanah ini juga tidak terhad kepada orang Johor sahaja. Berdasarkan pembayaran dividen pertama kalinya dahulu dan unjuran keuntungan masa hadapan, ramai meramalkan ASJ akan dapat menyaingi ASN dan ASB.

Sehubungan dengan itu juga, setiap pembangunan yang

dilaksanakan oleh kerajaan negeri akhirnya akan dipindahkan kepada Pelaburan Johor Berhad. Oleh demikian segala faedahnya dapat dinikmati oleh pemegang-pemegang unit ASJ.

Seterusnya, PKENJ juga terlibat dalam rogram-program khusus untuk melahirkan masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera. Semasa mula mengambil alih PKENJ, beliau mendapati ratusan kepakaran di perbadanan itu. Tenaga kepakaran ini tidak digunakan p73 sepenuhnya. Lantas beliau membuat keputusan yang agak kontroversi, menyebarkan kepakaran tersebut keluar daripada sempadan perbadanan. Beliau berpendapat tenaga kepakaran seperti itu akan membazir jika disimpan untuk PKENJ sahaja. Kepakaran tersebut mesti disebarluaskan kepada orang-orang Melayu.

Bertolak dari situ PKENJ terlibat pula dalam bidang latihan. Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) dan Bistari (kelab bisnes dan industri) pun ditubuhkan. IPPJ bertujuan membina kepakaran dan keusahawanan di kalangan usahawan bumiputera yang baru atau sedia ada. Jumlah pengusaha bumiputera yang mendapat faedah daripadanya sungguh besar, melalui kursus-kursus seperti pengurusan syarikat, motivasi, kursus tentang saham dan sebagainya lagi. Pada tahun 1990 badan itu menerima Hadiah Quality (Q) kerana kecemerlangan pengurusannya.

Sementara itu, Bistari pula menganjurkan dialog, perbincangan, ceramah, majlis-majlis forum oleh tokoh-tokoh korporat ternama dari masa ke semasa. Melalui program terus menerus ini, usahawan Melayu sentiasa didedahkan dengan maklumat dan pengetahuan terkini dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Tan Sri Muhyiddin telah berjaya membawa pembangunan yang pesat ke negeri Johor. Kebolehan yang luar biasa meneraju Johor untuk muncul sebagai negeri yang paling maju dan hampir menyaingi Lembah Kelang menyebabkan sesetengah pihak memberi gelaran sebagai 'teknokrat Johor' kepada beliau.

Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim sendiri ketika mengakui kepesatan pembangunan negeri itu di bawah Tan Sri Muhyiddin pernah memberikan pujian seperti berikut:

“Johor adalah negeri paling maju dan orang luar boleh datang ke negeri ini dengan perasaan bangga. Orang Melayu juga mendapat pembelaan melalui Amanah Saham Johor yang dibuat oleh Muhyiddin.”

Matlamat Johor ialah untuk mencapai taraf negeri maju pada tahun 2005. Menurut Tan Sri Muhyiddin, penetapan tahun tersebut bukanlah untuk mengadakan dua wawasan. Sebenarnya matlamat itu telah pun ditetapkan sebelum Perdana Menteri mengumumkan wawasan 2020. Perdana Menteri sendiri pun pernah menerangkan, dalam mencapai matlamat wawasan 2020, ada negeri-negeri yang akan mencapai taraf maju lebih awal lagi. Salah satu daripadanya ialah Johor.

Penetapan tahun 2005 sebagai matlamat kepada Pelan Induk program ekonomi Johor yang tersendiri itu dirangka berasaskan satu kajian oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Kajian tersebut menjangka Johor akan mendapat pelaburan berjumlah RM 3.8 bilion pada tahun 1993 dan pendapatan perkapita serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan meningkat dua kali ganda.

Berasaskan pencapaian sebenar yang cemerlang dan melebihi jangkauan tersebut, hasrat untuk mencapai matlamat sebagaimana ditetapkan itu bukanlah mustahil lagi. Jumlah pelaburan telah mencapai hingga RM 12 bilion, berkali ganda melebihi daripada unjuran asal.

Kepesatan pembangunan Johor juga menjadikan Singapura merasa bimbang. Johor dilihat oleh republik itu sebagai satu saingannya yang baru. Walaupun mungkin sukar untuk mengatasi republik tersebut, namun bukanlah mustahil Johor akan muncul mencapai taraf yang sama dengan Singapura. Kemungkinan itu tetap ada disebabkan kemajuan Singapura telah mencapai had optima. Singapura tidak p73 berupaya lagi menampung industri berorientasikan ruangan yang luas. Kesempatan ini diambil oleh Johor. Kemasukan industri kini mencurah-curah. Taraf hidup yang lebih rendah berbanding negara jiran tersebut juga merupakan satu kelebihan kepada negeri itu.

Kecemburuan Singapura dengan kebangkitan Johor yang pantas boleh diperjelaskan lagi dengan projek pembangunan semula Wood-

land secara besar-besaran. Kedudukan Woodland yang berhadapan dengan Johor itu dikira sebagai amat strategik untuk menghalang pengaliran keluar sejumlah besar kekayaan Singapura ke Johor.

Singapura juga terpaksa mengemukakan konsep pembangunan wilayah yang dinamakan Nusa Tiga. Konsep ini merupakan salah satu strategi Singapura untuk terus '*survive*' di rantau ini. Melalui konsep tersebut, bekalan sumber kepadanya tidak terputus, pasaran hasil keluaran lebih bebas memasuki negara jiran dan pembesaran industrinya dapat berjalan terus. Peluangnya untuk menggunakan segala kelebihan sumber, tenaga buruh dan pasaran terutama di Malaysia dan Indonesia tidak akan tersekat. Johor dan Batam pada perkiraannya boleh dijadikan batu loncatan.

Sebaliknya, Johor juga perlu mengambil kesempatan. Masanya sudah tiba untuk negeri itu menampung berbagai limpahan daripada kecanggihan Singapura. Tidak mustahil Johor boleh mengatasi, atau sekurang-kurangnya menyamai negara bandar raya itu untuk jangka panjang. Banyak kelebihan ada pada Johor. Tinggal lagi cara menanganinya. Bijak pemimpin Johor mengemudi, banyaklah faedah didapati. Jika tidak, Johor akan terus menerus menjadi alat kepada 'negara naga baru' itu.

Konsep pembangunan segi tiga yang melibatkan Singapura, Johor dan Kepulauan Batam di Indonesia itu boleh dipergunakan sepenuhnya bagi menambahkan lagi kerancakan peluang pertumbuhan ekonomi negeri Johor. Kerajaan pusat telah memberi kepercayaan kepada Tan Sri Muhyiddin untuk mengepalai penyertaan Malaysia dalam konsep pembangunan wilayah tersebut. Kepercayaan itu sungguh bermakna buat beliau. Melalui kepercayaan Perdana Menteri, beliau dapat membuat keputusan sendiri dengan lebih cepat tanpa perlu merujuk kepada Kuala Lumpur terlebih dahulu.

Sudah tentu kepercayaan yang diberikan itu merupakan pengiktirafan besar terhadap kebolehan serta kebertanggungjawaban beliau mengendalikan masalah-masalah penting. Sungguhpun Nusa Tiga banyak melibatkan Johor, tetapi projek itu dikategorikan 'bertaraf negara'. Peri pentingnya projek itu disebabkan bukan sahaja ia mem-

beri kesan serta faedah kepada Johor, tetapi melibatkan dasar-dasar dan kepentingan negara keseluruhannya. Ini memandangkan negara-negara luar yang terlibat sama. Hal ini jelas membayangkan kerajaan pusat yakin dengan kemampuan Tan Sri Muhyiddin dalam melaksanakan kehendak-kehendak negara.

Projek laluan kedua, menghubungkan Johor dan Singapura merupakan satu lagi projek pembangunan raksasa diusahakan oleh Tan Sri Muhyiddin. Ia akan menjadi prasarana utama kepada Johor, sebagai persediaan menghadapi kepesatan pertumbuhan ekonomi yang berlipat ganda, apabila projek Nusa Tiga berjalan sepenuhnya. Selain daripada itu, projek ini juga berjaya meransang pembangunan di kawasan-kawasan yang selama ini agak ketinggalan, khususnya di sekitar Gelang Patah.

Tan Sri Muhyiddin bertekad untuk menjadikan Johor sebagai 'the Southern Growth Pole' atau paksi pertumbuhan utama di selatan semenanjung. Sementara itu Johor Bahru pula akan dijadikan kota 'Syurga Membeli Belah'. Untuk mencapai hasrat tersebut, projek Kota Terapung dan kompleks-kompleks perdagangan sedang dibina dengan pesatnya.

Selain bergerak pantas membangunkan perindustrian dan perdagangan, Menteri Besar ini tetap tidak lupa kepada sektor pertanian. Kerajaan negeri di bawah pimpinan beliau turut memberikan perhatian utama pada sektor ini. Hasil daripada tumpuan usaha pembangunan di sektor ini, menjadikan Johor antara pengeluar bahan makanan terbesar di negara kita. Program khas yang dilancarkan empat tahun lalu dengan penanaman buah-buahan seluas 8,000 hektar akan mengeluarkan hasilnya tidak lama lagi. Johor pasti akan muncul sebagai pengeluar utama buah-buahan sedikit masa nanti.

Negeri Johor juga kini sedang menuju ke arah menjadi negeri pengeluar utama buah durian. Tidak ketinggalan, ladang-ladang sayur secara komersial juga dibangunkan. Kita telah sedia maklum bahawa negeri itu juga menjadi pengeluar utama nenas, selain lada hitam, getah dan kelapa sawit. Hal ini membuktikan bahawa sektor pertanian tetap berkembang seiring dengan kepesatan perindustrian. Kemajuan

Johor dalam beberapa sektor pertanian seperti sayuran dan buah-buahan kadang-kadang mengatasi negeri-negeri pengeluar tradisi bahan-bahan tersebut.

Sungguhpun giat mengejar pembangunan dan kemajuan perindustrian untuk mencapai taraf negeri maju, Tan Sri Muhyiddin tetap tidak melupakan nasib orang-orang Melayu. Beliau sedar, sebagai seorang Melayu, bergerak pula dalam parti berasaskan perjuangan dan mempertahankan hak-hak Melayu, segala sesuatu yang dilakukan mestilah mengambil kira kepentingan bangsa. Tiada gunanya bermegah dengan kemajuan yang dicapai jika nasib bangsa sendiri lemas dan tenggelam dalam arus pembangunan.

Oleh yang demikian, beliau telah menetapkan satu dasar yang tegas. Semua projek pembangunan di negeri itu, terutama projek penswastan hanya diperuntukkan kepada orang Melayu atau yang ada penyertaan Melayu. Beliau sentiasa bekerjasama rapat dengan Dewan Perniagaan Melayu Johor. Banyak cadangan dan bantuan telah disumbangkan kepada badan itu seperti mencadangkan usahasama dengan rakan kongsi Melayu dari negeri-negeri lain jika timbul masalah kekurangan modal. Keuntungan diperolehi walaupun tidak sepenuhnya kepada anak Johor, masih tetap masuk kantung orang Melayu. Begitulah keprihatinan Tan Sri Muhyiddin dengan kemajuan bangsa, melangkaui sempadan negeri.

Baru-baru ini pula Tan Sri Muhyiddin telah memanggil semua tokoh badan profesional Melayu di Johor seperti syarikat guaman, akauntan, arkitek, jurukur bahan dan sebagainya. Beliau memaklumkan kepada mereka bahawa projek pembangunan kerajaan negeri sangat banyak pada masa ini. Oleh itu beliau mencadangkan penubuhan Johor Corporation Berhad, menggabungkan syarikat-syarikat yang mereka wakili.

Badan berupa sebuah konsortium ini boleh bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri atau terus dengan kerajaan negeri sendiri untuk mendapat peluang-peluang yang akan diagihkan. Cara ini menurutnya membolehkan mereka mengambil bahagian dalam projek yang bernilai berbilion ringgit. Tanpa melakukan sedemikian, sudah

tentu secara sendirian orang Melayu tidak akan mampu melak ukannya.

Projek Laluan Kedua dan Kota Terapung, bernilai berbilion ringgit serta memakan masa 20 hingga 25 tahun itu merupakan peluang besar yang perlu direbut oleh bumiputera. Beliau telah menetapkan syarat bahawa kerja-kerja kontrak dan perbekalan untuk projek gergasi tersebut mestilah diutamakan kepada bumiputera.

Sesetengah pihak merasa bimbang dengan kepesatan arus pembangunan di Johor sekarang. Mereka khuatir orang Melayu akan terus tertinggal di belakang kerana tidak berkeupayaan mengejanya. Mengulas mengenai kebimbangan tersebut, beliau menegaskan bahawa arus pembangunan mesti terus berjalan dan tidak boleh disekat semata-mata untuk memberi kesempatan kepada orang Melayu bersedia terlebih dahulu.

Menurut beliau, orang Melayu mesti berlari bersama dan menikmati bahagian mereka dari kek ekonomi yang berkembang. Mereka mesti berusaha, sementara kerajaan di bawah pimpinannya akan terus memberikan bantuan dan sokongan. Semakin berkembang ekonomi, semakin banyak peluang yang dapat diwujudkan untuk orang Melayu. Beliau sendiri akan memastikan hal ini terlaksana. Baginya proses ini mesti berterusan, tiada jalan pusing ke belakang.

Proses pembangunan yang dilaksanakan oleh Tan Sri Muhyiddin adalah menyeluruh. Sebagaimana telah dinyatakan, sementara pembangunan industri berjalan lancar, pertanian sentiasa mendapat galakan, kepentingan bumiputera tetap dibela dan dipertahankan, maka golongan rakyat yang kurang bemasib baik juga tidak dilupakan. Semuanya diambil kira dan diberi perhatian berat oleh Menteri Besar ini.

Sebagai contoh, Yayasan Bagi Golongan Kurang Bemasib Baik telah siap dirangka. Yayasan ini akan dilancarkan sempena peristiharan Johor Bahru sebagai bandar raya. Sebenarnya Johor Bahru sudah pun bertaraf bandar raya. Cuma kenaikan taraf secara rasmi sahaja belum dibuat. Yayasan ini berfungsi memberi bantuan dalam bentuk kesihatan, pendidikan anak-anak seperti kelas bimbingan dan kegiatan menambah pendapatan.

Sasaran badan ini ialah penduduk setinggan, orang-orang yang berpendapatan rendah dan mereka-mereka yang agak lembab merebut peluang-peluang pemiagaan. Sebahagian besarnya tentulah juga orang Melayu. Kegiatan ekonomi yang boleh dilaksanakan oleh warga bandar raya tidak bekerja akan diadakan. Yayasan akan membantu isteri atau anak yang tidak bekerja menjalankan projek ekonomi seperti kraftangan, industri kecil dan sebagainya. Cara ini boleh meningkatkan pendapatan mereka. Begitu juga untuk orang yang cacat anggota. Konsep yang sama akan diadakan.

Kita dapati fikiran Menteri Besar ini sungguh tajam. Pandangannya sentiasa jauh ke hadapan. Ada-ada saja idea yang diketengahkan. Beliau boleh menyelami sesuatu persoalan secara mendalam. Bukan itu saja, malah berjaya pula mencari jalan penyelesaian. Memang beliau seorang yang kreatif dan inovatif.

Satu lagi contoh kecanggihan fikirannya. Kini, dihalakan pula kepada pembangunan Islam melalui sumber sedia ada. Beliau mendapati banyak sumber yang ada pada orang Islam. Input yang berpotensi besar itu selama ini hanya terpendam. Terbiar dan tidak dihiraukan. Sedangkan sumber-sumber tersebut amat berpotensi untuk mengembangkan ekonomi dan syiar Islam. Sesuatu harus dilakukan supaya harta terbiar itu boleh dimenafaat dan digunakan untuk membangun dan membina kekuatan baru umat Islam.

Hasilnya, beliau telah melancarkan Saham Wakaf. Johor negeri pertama melaksanakan program seumpama itu. Melalui Saham Wakaf ini segala derma, sumbangan dan harta umat Islam yang diwakafkan, dikumpul dan disatukan. Harta-harta ini pula akan dilaburkan atau pun dimajukan untuk mendapat keuntungan. Keuntungan yang diperolehi tersebut digunakan untuk membiayai projek-projek ekonomi, kebajikan serta kegiatan meninggikan syiar Islam. Penggembelangan sumber sebegini boleh meningkatkan lagi mertabat umat Islam, terutamanya di negeri Johor sendiri.

Kepekaan kepada perkembangan Islam dan umatnya bukanlah sesuatu yang asing bagi Tan Sri Muhyiddin. Jiwa Islam yang tertanam sejak kecil masih menebal dalam dirinya. Beliau mahu nilai-nilai

akhlak yang mulia dipertahankan dalam menghadapi arus kemajuan. Justeru itu beliau amat menekankan soal pendidikan, terutama pendidikan agama.

Bantuan kepada sekolah-sekolah agama sentiasa dipertingkatkan. Kekurangan seperti guru-guru, infrastruktur dan lain-lain kemudahan sebahagian besar telah diatasinya. Sistem persekolahan agama petang yang telah berjalan sekian lama tetap dipertahankan. Malah kaedah ini terus diperluas dan mutunya dipertingkatkan oleh beliau. Sistem seumpama itu mendapat perhatian negeri-negeri lain. Contohnya, kerajaan Terengganu telah meniru model tersebut untuk dilaksanakan dinegeri itu.

Sungguh besar sumbangan Tan Sri Muhyiddin kepada kemajuan Johor. Tidak dapat hendak diperincikan semuanya pada halaman terbatas ini. Hanya sekadar memaparkan segelintir yang besar-besar sahaja, secara kasar dan sepintas lalu. Sesungguhnya beliau seorang pemimpin yang sentiasa bertindak sebagai pencetus ide, penggerak dan pelaksana.

Walaupun banyak pujian diterima kerana kejayaannya, beliau tetap tidak berbangga diri. Menjadi bongkak jauh sekali. Prinsip beliau jelas. Kejayaan tidak perlu dicanangkan. Orang boleh melihat dan menilai sendiri sebarang kebaikan dan keburukan yang dilakukan. Secara diam-diam, dan sememangnya beliau seorang pendiam, Tan Sri Muhyiddin terus kuat bekerja untuk menunaikan amanah bangsa.

Komitmen beliau pada kerja kadang-kadang menjemukan ahli-ahli politik dibawahnya. Keadaan ini timbul disebabkan beliau tidak menghiraukan sangat karier politik. Beliau berpendapat karier politik dapat dipertahankan seandainya penghasilan kerja memberikan menafaat kepada rakyat. Tanpa sebarang jasa dipersembahkan, karier politik akan malap dengan sendiri.

Sebagai usaha menyelami masalah rakyat dengan lebih dekat dan cepat, beliau mempunyai 'mekanisme' yang tersediri. Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MBBR) begitu berkesan sekali. Program MBBR ini dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Gerakan Kesedaran. Melalui program ini, Menteri Besar, EXCO dan

Ketua-ketua Jabatan akan turun beramai-ramai menemui rakyat di satu-satu tempat secara bergilir-gilir, di seluruh negeri.

Cara ini membolehkan kerajaan negeri mendapat maklumbalas segera dan bersih daripada sebarang tapisan. Maklum balas ini sangat berguna dalam memutuskan sebarang tindakan segera. Maklumat yang diperolehi juga amat penting untuk merangka segala strategi dan dasar pembangunan demi faedah rakyat. Program yang p73 berjalan tanpa jemu ini menimbulkan beberapa rungutan daripada ahli 'team' MBBR. Seorang bekas EXCO pernah mengakui beliau tidak mampu mengekori Menteri Besar membuat lawatan pembangunan ke daerah-daerah.

Menyentuh mengenai pengendalian pentadbiran negeri, ketegasan Tan Sri Muhyiddin tidak ada tolak ansur. Setiap dasar dan perancangan yang telah diatur mesti dilaksanakan. Sebab itulah proses pembangunan dan industrialisasi di negeri itu berjalan dengan pesat serta lancar.

Namun begitu, beliau juga mengamalkan dasar pentadbiran terbuka. Perkara-perkara dasar sahaja tidak boleh dikompromikan. Soal-soal pelaksanaan dan pengisian dasar-dasar itu masih boleh dirundingkan. Memang beliau seorang yang mengamalkan minda terbuka. Sebarang kritikan dan cadangan boleh dikemukakan kepada beliau. Perkara utama, kritikan dan cadangan mestilah rasional dan berasas. Setiap cadangan yang ditolak oleh beliau, akan dijelaskan apa kelemahan agar pihak berkenaan dapat memperbaikinya untuk dikemukakan semula.

Pemimpin dari selatan ini memang mengkagumkan. Setiap tindak-tanduknya sentiasa diperhatikan. Nama beliau harum dek kecemerlangan yang ditunjukkan dalam berbagai bidang. Jasanya boleh 'dirasai' bukan sahaja setakat Johor, malah ke seluruh negara. Keberkesanan kepimpinan beliau mula mendapat perhatian. Oleh itu tidak hairanlah jika nama beliau sering dikaitkan sebagai salah seorang bakal mengisi pasukan pimpinan atasan masa depan. Pasukan yang mantap, mampan dan bersefahaman.

Kita memerlukan satu pasukan pemimpin yang berkesan.

Pasukan kepimpinan berkesan tidak boleh dilahirkan seandainya pemimpin-pemimpin yang ada masing-masing mementingkan diri sendiri. Mereka hendaklah boleh bekerja seiringan dan sehaluan untuk mencapai wawasan dan aspirasi rakyat.

Angin perubahan yang melanda UMNO sekarang jelas inginkan perubahan. Barisan kepimpinan baru yang dinamik, mantap lagi berketrampilan semakin diberi kepercayaan. Tan Sri Muhyiddin adalah salah seorang tokoh dalam barisan tersebut. Barisan kepimpinan baru perlu bagi meneruskan kesinambungan perjuangan parti untuk menghadapi cabaran hebat pada masa depan.

Tan Sri Muhyiddin, salah seorang barisan kepimpinan baru, lebih menekankan kepimpinan ekonomi tanpa mengabaikan kepimpinan politik. Penekanannya kepada kepimpinan ekonomi boleh digambarkan melalui ucapan beliau dalam satu perjumpaan dengan ahli-ahli Umno di Johor baru-baru ini. Menurut beliau, "kita perlukan kepimpinan yang ada wawasan ekonomi kerana pergolakan di peringkat antarabangsa dan rantau sebelah sini pada masa akan datang lebih menjurus kepada soal yang ada kaitan dengan ekonomi."

Berbalik pula kepada soal memilih pemimpin. Dalam menilai dan memilih pemimpin, kita mestilah bertindak secara bijaksana. Menjadi kewajipan kepada kita meletakkan tokoh-tokoh yang boleh membimbing parti dan negara menangani cabaran abad-abad mendatang. Ahli-ahli UMNO hendaklah boleh mengenal pasti pemimpin-pemimpin yang bukan sahaja boleh melihat ke dalam, malah ke luar iaitu ke peringkat antarabangsa.

Pemimpin-pemimpin yang boleh menilai senario dari sudut lebih luas, melewati perbatasan rantau, punya minda terbuka, kritis, positif dan bersedia mengalami perubahan amat diperlukan p73 oleh UMNO. Malangnya, pemimpin seperti ini hanya segelintir sahaja yang boleh didapati. Ketua Perhubungan UMNO Johor inilah salah seorang daripadanya. Ahli-ahli UMNO mesti ingat, pemimpin atasan UMNO adalah juga pemimpin atasan negara. Bukan hanya memimpin sebuah parti yang bernama UMNO semata-mata.

Apakah ahli-ahli UMNO ingin membiarkan cahaya yang sedang

menyinar itu tenggelam begitu sahaja? Memilih tokoh terbaik menduduki barisan pucuk pimpinan bermakna kita telah memberikan kemenangan kepada parti kita. Jika pilihan sebaliknya dibuat bererti perwakilan telah bersama-sama menewas dan memusnahkan UMNO.

Kita percaya percubaan kali kedua Tan Sri Muhyiddin untuk kerusi Naib Presiden kali ini tidak akan sia-sia. Kita percaya dan yakin sudah tibalah giliran beliau berada di tempat sewajarnya. Kecemerlangan beliau sudah terbukti. Kewibawaan juga sudah teruji. Waraskah kita jika pemimpin sebegini diketepikan?

Segalanya terserah kepada kematangan pertimbangan perwakilan. Mereka sudah tentu dapat mengenal mana intan, mana kaca. Tepuk dada tanya selera.

Tan Sri Abd. Rahim Tamby Chik

U sia baru 28 tahun sudah bergelar Yang Berhormat. Umur semuda itu, sesetengah orang baru hendak mula berjinak-jinak dengan politik. Masih teraba-raba mencari tapak di peringkat bahagian. Hatta, serendah peringkat cawangan. Ada yang berjaya, semakin naik. Selebihnya, sampai pertengahan jalan sahaja. Naik tidak, turun pun bukan. Terawang-awang. Mana-mana yang lebih malang, terus tenggelam. Jauh sekali untuk merasa menjadi wakil rakyat. Tambahan lagi Ahli Parlimen.

Semestinya terdapat keistimewaan pada anak muda bernama Rahim ini. Ada kekuatan, kewibawaan serta ketokohan pada dirinya yang boleh diketengahkan. Tambahan pula berlatar belakangkan keluarga berkedudukan. Soal penonjolan tentulah tidak bermasalah

lagi. Tinggal lagi, sejauh mana perjalanan dapat diteruskan. Setakat mana cabaran-cabaran dan dugaan mendatang dapat diatasi. Sekuat mana ketahanan diri boleh dibukti.

Sehingga kini nampaknya semacam tiada sesuatu pun yang berjaya menyekat kemaraan beliau. Segala onak dan duri telah berjaya dilalui. Jalan naik ke puncak bagaikan terbentang menanti. Kelihatan seperti akar menolak ke atas, pucuk menggamit supaya di hampiri. Begitulah perbandingan yang boleh dibuat berpandukan kedudukan beliau hingga hari ini.

Rahim bin Tamby Chik, kini sudah bergelar Tan Sri. Beliau dilahirkan pada 10 hb. April 1950. Bapanya, Datuk Tamby Chik bin Karim juga seorang ahli politik. Pernah memegang jawatan EXCO semasa Encik Abdul Ghafar Baba menjadi Ketua Menteri Melaka. Tidak hairanlah jika anak kelima daripada enam orang adik beradik ini bergiat dalam politik, seperti bapanya. Kata orang, bapa borek anak rintik. Darah perjuangan politik dalam diri bapa ini mengalir pula kepada anaknya.

Sebagaimana kanak-kanak lain juga, Rahim diberi pelajaran yang sempurna oleh bapanya. Alam persekolahan beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Balak, Mesjid Tanah. Beliau termasuk dalam golongan murid yang cerdik dan pintar di sekolah. Sungguhpun datang daripada keluarga berada, namun beliau tetap belajar dengan tekun. Sifatnya memang tidak suka membuang masa dan membuat kerja sambil lewa.

Selepas menamatkan sekolah rendah, meneruskan pula pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Ghafar Baba. Tumpuan kepada pelajaran tidak pernah pudar. Kesungguhan belajar tidak berkurangan. Hasilnya tidaklah mengecewakan. Beliau merupakan salah seorang murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Bakat beliau dalam kepimpinan mula terserlah pada peringkat sekolah menengah lagi. Beliau pernah dilantik menjadi pengawas dan seterusnya pula menjadi Ketua Murid di sekolah itu.

Keputusan peperiksaan yang cemerlang membolehkan beliau

terpilih untuk meneruskan pengajian ke peringkat pra universiti di Sekolah Menengah Dato' Amar Di Raja, Muar. Selanjutnya, Rahim memasuki Universiti Malaya, mengambil bidang (ekonomi gunaan.)

Sebaik sahaja menamatkan pengajian di Universiti Malaya dengan mendapat ijazah Sarjana Muda (Ekonomi Gunaan), beliau ditawarkan berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Tugas beliau di PKNM ialah sebagai Pegawai Pembangunan. Banyak pengalaman serta pengetahuan berkaitan ekonomi dan pembangunan diperolehi semasa berkhidmat di situ. Keadaan ini menambahkan lagi kefahamannya mengenai permasalahan perekonomian negeri.

Segala kelemahan dan kepincangan ekonomi negeri sentiasa diperhatikan. Suasana ekonomi Melaka yang muram memang menyedihkannya. Beliau bertekad untuk melakukan sesuatu demi kemajuan negeri Melaka. Namun begitu, beliau menyedari "siapa beliau" sebenarnya. Tidak banyak yang dapat dilakukan untuk memperbaiki keadaan. Kedudukan seperti itu tidak memungkinkan beliau memberikan sumbangan yang berkesan dan bermakna.

Berbagai pertanyaan selalu bermain di kepalanya. Mengapa negeri Melaka yang suatu ketika dahulu begitu cemerlang, kini menjadi muram. Apa salah dan di manakah silapnya. Mungkinkah kerana tiada Hang Tuah, kegemilangan Melaka berkubur sama. Sedangkan Melaka bukan milik Hang Tuah seorang. Perlukah muncul seorang lagi Hang Tuah barulah Melaka dapat dibangunkan. Jika Hang Tuah masih hidup, tentulah dia bersedih melihat nasib Melaka sekarang. Kenapa anak cucu beliau tidak berusaha mengembalikan semula keagungan Melaka sebagaimana yang telah dicipta pada zamannya dahulu.

Keazaman Tan Sri Rahim semakin membara. Mungkin saki baki semangat Hang Tuah masih lagi mengalir dalam tubuhnya. Semangat pahlawan legenda yang terkenal kental, penggerak kemajuan Melaka di zaman silam.

Bagaimana keazaman itu dapat lakukan. Keazaman sahaja tanpa berbuat apa-apa tidak akan bermakna. Hendak melakukan

sesuatu supaya berkesan mestilah ada cara. Ada cara sahaja tanpa saluran juga tidak akan ke mana. Mesti ada cara, ada saluran untuk dilakukan, diikuti dengan tindakan. Berbagai pilihan saluran difikirkan. Akhirnya bidang politik juga menjadi pilihan. Politik sahaja nampaknya boleh menjadi saluran paling berkesan.

Politik adalah kuasa. Tanpa kuasa tidak banyak dapat dilakukan, walau sebanyak dan sebaik mana sekalipun idea yang ada. Lalu beliau mengambil keputusan untuk menceburi bidang ini. Mungkin juga darah politik bapa beliau telah mengalir turun ke dalam dirinya, menyebabkan tiada jalan lain temampak olehnya.

Bukanlah hasratnya untuk menjadi pemimpin semata-mata. Pada beliau, sebagai ahli biasa pun boleh juga memberi sumbangan bermakna. Apa yang penting, wadah untuk digunakan sebagai saluran memberi sumbangan itu mestilah berkesan. Wadah berkesan ialah wadah yang berkuasa menyampai dan melaksanakan segala rancangan.

Bertolak dari keputusan tersebutlah, beliau mula berjinak-jinak dengan politik. Sebenarnya sudah banyak pendedahan yang telah diterima oleh beliau dalam bidang ini sebelum itu. Sebagai anak kepada seorang ahli politik, persekitaran yang dilalui sejak kecil memberikan serba sedikit sumbangan kepada dirinya di bidang ini. Oleh itu pilihan yang dibuat bukanlah suatu perkara asing bagi diri Tan Sri Rahim. Mungkin keputusan seperti itu memang selama ini diharap-harapkan juga oleh bapanya.

Sebagai seorang ahli politik, sudah tentu seorang bapa mengharapkan ada di antara anak-anak menurut jejak langkahnya. Mungkin Tamby Chik sendiri pun tidak menjangka bahawa anaknya itu boleh pergi sebegitu jauh dalam politik. Jauh mengatasi pencapaian beliau sendiri sepanjang melibatkan diri dalam politik kepartian, khususnya UMNO.

Umur Tan Sri Rahim, Ketua Menteri Melaka sekarang, baru 43 tahun. Sudah 10 tahun beliau menjawat jawatan tersebut. Bermakna, semasa berumur 33 tahun telah mula menjadi ketua pentadbir bagi sebuah negeri. Mestilah ada kelebihan tertentu pada batang tubuh anak muda ini. Kalau tidak, tak kan umur muda itu sudah diberi

kepercayaan untuk mengetuai sebuah negeri. Kebanyakan ahli politik lain, umur semuda itu baru mendapat gelaran Yang Berhormat.

Sungguhpun ketika semuda itu sudah menjawat jawatan Ketua Menteri, tidaklah bermakna penglibatannya dalam politik baru juga. Sebenarnya beliau sudah menceburi politik, lama sebelum itu. Sejarah penglibatan beliau dalam politik bermula dari pergerakan pemuda lagi. Jawatannya dalam pergerakan pemuda bermula sebagai Ketua Pemuda UMNO Kota Melaka. Pada masa yang sama juga, beliau menjadi Bendahari UMNO Bahagian tersebut.

Di peringkat kebangsaan, beliau pernah memegang jawatan EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, iaitu pada tahun 1976. Pada tahun 1978, beliau dilantik menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri Melaka. Ketika itu masih lagi memegang jawatan EXCO Pemuda. Tahun itulah juga beliau telah terpilih menjadi calon Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Alor Gajah. Sebagaimana diduga, beliau beroleh kemenangan pada pilihan raya itu.

Bermulalah kehidupan beliau sebagai Ahli Yang Berhormat. Sejak tarikh tersebut, bintangnya dalam politik terus bersinar. Beliau terus naik, hinggalah mencapai tangga yang diduduki sekarang. Selain itu, dalam parti beliau adalah Ketua Perhubungan UMNO Negeri dan juga salah seorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT). Bukan setakat itu sahaja. Kini, nampaknya beliau telah mengorak langkah dan bersedia untuk memanjat tangga yang lebih tinggi dalam carta jawatan parti.

Sebaik sahaja memenangi kerusi Parlimen Alor Gajah, beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama. Selepas itu dipindahkan pula ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Semuanya berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan. Sudah tentu menambahkan lagi pendedahan dan pengalaman beliau di bidang ini.

Berdasarkan kementerian-kementerian yang beliau ditempatkan bertugas itu, kita boleh membuat satu telahan. Mungkin perancangan telah siap diatur oleh pucuk pimpinan parti ketika itu, untuk 'mempersiapkan secukupnya' beliau di bidang ini. Misi besar

menunggu yang akan diserahkan kepada beliau nanti. Beliau 'diprogramkan' untuk memulihkan ekonomi Melaka. Jikalau betul begitu, perancangan tersebut memang menepati sasaran.

Bagaimanapun itu hanyalah andaian semata-mata. Betul atau salah, tiada siapa yang tahu. Melainkan terdapat pengesahan mengenainya daripada sumber-sumber layak dipercayai atau pihak yang mempunyai 'authority'. Meski apa pun keputusan andaian tersebut, tidaklah menjadi persoalan besar. Apa yang pasti dan memang diakui, Melaka mengalami banyak perubahan di bawah Tan Sri A.Rahim. Negeri itu sedang membangun dengan pesat. Kegiatan ekonomi semakin rancak. Pembangunan industri kian hebat.

Tan Sri Rahim berjaya menggerakkan Melaka yang sedang tidur dan hanyut dibuai dondang sayang sejak sekian lama untuk bangkit semula. Kebangkitannya begitu cepat, bagaikan ingin menebus kembali 'tunggakan' masa yang terbuang selama ini. Kelihatan seperti ingin menimbusi semula segala lompong yang wujud sejak zaman kejatuhan kesultanan Melaka, membawalah kepada tahun-tahun sebelum beliau memegang tampuk pemerintahan negeri. Melaka berlari kencang untuk membina kembali kegemilangan zaman silam. Zaman keagungan yang telah lama tenggelam.

Berbalik kepada zaman sebelum dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka. Selepas didedahkan dalam dua kementerian yang berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan, beliau ditugaskan pula di bidang keselamatan. Pangkatnya dinaikkan, menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, pada tahun 1981. Kementerian ini di ketuai oleh Perdana Menteri, Dr Mahathir sendiri. Perlantikan ini membuatkan kita percaya bahawa beliau seorang yang boleh diharap dan dipercayai untuk menjalankan amanah pucuk pimpinan. Dalam hal ini ialah Perdana Menteri sendiri. Orang yang tidak mendapat sepenuh kepercayaan Perdana Menteri tentu tidak ditempatkan di kementerian sepenting ini.

Perdana Menteri tidak dapat menumpukan sepenuhnya kepada kementerian ini. Dengan itu, kerana kesibukan tugas beliau, PM selaku Menteri Dalam Negeri selalu menyerahkan tugas-tugas di

kementerian tersebut kepada Timbalannya sahaja. Oleh sebab itu jika seseorang yang dilantik menjadi timbalannya dan boleh dikatakan menjalankan hampir kesemua tugas di kementerian itu merupakan seorang yang tidak amanah, tidak berkebolehan serta berbagai kelemahan lagi, tentulah akan menjatuhkan maruah PM sebagai menteri di situ. Seteusnya maruah, mertabat serta kewibawaan beliau sebagai Perdana Menteri pun akan tercemar dan terugat.

Pada pilihan raya umum tahun 1982, Tan Sri Rahim dicalonkan p73 bertanding di Kawasan Dewan Undangan Negeri Kelemak. Perpindahan beliau daripada menjadi Ahli Parlimen kepada Ahli Dewan Rakyat bukanlah tindakan menurunkan pangkat. Cara ini merupakan syarat untuk membolehkan Rahim dilantik menjadi Ketua Menteri. Perlembagaan menetapkan bahawa seseorang Menteri Besar atau Ketua Menteri hendaklah dilantik daripada salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri.

Bulan Oktober 1983, dalam usia baru 33 tahun, Tan Sri Rahim dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka. Serentak dengan itu juga, beliau dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka. Setahun kemudian, pada 14 Julai 1984, dilantik pula menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Melaka.

Sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini, memang banyak kemajuan dan pembangunan dilakukan oleh Ketua Menteri ini di negeri Melaka. Kita akan memperlihatkan selepas ini satu-persatu pembaharuan, perancangan, tindakan dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh beliau secara sepintas lalu. Sementara itu sebelum melihat Melaka di zaman beliau, adalah lebih baik kita meninjau terlebih dahulu keadaan negeri itu sebelumnya.

Pendedahan begini amat penting sebagai asas untuk kita mengukur sejauh mana dakwaan tentang kejayaan yang dicapai oleh beliau. Tanpa maklumat asas kita tidak akan boleh membuat pengukuran. Tanpa maklumat terdahulu, kita juga tidak boleh membuat perbandingan untuk menilai pencapaian sekarang. Tanpa bersandarkan maklumat untuk menjadikan perbandingan, tentu saja apa yang kita paparkan tidak boleh dikatakan atau dipertahankan sebagai

pembaharuan serta kejayaan. Boleh jadi 'pencapaian' itu sebenarnya satu perkara bernilai lebih rendah daripada apa yang sedia ada sebelum ini. Jika demikian terjadi, bukan kemajuan yang diperolehi. Sebaliknya ia merupakan topeng yang digembar-gemburkan untuk menutup segala kelemahan.

Kita juga akan melihat keadaan Melaka secara keseluruhan. Gambaran secara keseluruhan membolehkan kita mengetahui kekuatan dan kelemahannya. Mengetahui keistimewaan dan kekurangan Melaka memungkinan kita membuat pengukuran, apakah segala pembaharuan yang berlaku itu merupakan inisiatif tertentu atau satu proses evolusi biasa. Satu proses perubahan yang tetap akan berlaku, selari dengan perubahan masa.

Memperjelaskan lagi perkara ini, cuba kita ambil contoh perubahan fizikal orang Jepun. Sebelum perang dunia kedua dan tahap-tahap awal selepas perang tersebut, bangsa Jepun di kenali sebagai bangsa yang pendek. Saiz fizikal orang Jepun lebih kecil dan rendah berbanding dengan bangsa-bangsa Eropah. Selepas Jepun pulih dari kehancuran dan menjadi negara maju, saiz fizikal mereka menjadi tidak banyak berbeza dengan orang Eropah. Bangsa Jepun sekarang tidak lagi dikenali sebagai bangsa yang pendek.

Mengapakah perkara ini berlaku. Apakah kerana negara semakin maju, saiz badan rakyatnya juga semakin besar. Bagaimana pula dengan Somalia yang semakin mundur itu. Tidak pula menjadikan ketinggian tubuh badan bangsanya semakin menurun. India yang lebih mundur daripada Eropah, saiz badan bangsanya sama seperti orang Eropah juga.

Jelaslah perubahan itu bukan satu proses biasa yang tetap akan berlaku. Seandainya perkara itu satu proses perubahan biasa, tentulah orang Barat sudah berganda tingginya. Ketinggian orang Jepun pula semestinya masih kekal sekitar paras siku mereka sahaja, walaupun tinggi sebenar bangsa Asia itu turut bertambah. Sementara itu, bayi yang baru lahir, dimana sahaja di dunia ini bukan semakin kecil. Ia akan menjadi semakin besar.

Jadi, kita dapat membezakan di sini bahawa kejadian bayi

membesar bukanlah satu kejayaan luar biasa. Ini adalah proses biasa. Sebaliknya, kejayaan Jepun mengubah saiz fizikal generasi baru bangsa mereka itu merupakan suatu proses yang bukan biasa. Andainya tiada inisiatif tertentu diambil, seperti menukar habit pemakanan umpamanya, bangsa Jepun pasti kekal bersaiz pendek seperti dulu juga.

Mengikut satu kajian yang dibuat, perubahan saiz orang Jepun itu disebabkan pihak berkuasanya telah berusaha mengubah pemakanan biasa mereka. Kalau dahulu nasi menjadi makanan utama, sekarang keadaan itu telah bertukar. Mereka telah menukar kepada makanan berasaskan gandum dan lebih memakan daging. Kerajaan Jepun telah menjalankan berbagai usaha dan ikhtiar supaya rakyatnya dapat mengubah tabiat pemakanan tradisi mereka. Mereka melakukan ini selepas mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan saiz badan mereka jauh berbeza berbanding bangsa Eropah, malahan dengan orang India juga.

Jepun menemui puncanya. Faktor makanan asasi yang mempengaruhi saiz fizikal badan. Akhirnya, usaha kerajaan Jepun tidaklah sia-sia. Jenis makanan asasi rakyatnya berjaya diubah. Kini saiz badan generasi baru bangsa Jepun telah menjadi hampir sama, walaupun tidak setara dengan orang Eropah. Keadaan semacam ini barulah boleh didakwa sebagai kemajuan.

Dalam pada itu sudah menjadi hukum alam, setiap perkara akan mengalami perubahan. Sama ada kemajuan wujud atau tidak, proses perubahan ini tetap akan berlaku. Perubahan sebegini dikenali sebagai evolusi. Maka kita, hendaklah mampu mengenalpasti, mana satu evolusi dan yang mana pula kemajuan, pembaharuan atau inovasi.

Kembali semula kepada keadaan negeri Melaka. Melaka sebuah negeri yang kecil. Sejarah negeri itu bermula pada akhir abad ke 14 masehi, apabila ia dibuka oleh Parameswara yang lari meninggalkan Temasik (nama Sinagapura tua). Parameswara kemudian memeluk Islam, menukar namanya kepada Raja Iskandar Shah. Puteranya Sri Maharaja yang lebih dikenali dengan gelaran Sultan Mahmud Shah pula naik takhta pada tahun 1424. Dari sinilah bermulanya Sejarah

Kesultanan Melaka.

Sungguhpun kecil, Melaka memang terkenal pada zaman Kesultananannya itu. Bukan sahaja di rantau ini, malah di seluruh dunia. Negeri itu pernah menjadi pusat perdagangan, pentadbiran, perhubungan serta pusat perkembangan Islam. Pelabuhannya begitu sibuk sekali. Bolehlah dikatakan Melaka juga berperanan sebagai Pusat Diplomatik Antarabangsa.

Sepanjang tempoh pemerintahan Kesultanan itulah Melaka mengalami zaman kegemilangannya. Pada zaman tersebut jugalah munculnya metos lima pahlawan Melayu, diketuai oleh Hang Tuah yang terkenal gagah dan taat pada Sultan itu. Ketika zaman keagungan itulah Melaka menjalin hubungan diplomatik yang luas dengan berbagai negara, hingga ke negeri China, India, Tanah Arab, Eropah dan Amerika.

Kemakmuran serta kemajuannya menjadikan Melaka sebuah kerjaan yang dikagumi dan dihormati. Sebagai negeri maju dan menjadi pusat perniagaan yang menguntungkan, kuasa-kuasa barat ingin sekali menguasai Melaka. Perebutan kuasa serta perpecahan yang berlaku dalam pucuk pimpinan terutama di kalangan Istana, semakin melemahkan Melaka. Kelemahan tersebut telah diambil kesempatan oleh Portugis.

Akhirnya kerajaan Kesultanan Melaka runtuh. Melaka dikuasai oleh penjajah -penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris silih berganti. Kejatuhan Kesultanan Melaka turut memuramkan kemajuan negeri itu. Penjajah Eropah juga gagal untuk memulihkan Melaka menjadi pusat perdagangan yang terkenal seperti sebelumnya. Sementelahan pula, bukanlah menjadi hasrat utama mereka untuk membangunkan Melaka. Bangsa penjajah itu hanya memerlukan hasil mahsul di rantau sebelah sini untuk di angkut ke negara asal mereka.

Selain negeri yang kecil, Melaka juga tidak mempunyai hasil bumi. Tidak terdapat sumber alam yang banyak seperti minyak, lombong timah, emas, dan sebagainya. Ladang getah atau ladang kelapa kelapa sawit yang besar juga tidak ada di negeri itu. Ini

disebabkan keluasan tanahnya yang terhad. Begitu juga dengan hasil hutan seperti kayu balak, amat kekurangan sekali. Kedudukannya juga jauh daripada prasarana besar seperti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan antarabangsa. Jauh sekali memilikinya.

Selepas keruntuhan zaman kegemilangannya, Melaka menjadi negeri yang mundur. Sebuah negeri yang kelihatan tidak bergerak dan dikenali sebagai 'sleepy hollow state'. Negeri itu terus tertinggal dan berkeadaan begitu hampir 500 tahun lamanya.

Tidak banyak nampaknya yang dapat dilakukan untuk memaju dan membangunkan Melaka. Selepas merdeka pun, pergerakannya amat perlahan berbanding dengan negeri-negeri lain. Kerancangan pembangunan yang berlaku di negeri-negeri jiran tidak sedikit pun menggugat "kealpaannya". Melaka menjadi penonton pasif kepada kerancangan pembangunan di sekitarnya. Masa berlalu. Pemimpin datang, pemimpin pergi, silih berganti. Namun Melaka tinggal seperti itu juga. Kelihatan seolah-olah tiada ikhtiar bersungguh-sungguh untuk merubah keadaan. Tiada penggerak yang mampu mengubah suasana. Kalau ada pun usaha ke arah itu, kelihatan seperti melepaskan batuk di tangga sahaja.

Sebenarnya, tiada siapa yang boleh dipersalahkan dalam hal kemunduran Melaka ini. Keadaan Melaka yang sebegitu rupa menjadikan tidak banyak usaha dapat dilakukan untuk memperbaikinya. Ketiadaan sumber hasil menjadikan negeri itu tidak mampu untuk membiayai lebih banyak projek pembangunan. Melaka terpaksa bergantung kepada bantuan kerajaan pusat semata-mata. Pembangunan yang lembap sudah tentu membantutkan perkembangannya. Kemudahan untuk meningkatkan pendapatan rakyat terbatas.

Keadaan seperti itu menyebabkan Melaka menjadi negeri yang paling miskin suatu ketika dahulu. Lebih miskin daripada negeri Kelantan. Kemiskinan dan kelembapan pembangunan menyebabkan ramai rakyatnya berpindah untuk mencari kehidupan di negeri lain. Melaka merupakan negeri yang paling ramai penduduknya berhijrah, sama ada ke Kuala Lumpur, Johor, Singapura dan lain-lain tempat. Tidak kurang juga memasuki tanah-tanah rancangan Felda yang

terdapat di seluruh Malaysia.

Oleh kerana sangat kekurangan sumber ekonomi, kebanyakan usaha untuk merubah nasib negeri itu menemui jalan buntu. Pemimpin-pemimpin yang silih berganti itu mati akal dibuatnya. Tiada yang boleh dibanggakan oleh Melaka selain 'kereta lembu', dondang sayang, lagenda Hang Tuah dan kesan-kesan peninggalan sejarah lampaunya. Selain perasaan bangga, tiada faedah lain boleh dinikmati oleh Melaka. Tiada siapa yang nampak potensi ekonomi dari khazanah warisan tersebut.

Begitulah Melaka, terus terbiar tanpa mengalami sebarang perubahan besar selama kira-kira lima kurun selepas zaman keagungannya. Tempoh "malang" itu nampaknya tidak berterusan. Kemunculan seorang anak muda memimpin negeri itu telah mengubah segala-galanya. Melaka kini sudah berwajah baru. Anak muda itu, A.Rahim namanya, berazam membangunkan semula kota yang runtuh itu. Jikalau orang lain melihat tiada sumber yang berpotensi ekonomi untuk mendorong perkembangan Melaka, lain pula halnya dengan Ketua Menteri ini. Beliau melihat sumber yang sedia ada di Melaka amat bernilai dan berharga. Warisan sejarah negeri jika dieksploitasikan dengan betul boleh mendatangkan nilai ekonomi yang tinggi.

Warisan sejarah yang ada pada Melaka menjadikan negeri itu sungguh istimewa dan berbeza berbanding dengan negeri-negeri lain. Keistimewaan itu mestilah digunakan bagi mendatangkan faedah yang besar kepada Melaka. Bukan sekadar mendapat "kebanggaan perasaan" semata-mata. Malah, boleh pula mendatangkan hasil dalam bentuk material. Sejak itulah Melaka mula menampakkan wajahnya yang kian berseri. Warisan sejarah telah dipergunakan sebagai sumber utama untuk membangunkan negeri itu oleh Tan Sri Rahim.

Sungguhpun Melaka tiada sumber alam serta hasil mahsul yang lain, tetapi ia mempunyai pemimpin yang berkualiti. Pemimpin seperti ini berjaya merubah sesuatu yang tidak terfikirkan sebelumnya menjadi realiti. Pemimpin seperti ini memandang setiap benda yang ada di muka bumi ini boleh menyumbangkan faedah kepada

pemilikinya. Tinggal lagi, cara untuk memperolehinya yang perlu difikirkan. Hanya orang yang mempunyai pemikiran tajam dan berdaya kreativiti tinggi sahaja berupaya melakukan perkara sebegini.

Ketua Menteri ini melihat warisan sejarah boleh menjadi komoditi berkesan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi. Apabila ianya dikenalpasti sebagai satu komoditi ekonomi yang penting, perancangan teliti dan sistematik diatur untuk mengeksploitasi khazanah tersebut. Beliau berpendapat, melalui pengeksploitasian sedemikian rupa, Melaka berhasrat untuk mendapat tiga faedah utama.

Pertama sekali, warisan sejarah tersebut dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya. Pemeliharaan warisan sejarah dilakukan dengan berbagai cara. Kerajaan negeri membina berbagai-bagai muzium, termasuklah 'open air museum' yang unik sekali. Jikalau dahulu tiada muzium di Melaka, sekarang begitu banyak sekali. Pembinaan muzium akan diteruskan. Matlamat kerajaan negeri ialah mengadakan 15 buah muzium semuanya supaya nanti boleh dikenali sebagai "Negeri Permuziuman". Begitu juga dengan 'memorial'. Kita boleh dapati banyak 'memorial' telah didirikan.

Pertunjukan bunyi dan cahaya juga diadakan setiap petang. p73
Pertunjukan 'audio-visual' yang menggabungkan 101 kesan bunyi dan cahaya ini akan membawa penonton mengenang kembali sejarah pembukaan Melaka 600 tahun lampau, hinggalah kepada kemerdekaannya dalam Malaysia. Peristiwa-peristiwa lepas di pertontonkan secara 'dramatic' dalam pertunjukan ini.

Pembinaan muzium dan memorial dapat memastikan setiap bahaninggalan sejarah tetap terpelihara dan terjaga. Warisan sejarah ini boleh ditonton oleh generasi sekarang dan seterusnya generasi akan datang. Pertunjukan Bunyi dan Cahaya pula boleh memberikan gambaran secara lebih berkesan terhadap peristiwa-peristiwa lampau yang kini menjadi sejarah. Peristiwa-peristiwa itu sudah tentu tidak dapat dijelaskan hanya melalui bahan yang disimpan di muzium sahaja.

Oleh itu faedah pertama, memelihara warisan sejarah, akan tercapai dalam dua dimensi. Dimensi material dan dimensi mental.

Dimensi meterial melibatkan pengekaln pemeliharaan secara fizikal. Bahan-bahan sejarah akan terselamat daripada kemusnahan ataupun dimusnahkan. Sementara dalam dimensi mental, peristiwa-peristiwa sejarah yang telah lepas akan terus kekal 'terpelihara' dalam ingatan.

Kedua, dapat menarik pelancong dan pelabur datang ke Melaka. Warisan sejarah yang sungguh berharga merupakan daya penarik pelancong ke Melaka. Pelancongan merupakan suatu bidang industri yang sedang berkembang pesat dan menguntungkan. Daya tarikan sejarah boleh digunakan dengan sebaik-baiknya untuk memperkembangkan industri ini. Perkembangan industri pelancongan akan merangsang pertumbuhan aktiviti perniagaan dan perdagangan. Tidak kira samaada yang mempunyai kaitan lansung atau tidak dengannya.

Kemasukan pelancong yang besar bermakna pusingan wang akan bertambah. Pusingan wang yang bertambah sudah tentu mencipta lebih banyak peluang dan aktiviti. Pertambahan peluang dan aktiviti ini seterusnya boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Kata pepatah, di mana ada gula di situ ada semut. Dalam konteks ini, pertumbuhan ekonomi yang pesat boleh memberikan pulangan keuntungan yang memuaskan kepada aktiviti perdagangan. Dengan ini, perkembangan ekonomi Melaka telah menarik pelabur-pelabur menanam modal di negeri itu.

Ketiga, menjadikan Melaka sebagai rujukan sejarah dunia. Melaka telah melalui sejarah 600 tahun sebagai masyarakat majmuk dengan kelainan dari segi agama, bahasa, budaya dan warna kulit. Namun begitu masyarakat Melaka dapat hidup dalam suasana kemanusiaan yang harmoni, toleransi dan sejahtera walaupun wujud kelainan dan perbezaan.

Dunia sekarang sedang menghadapi fenomena kekurangan toleransi serta tiada integrasi. Kehidupan harmoni kian terhapus. Kekacauan dan pertumpahan darah semakin menjadi-jadi. Keadaan tersebut perlu diperbiki. Menurut hemat Tan Sri Rahim, para penyelidik boleh menggunakan Melaka sebagai model untuk mencari jalan menyelesaikan fenomena tersebut. Sejarah keharmonian yang kekal begitu lama di Melaka boleh dijadikan rujukan oleh dunia.

Melaka sebagai rujukan sejarah keharmonian dunia memungkinkan negeri itu memainkan peranan mengurangkan konflik di peringkat antarabangsa. Jika hasrat ini menjadi kenyataan, negara Malaysia juga yang mendapat nama.

Jalan ke arah tersebut telahpun dirintis oleh Ketua Menteri ini. Antaranya ialah mewujudkan program bandar berkembar. Melaka dijadikan bandar berkembar dengan beberapa bandaraya antarabangsa seperti Valperaiso di Chile, Lisbon di Portugis dan Huren di Belanda. Perkembangannya menggalakkan sekali. Kini, semakin banyak permintaan diterima untuk menjadi bandaraya berkembar dengan Melaka. Contohnya, dari bandaraya-bandaraya di Jepun, China dan Iran. Permintaan tersebut sedang dipertimbangkan oleh Melaka.

Peluang ketika berinteraksi dengan bandar-bandar tersebut tidak dipersiapkan. Mesej keharmonian sejagat, dengan Melaka sebagai rujukannya disampaikan dari semasa ke semasa. Penyampaian dilakukan melalui mesyuarat-mesyuarat, seminar atau majlis-majlis yang diadakan bersama mereka. Ide ini nampaknya mendapat perhatian Majlis Belia Dunia. Badan tersebut berhasrat mengadakan seminar di Melaka bagi mengkaji bagaimana Melaka dapat mewujudkan toleransi yang menjadi asas integrasi rakyat. Sudah tentu ini merupakan satu penghormatan besar badan dunia itu terhadap buah fikiran beliau.

Perkembangan tersebut meyakinkan kita bahawa matlamat ketiga Melaka ini lambat laun pasti akan berjaya. Tan Sri Rahim sendiri pun memang optimis dengan usaha yang diilhamkannya itu. Usaha sedemikian nampaknya tidak mendapat halangan daripada kerajaan Persekutuan. Ini membayangkan keyakinan kerajaan Pusat akan kebaikan rancangan tersebut.

Bertolak dari pemikiran ekonomi berorientasikan warisan sejarah itulah, Tan Sri A. Rahim menggunakan sepenuhnya keistimewaan milik Melaka ini dalam merangka strategi pembangunannya. Kelebihan Melaka yang terkenal dari segi sejarah, digunakan secara berkesan untuk mempromosikan negeri itu sebagai pusat pertumbuhan baru di Malaysia. Faktor sejarah membuatkan usaha memper-

kenalkan Melaka menjadi lebih mudah.

Hasilnya sungguh memberangsangkan. Strategi pembangunan berasaskan warisan sejarah sungguh berjaya. Langkah permulaan ialah menarik kemasukan pelancong ke Melaka. Promosi yang dijalankan amat berkesan. Kemasukan pelancong, terutama dari luar negara semakin bertambah dari setahun ke setahun. Keadaan ini telah "menyemarakkan" industri pelancongan di negeri itu. Tempat tempat boleh dijadikan daya tarik pelancong selain yang berasaskan sejarah juga dibangunkan oleh kerajaan negeri. Ini termasuklah Taman Mini Malaysia, Taman ASEAN dan Pulau Besar Island Resort.

Eksplotasi warisan sejarah begitu berjaya sekali. Melaka telah menjadi sebutan dibibir ppelancong asing. Negeri itu mendapat liputan meluas dan baik sekali di luar negeri. Sebuah majalah antarabangsa terkenal 'World Executive Digest', keluaran April, 1990, dipetik menyentuh mengenai Melaka:

"Journey back into history, into the little paradise called Malacca... is an ideal breakway from the active city life of Kuala Lumpur".

Sementara itu, sebuah lagi majalah luar negara pernah memerikan keunikan Melaka. Majalah 'Changi' keluaran Lapangan Terbang Antarabangsa Singapura itu menyifatkan kota Melaka sebagai sebuah tempat yang menawarkan '*...something old, something new...*'

Kesungguhan Tan Sri Rahim membangunkan Melaka melalui pendekatan sejarah mendapat pengiktirafan kerajaan Pusat. "Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah Malaysia" diisytiharkan oleh kerajaan Persekutuan. Perisytiharan tersebut telah dibuat pada 15 hb. April 1989. Perisytiharan sedemikian sangat bermakna kepada negeri itu. Melalui pemasyhuran tersebut boleh membantu meningkatkan usaha promosi Melaka untuk menjadi 'negeri permuziuman'. Serentak dengan itu juga Melaka pasti berpeluang menjadi pusat pelancongan dan akan diikuti dengan bidang perindustrian lainnya.

Inisiatif beliau menjadikan warisan sejarah sebagai 'nukleus'

kemajuan Melaka sungguh menakjubkan. Bukan sahaja kegiatan pelancongan yang berkembang. Bidang perindustrian dan perniagaan lain turut menjadi semakin rancak. Melalui usaha promosi yang berterusan, Melaka kini telah mendapat kepercayaan masyarakat pelabur. Kemasukan pelaburan ke negeri itu semakin meningkat. Begitu pesat sekali.

Perkembangan perindustrian di Melaka amat ketara sekali di bawah pimpinan beliau. Kepesatan sedemikian terjadi disebabkan kebolehannya mengeksploitasikan segala peluang yang ada. Kesempatan dari potensi warisan sejarah dipergunakan sebaik-baiknya. Di tambah pula dengan beberapa kemudahan sedia ada. Kemudahan-kemudahan tersebut digunakan sepenuhnya untuk menarik kemasukan industri.

Keupayaan mengambil kesempatan daripada peluang yang tersedia merupakan satu keistimewaan kepada Tan Sri A.Rahim. Pemimpin-pemimpin lain sebelumnya membiarkan sahaja peluang yang ada tanpa mengambil kesempatan daripadanya. Pelbagai kemudahan prasarana yang lengkap memang telah tersedia. Jalan rayanya baik. Sistem telekomunikasinya sempurna. Kepadatan penduduknya agak tinggi serta mendapat latihan dan pendidikan yang baik. Seperkara lagi, kedudukannya agak strategik, antara dua bandaraya besar di rantau Asean, iaitu Kuala Lumpur di utara dan Singapura di selatan. Tambahan pula terdapat lebuh raya yang menghubungkan kedua-dua bandaraya dengan Melaka. Kesemua faktor itu merupakan peluang yang tersedia. Anehnya peluang sebegini tidak digunakan secara maksima sebelum ini. Semuanya terbelenggu dikuasai pemikiran ketiadaan hasil mahsul utama.

Sebaliknya perkara seperti ini tidak menghantui pemikiran Tan Sri A.Rahim. Kemudahan yang ada itu telah digunakan sepenuhnya. Peluang tersedia tidak disia-siakan oleh beliau. Kemudahan prasarana dan kedudukan geografinya digunakan untuk meyakinkan pelabur bahawa Melaka tempat sesuai untuk mereka. Pelaburan mereka tentu mendapat keuntungan di sana. Faktor tambahan ini telah menambahkan lagi keyakinan pelabur. Sememangnya telah terbukti

kini bahawa penanaman modal mereka di Melaka mampu membawa pulangan yang memuaskan.

Hari ini Melaka menjadi salah sebuah negeri yang paling pesat perkembangan perindustriannya di Malaysia. Melaka kelihatan mula menunjukkan taringnya untuk menyaingi Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Kepesatan pembangunan industrinya menyebabkan Perdana Menteri kita sungguh kagum dengan pencapaian Melaka. Beliau menyifatkan Melaka sebagai sebuah negeri yang dinamik di Malaysia. Negeri yang dinamik sudah semestilah dipimpin oleh ketua yang dinamik juga.

Melihat kecapaian sehingga ini, Tan Sri Rahim yakin Melaka akan mencapai taraf negeri maju sebelum tahun 2020. Namun begitu, dalam mengejar hasrat untuk mencapai taraf tersebut, beliau lebih bersikap fleksibel. Sikap fleksibel itu menyebabkan beliau tidak menetapkan suatu tarikh tetap bila matlamat tersebut akan tercapai. Meskipun begitu masanya pasti sebelum tahun 2020 juga.

Pada pandangannya apa yang lebih penting bukan menentukan tarikhnya. Kepentingan utama ialah memastikan semua orang mendapat peluang. Kekayaan Melaka tidak hanya dimonopoli oleh beberapa orang atau beberapa syarikat korporat besar sahaja. Apabila disebut bertaraf maju, bagi beliau bukan sahaja bermaksud pendapatan per kapita yang tinggi, sumbangan sektor perindustrian kepada Keluaran Negara Kasar(KNK) meningkat dan sebagainya. Sebaliknya, kemajuan itu mestilah juga dapat diagihkan kepada rakyat jelata dengan berkesan.

Pencapaian taraf negeri maju yang sebenar menurut persepsi beliau ialah apabila rakyat sendiri mendapat faedah darinya. Kawasan perindustrian teragih ke seluruh negeri. Setiap tempat ada pekerjaan. Seluruh rakyat mencapai tahap pendapatan serta menikmati taraf hidup lebih baik. Sehingga hasrat itu termakbul, beliau tetap tidak menganggap bahawa taraf maju yang diidamkan itu telah mencapai matlamatnya. Maju yang sedemikian tentulah tidak membawa sebarang makna. Selagi hasrat seperti itu belum tertunai, sehingga itulah hatinya belum puas.

Tan Sri Rahim amat mengambil berat terhadap kepentingan ilmu pengetahuan. Menurutnya, melalui pembekalan ilmu, kemahiran, pengetahuan dan pendedahan meluas kepada rakyat, khasnya orang Melayu barulah mereka boleh mendapat faedah maksima daripada p73 kemajuan yang sedang dialami. Menyedari ilmu pengetahuan penting untuk meningkatkan kemajuan dalam semua bidang, berbagai program khusus diadakan untuk orang Melayu. Bagi bidang perniagaan umpamanya, diadakan kursus-kursus pendek untuk menyediakan dan membolehkan bumiputera menyertai bidang itu. Di samping itu, mereka juga diberi bantuan kemudahan asas seperti membina tempat-tempat untuk berniaga. Peluang-peluang perniagaan baru juga disediakan dan diberi keutamaan kepada mereka.

Dalam konteks melahirkan masyarakat " Melayu Baru ", beliau juga tidak ketinggalan. Usaha telah dijalankan untuk menambahkan bilangan peniaga dan usahawan bumiputera yang besar dan mantap. Sekali lagi beliau percaya, melalui ilmu jugalah usahawan sedemikian dapat dilahirkan. Menyedari hakikat ini, maka ditubuhkan Institut Pengurusan Melaka (IMM). Slogan IMM ialah "Ilmu Menerajui Melaka". Tugas institut ini adalah membekalkan ilmu khusus dalam bidang keusahawanan dan perniagaan kepada rakyat Melaka, terutamanya orang Melayu. Institut ini menjalankan kursus jangka sederhana dan jangka pendek yang diadakan dari semasa ke semasa.

Keghairahan mengejar kemajuan perindustrian untuk mencapai taraf negeri maju, tidak pernah melalaikan perhatian Tan Sri Rahim terhadap masalah kemiskinan. Membasmi kemiskinan dikalangan rakyatnya, terutama orang Melayu menjadi tugas nombor wahid bagi Ketua Menteri ini. Beliau pernah berikrar sedikit masa dahulu, " Selagi masalah kemiskinan masih belum dapat diatasi, maka selagi itulah saya tidak akan berhenti. Itupun sekiranya perkhidmatan saya masih diperlukan lagi."

Ikrar tersebut nampaknya sudah lebih daripada separuh menemui kejayaan. Beliau telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Melaka. Kadar itu telah menurun daripada lebih 30 peratus kepada 11 peratus sahaja sehingga kini. Beliau berhasrat mengurang-

kan kadar tersebut menjadi hanya 4 peratus sahaja menjelang tahun 2000 nanti. Kita percaya dengan prestasi yang ditunjukkan selama ini, hasrat tersebut akan tercapai.

Kecemerlangan Tan Sri Rahim memajukan Melaka tidak terbatas pada soal-soal kebendaan sahaja. Kemajuan syiar Islam juga tidak ditinggalkan. Perkembangan Islam meningkat seiring dengan kehebatan pembangunan ekonomi dan industri. Beliau memberikan perhatian serius kepada kebangunan Islam di Melaka. Antaranya, sekolah-sekolah agama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIM) telah ditambah dari semasa ke semasa. Sekolah-sekolah agama petang juga diwujudkan untuk membekalkan pendidikan agama secukupnya kepada kanak-kanak Islam. Ini penting sebagai asas membina keperibadian dan perwatakan anak-anak Muslim sesuai dengan tuntutan agama yang suci. Asas seperti inilah yang boleh menjamin kebangunan semula Islam hari ini dan seterusnya.

Melaka juga merupakan negeri pertama yang berjaya mengambil alih sekolah-sekolah agama swasta atau sekolah pondok melalui penyerahan secara sukarela. Hal ini jelas membayangkan kepercayaan pengasas dan pentadbir sekolah-sekolah itu, akan keikhlasan dan keupayaan kerajaan negeri mengendali serta meningkatkan mutu pelajaran agama.

Kerajaan negeri juga sentiasa berusaha untuk menegakkan peranan institusi ibadah sebagai institusi yang penting. Perancangan ke arah itu telah mula diatur. Pertamanya, beliau akan memastikan pentadbiran masjid dan surau dikendalikan dengan baik. Masjid sedang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan tempat ibadah dan tempat menambah ilmu fardhu ain. Perpustakaan akan dibina di masjid-masjid seluruh negeri. Kakitangan masjid akan dilatih untuk mengendalikan perpustakaan ini disamping mengendalikan pentadbirannya. Dengan cara ini pentadbiran masjid menjadi lebih teratur dan bersih. Hasilnya, masjid akan menjadi pusat kegiatan dakwah Islamiah yang berkesan. Fungsi masjid tidak lagi menjadi tempat sembahyang semata-mata.

Pembinaan perpustakaan di masjid, akan menggalakkan orang

datang ke masjid bukan sahaja untuk sembahyang, tetapi membaca buku. Mereka akan datang lebih awal untuk membaca buku sehingga masuk waktu sembahyang. Seterusnya mereka dapat menunaikan sembahyang mengikut waktu. Di samping menjalankan ibadah khusus, mereka juga dapat melakukan ibadah umum. Melalui cara ini, boleh mengimarahkan masjid-masjid yang selama ini sudah kelihatan semakin lesu, kecuali pada hari-hari tertentu sahaja.

Beliau juga berazam untuk menjadikan Melaka sebagai Pusat Penyebaran Islam. Bagi memenuhi hasrat itu, Kompleks Al'Azim yang kini hanya merupakan sebuah mesjid sedang diperlengkapkan. Dewan-dewan kuliah yang boleh menampung sehingga 1000 orang akan dibina. Perpustakaan yang lengkap dan pusat penyelidekan juga akan dibina.

Apabila siap nanti, ia akan menjadi sebuah kompleks Islam serba lengkap. Secara tidak lansung, Melaka sebagai pusat rujukan sejarah dunia, akan memperkenalkan Islam dan peranan Islam yang sebenar dalam perkembangan sejarah negeri itu. Gambaran tentang Islam akan dapat diperbetulkan, tidak sebagaimana persepsi Barat terhadapnya. Islam yang menjadi asas kejayaan di Malaysia bermula di Melaka. Dengan cara ini peranan Islam dapat dihargai oleh semua orang, bukan sebagai agama perosak dan agama kemunduran seperti yang digambarkan oleh Barat dan orientalis.

Kita telah melihat pencapaian tokoh ini sepanjang perkhidmatannya sebagai Ketua Menteri Melaka. Melaka yang dahulu serba ketinggalan kini telah berubah wajah. Perubahan berlaku di segenap segi samada pembangunan, ekonomni, perdagangan, perindustrian malah pada agama Islam sendiri. Melihatkan usia masih muda dengan 'performance' yang membanggakan, harapan untuk meningkatkan kedudukannya dalam parti begitu cerah sekali. Beliau mempunyai peluang besar untuk mendapat kepercayaan serta sokongan anggota parti, khasnya golongan muda. Imejnya sebagai pemimpin dinamik selama ini tentu sekali akan banyak membantu beliau ke arah itu.

Sungguhpun berbagai tohmahan dan fitnah dilemparkan kepada beliau melalui surat-surat layang dan sebagainya, sedikit pun

tidak menjejaskan kewibawaan tokoh ini. Malah, kedudukannya semakin kuat. Beliau nampaknya semakin dihormati dan dipercayai. Tuduhan liar melibatkan hal-hal peribadi itu sebaliknya menjadi sebagai agen promosi yang berkesan sekali pada beliau.

Fitnah dan tohmahan kelihatan berlalu begitu sahaja. Namun sekali sekala beliau ada juga mengulas mengenainya. Menurutnya, tohmahan dan fitnah perkara paling mudah direka. Membuktikan kebenarannya sahaja yang menjadi kesukaran. Fitnah akan tinggal fitnah selagi ianya tidak dibuktikan. Beliau juga pernah mencabar sesiapa yang mempunyai bukti sebagaimana difitnahkan itu supaya membawanya ke muka pengadilan. Beliau sanggup meletakkan jawatan dan menghadapi hukuman jika penyelewengan kuasa atau keburukan p73 moral sebagaimana dakwaan sesetengah pihak dapat dibuktikan kebenarannya. Sehingga ini, sudah sekian lama fitnah demi fitnah seperti itu timbul tenggelam. Namun tiada siapa yang tampil meyambut cabarannya.

Dalam hal kepimpinan pula, kita telah melihat bahawa beliau bukanlah orang mentah dibidang ini. Umur yang masih muda bukanlah ukuran mengatakan beliau masih belum matang untuk di ketengahkan. Sungguhpun muda umur tetapi bukanlah bermakna beliau juga muda fikiran, cetek pandangan, sedikit pengalaman dan kurang kewibawaan.

Sebelum dapat dibuat penilaian seterusnya mengenai kuliti kepimpinan beliau, wajar kiranya kita merenung beberapa pandangan serta buah fikiran tokoh ini mengenai pemimpin dan kepimpinan. Renungan sedemikian membolehkan kita "membaca" corak pemikiran beliau dalam mengolah subjek yang sering diperkatakan dalam skop politik ini. Hal ini juga membolehkan kita mengesani sejauh manakah dirinya sendiri berupaya menepati keperluan sebagaimana kriteria hasil cernaannya itu. Pemimpin berwibawa tentu punya upaya diri menterjemahkan fikiran kepada perlakuan.

Menurut Tan Sri Abdul Rahim, tiga jenis kepimpinan yang harus ada pada seseorang pemimpin iaitu:

- i. Kepimpinan yang sudah teruji
- ii. Kepimpinan yang berprestasi
- iii. Kepimpinan yang berwawasan.

Kepimpinan jenis pertama ialah pemimpin yang sudah menghadapi segala ujian getir. Pemimpin seperti ini sanggup menghadapi ranjau dan duri serta tidak akan mengalah dengan prinsip yang diperjuangkan. Pemimpin seperti ini tentu tidak akan memikirkan kepentingan diri sendiri sahaja. Segala halangan yang ditempuh dihadapi dengan penuh keyakinan dan akhirnya dia akan berjaya juga.

Sementara itu kepimpinan yang berprestasi, membawa perubahan semakin baik kepada organisasi pimpinannya. Pemimpin jenis ini mempunyai keupayaan memandu organisai mencapai matlamat sebagaimana yang dirancangan. Mereka pula sentiasa mempunyai ide dan berjaya melaksanakan ide tersebut dengan berkesan.

Akhir sekali pemimpin berwawasan. Tanpa wawasan seseorang pemimpin tidak mampu menyediakan organisasinya menghadapi masa depan. Segala perancangan dan tindakan yang diambil hanya untuk jangka pendek sahaja. Pemimpin seperti ini tidak mempunyai pandangan jauh ke hadapan. Apa yang dibuat hari ini hanya untuk hari itu sahaja. Pemimpin berwawasan boleh melaksanakan program terbaik untuk hari serta berkesinambungan dalam memenuhi keperluan masa akan datang. Dengan itu, pemimpin seperti ini mempunyai fikiran positif serta ada kejelasan (clarity) di dalam wawasannya, akan arah yang sedang dituju dan hendak dibawanya.

Mengenai polemik kaitan usia dengan keberkesanan kepimpinan, beliau tegas berpendapat faktor usia bukanlah pengukur kepimpinan. Usia yang lama belum tentu mempunyai ciri-ciri seperti tiga jenis kepimpinan yang dinyatakan di atas. Sebaliknya, usia yang muda sekalipun, jika ketiga-tiga jenis kepimpinan tersebut ada pada seseorang, tentulah lebih layak baginya untuk diangkat menjadi pemimpin. Tugas pemimpin mencakupi bidang yang luas dan besar. Bukan

sekadar meluluskan peruntukan sahaja. Andai kata itulah tugasnya, semua orang boleh menjadi pemimpin. Dengan sebab itu, pemimpin yang mengamalkan budaya menabur janji sana sini patut diketepikan. Orang seperti ini hanya mementingkan populariti tetapi kosong dengan misi dan visi. Pemimpin jenis ini juga biasanya suka mencerca dan menimbulkan keburukan orang lain untuk menutup kelemahan sendiri. Bukanlah pemimpin sebegini yang dikehendaki dan diperlukan oleh parti.

Seorang pemimpin juga perlu berani menghadapi risiko serta menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada parti. Pemimpin yang tidak berani menghadapi keadaan ini lebih baik awal-awal lagi meletakkan jawatan. Pemimpin seperti ini menurut Tan Sri Rahim hanya memikirkan kedudukan dan jawatan bukan kepentingan parti. Mendapat jawatan merupakan satu kemegahan, bukan nya tanggungjawab bagi pemimpin seperti ini.

Berdasarkan prinsip tersebutlah beliau tidak keciwa dan berkecil hati walaupun pernah kalah dalam pertandingan merebut salah satu kerusi Naib Presiden UMNO tahun 1990 dahulu. Pada beliau, kalah atau menang sudah menjadi adat pertandingan. Kita mesti akur kepada suara majoriti. Pihak yang kalah mesti menerima kekalahan-nya dan mengiktiraf pemenang.

Penawaran diri untuk bertanding jawatan tinggi itu bukan bermakna beliau inginkan kedudukan dan jawatan yang lebih tinggi. Kesediaan bertanding ialah semata-mata sebagai menawarkan diri untuk berkhidmat secara lebih berkesan kepada parti. Sungguhpun gagal, masih banyak lagi saluran boleh digunakan untuk menyumbangkan khidmat dan buah fikiran kepada parti. Itulah sebabnya beliau tidak mengambil tindakan meletak jawatan atau keluar parti dengan kekalahan yang dialaminya. Jikalau hanya mengejar kedudukan, sudah tentu beliau meletakkan jawatan atau meninggalkan parti berikutan kekalahan tersebut. Pemimpin bertindak sedemikian adalah pemimpin yang tidak setia kepada parti. Pemimpin seperti inilah yang selalu memecah belah dan memusnahkan parti. Baginya, beliau tidak rela menjadi 'parasit' seperti itu.

Kesediaan berkhidmat itulah menyebabkan beliau tidak serik menawarkan diri untuk bertanding sekali lagi. Kali ini nampaknya beralih 'platform' pula. Beliau memutuskan untuk bertanding sebagai Ketua Pergerakan Pemuda. Sungguhpun pada mulanya beliau berhasrat ingin mencuba bertanding jawatan Naib Presiden sekali lagi, tetapi akhirnya beliau menukar keputusan itu.

Keputusan tersebut bukanlah bermakna beliau telah mengalah sebelum mencuba. Bukan juga bermakna beliau semakin mengundur ke belakang. Mungkin beliau berpegang kepada kata-kata bahawa selangkah mengundur ke belakang bukan bermakna menyerah kalah di medan peperangan. Selangkah mundur ke belakang merupakan satu taktik bertahan, sementara menyusun strategi baru untuk mara sepuluh langkah ke hadapan. Pun begitu, tidaklah pertandingan ini boleh di bandingkan dengan medan peperangan. Konsep peperangan, pihak tewas terpaksa mengikut telunjuk yang menang. Segala kekerasan digunakan. Sebaliknya pertandingan parti pula lebih kepada kerelaan diri dan penerimaan ramai.

Perubahan jawatan yang ingin dipertandingkan sebenarnya dibuat berdasarkan pandangan ramai. Malah, penawaran diri untuk bertanding Naib Presiden terdahulu itu pun bukanlah hasrat diri beliau secara individu. Penawaran dahulu itu dibuat atas permintaan dan sokongan Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

Setelah meninjau pendapat dan pandangan berbagai pihak, terdapat saranan yang lebih supaya beliau menawarkan diri untuk Jawatan Ketua Pergerakan Pemuda. Lantas beliau membuat keputusan menerima saranan dan pandangan ramai tersebut. Keadaan itu jelas membayangkan kepada kita bahawa Tan Sri A. Rahim ialah seorang yang berfikiran terbuka. Beliau bersedia menerima pandangan dan pendapat orang lain dan akur dengan kehendak ramai.

Walhal, beliau masih boleh meneruskan keputusan awal yang dibuatnya. Beliau mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk menjalankan jentera kempen secara berkesan dalam pertandingan Naib Presiden itu. Kehebatannya tidak kurang juga berbanding dengan tokoh-tokoh lain yang turut menawarkan diri. Seandainya

keputusan pemilihan nanti tidak menyebelahi beliau, namun beliau boleh memberikan saingan sengit dan mencemaskan calon-calon lain. Kekalahan tidak mejadi masalah kepadanya kerana beliau boleh menerima keadaan itu. Beliau pernah mengalami kekalahan. Kemungkinan untuk menang pun tidak boleh diperkecilkan. Pengalaman pertandingan lepas tentu telah membolehkan beliau mengkaji sebarang kelemahan dan kekurangan. Beliau tentulah mampu mengatur strategi yang lebih baik dan lebih berkesan.

Keakuran beliau kepada kehendak ramai amat wajar dan tepat sekali. Keputusan beliau bertanding jawatan Ketua Pemuda boleh diibaratkan seperti ikan pulang ke lubuk. Ini kerana pergerakan pemuda merupakan wadah pertama beliau menonjolkan diri sebagai pemimpin. Bakat kepimpinannya yang semakin menyerlah dan bersinar telah diasah melalui penglibatan dalam pergerakan itu. Kenaikan dan bintang beliau yang semakin terang dalam politik juga bermula melalui pergerakan pemuda.

Penglibatan beliau yang agak lama dalam Pemuda UMNO menjadikan pergerakan itu bukanlah asing bagi beliau. Nadinya masih berdenyut dalam badan pergerakan itu. Kenangan beliau kepada pergerakan itu belum dapat dikikis sepenuhnya. Hati budi pergerakan itu masih segar dalam ingatannya. Umumnya juga masih sesuai untuk pemuda, walaupun sebenarnya tiada had umur untuk jawatan tersebut. Sungguhpun sudah agak lama meninggalkan pergerakan itu, setiap perkembangan diikutinya. Jurang pemikiran antaranya dengan pemuda tidak terlalu jauh. Beliau yakin jurang itu boleh dirapatkannya tanpa sebarang masalah untuk membentuk satu kesatuan tindakan.

Beliau berpendapat pergerakan pemuda mempunyai peranan yang besar dalam parti. Baginya, pergerakan pemuda hendaklah menjadi penyumbang dan penggerak (*motivator*) yang menjadi nadi kepada asas atau struktur perjuangan parti UMNO sendiri. Pergerakan itu hendaklah memainkan peranan untuk memperkukuh dan memperkuatkan lagi badan induknya. Sebagai penyumbang dan penggerak badan induk, pergerakan itu hendaklah tidak memisahkan dirinya dari badan induk dengan membawa haluan yang tersendiri.

Pemuda UMNO kini sedang menghadapi berbagai cabaran. Cabaran cabaran tersebut mestilah diatasi terlebih dahulu dalam usaha menjadikan pemuda sebagai penggerak dan penyumbang. Cabaran utama pergerakan pemuda mengikut Tan Sri Rahim ialah: “..untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan pergerakan ini supaya sama-sama dapat berfungsi sebagai landasan yang kukuh bagi membolehkan keseluruhan perjuangan parti mencapai cita-cita yang diperjuangkan ini secara bermakna”. Dengan itu menurut beliau, pemuda perlu mempunyai kepimpinan yang boleh diharap oleh UMNO. Pemimpin boleh diharap ialah yang mempunyai kebijaksanaan perancangan dan pelaksanaan.

Dalam pada itu, tidaklah bermakna bahawa beliau mengatakan pergerakan pemuda sekarang tidak memainkan peranan sewajarnya. Beliau mengakui pemuda sekarang memang sudah mempunyai kepimpinan yang bermakna, mempunyai kebijaksanaan perancangan dan pelaksanaan. Tidak dinafikannya sama sekali. Cuma menurut beliau, masih ada lompang yang boleh diisi dan ada ruang boleh diperbaiki.

Beliau berpendapat, pemuda sekarang mempunyai asas keupayaan yang kukuh untuk membantu UMNO mencapai matlamatnya. Dengan itu beliau berhasrat hendak meneruskan peranan itu serta menambahkan lagi keberkesanan Pergerakan Pemuda dalam semua bidang dan jurusan. Beliau ingin melihat generasi muda mempunyai rasa komitmen bahawa mereka bersama-sama dalam satu pasukan untuk memastikan matlamat perjuangan UMNO berjaya pada masa akan datang.

Bagi beliau, Pemuda UMNO juga mesti berkhidmat untuk memperbaiki generasi muda. Sebagai penggerak, pemuda hendaklah memberi perkhidmatan kepada generasi muda dalam pengertian secara umum, yang mungkin sebahagian daripada mereka tidak terlibat dalam pergerakan politik. Pergerakan pemuda, sebagai penggerak, hendaklah membekalkan kepimpinan kepada generasi ini. Dengan cara itu mereka dapat dibentuk dan digembleng ke arah kecemerlangan dan pencapaian matlamat wawasan 2020.

Tan Sri Rahim menggariskan beberapa matlamat umum yang perlu dicapai oleh pemuda jika beliau berjaya menerajui pergerakan itu nanti. Matlamat-matlamat itu ialah seperti yang dinyatakan dalam satu wawancara dengan majalah Dewan Masyarakat keluaran September 1993 (m.s. 14 -15) yang kita perturunkan petikannya seperti berikut:

" Kita telah menggariskan beberapa matlamat umum kepimpinan Pemuda masa akan datang. Selain kecemerlangan pimpinan yang ada sekarang diperingkat nasional dan antarabangsa, iltizam Pemuda harus ditingkatkan supaya dapat bersama-sama menghayati perjuangan UMNO ddalam meningkatkan tahap kecemerlangan yang telah diasaskan oleh kepimpinan presiden parti sekarang. Pemuda hendaklah menjadi satu tenaga yang kuat dalam merealisasikannya. Mereka mesti bersedia memikul tanggungjawab untuk mengisi ilmu di dada, menghadapi sebarang ujian dancabaran bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 yang menjadi kemuncak kecemerlangan bangsa. Pemuda harus menjadi tenaga bagi memantapkan perpaduan dan kekuatan parti sehingga dapat mengambil kembali negeri-negeri yang sekarang ditakluki oleh parti-parti pembangkang. Pemuda hendaklah menjadi satu tenaga yang berkesan dalam memastikan falsafah "UMNO teras politik, Melayu teras negara" sentiasa menjadi tunggak sistem dan gagasan negara kita.

" Pergerakan Pemuda mesti komited terhadap perjuangan untuk meningkatkan pencapaian orang Melayu dalam semua bidang kehidupan. Kita hendaklah memastikan kewibawaan Pemuda sebagai sayap kanan dan pelapis kepada pimpinan parti dan pimpinnan rakyat jelata. Berdasarkan matlamat ini, kita akan buat program-program yang sesuai, dan bagaimana program itu akan dilaksanakan kita akan bincangkan secara kolektif, bermuafakat, berasaskan konsensus di kalangan pemimpin UMNO yang diberi kepercayaan apabila mereka dipilih oleh perwakilan ."

Beliau mempunyai keyakinan perpaduan, kekuatan serta kemandapan parti boleh dicapai melalui sumbangan yang berkesan oleh tenaga pemuda. Kekuatan serta perpaduan parti yang mantap membolehkan UMNO disegani dan dihormati. Keadaan ini sudah tentu memberikan kelebihan kepada UMNO. Rakyat akan lebih

percaya dan merasa selamat di bawah pimpinan UMNO. Berdasarkan pemikiran demikianlah beliau tidak ragu-ragu mengatakan bahawa UMNO akan dapat merebut kembali Kelantan dan Sabah dari pembangkang dengan komitmen yang berkesan dari pergerakan pemuda. Beliau percaya, kekalahan UMNO di Kelantan bukanlah disebabkan Parti PAS lebih kuat. Apa yang jelas ialah, kelemahan UMNO sendiri di Kelantan menyebabkan negeri itu terlepas ke tangan pembangkang. Kelemahan seperti inilah yang akan diperbaiki oleh pergerakan pemuda bersama-sama badan induk UMNO sendiri.

Berdasarkan rekod perkhidmatan beliau terutama kemampuan membawa perubahan yang besar kepada wajah negeri Melaka, kemunculan tokoh ini mula dibicarakan. Kemunculannya menambahkan lagi khazanah golongan pemimpin muda yang boleh menjadi pemimpin pelapis kepada UMNO dan negara di masa hadapan. Pemimpin-pemimpin seperti ini perlu didedahkan dengan peranan yang lebih besar sebagai satu latihan dalam proses peralihan pucuk pimpinan. Sebenarnya pun, proses peremajaan dalam UMNO merupakan suatu proses yang berterusan sejak dahulu lagi. Ia bukanlah proses yang baru timbul.

Penglibatan sekian lama dalam Pergerakan Pemuda juga menjadikan beliau seorang tokoh yang berkebolehan mengenal hati budi "Pemuda" dengan lebih mendalam. Hanya penentang-penentang dan musuh-musuh beliau sahaja yang boleh menafikan kewajaran untuk '63 mengenengahkan ketokohan beliau di tempat lebih tinggi. Bagi sesiapa yang berfikiran waras dan boleh memandang sesuatu perkara dengan fikiran terbuka tentu tidak akan menafikan segala kecemerlangan beliau selama ini.

Menilai kejayaan demi kejayaan dicipta oleh beliau selama ini, tentulah kita boleh membuat rumusan tentang mutu kepimpinan yang ada pada Tan Sri Rahim. Berdasarkan maklumat-maklumat yang dipaparkan, tentulah boleh kita katakan bahawa sememangnya beliau seorang pemimpin berkualiti. Pemimpin berkualiti ialah pemimpin yang tahan diuji, berprestasi dan berwawasan.

Kita percaya pilihan beliau untuk memimpin pemuda adalah

satu pilihan yang tepat, sesuai dan bijak. Ibarat kata pepatah, perahu bertambatan, dagang bertempat, barulah kena dengan keadaan. Kematangan dan kecemerlangan kepimpinan beliau selama ini boleh dicurahkan kepada pergerakan itu. Kepimpinan dinamikanya di Melaka mungkin boleh membentuk dinamisme baru kepimpinan pemuda. Dari pemuda beliau mula mendapat pengalaman, maka kepada pemuda jugalah pengalaman itu akan diperturunkan.

Kedudukan Ketua Pemuda yang secara automatik menjadi salah seorang Naib Presiden itu membolehkan tokoh ini mencurahkan baktinya secara lebih berkesan lagi kepada parti. Tidak sepatutnya pemimpin yang begitu berpotensi ini kita ketepikan. Bunga bangsa yang mengharum hendaklah kita pupuk supaya terus berkembang. Tidak tumbang tercantas di pertengahan jalan.









